


Jilid I
Bii. 100



Hari Selasa
27hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 10731]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 10749]

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh):

Maksud P. 29 [Ruangan 10749]

Maksud P. 30 [Ruangan 10799]

Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 [Ruangan 10830]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh):

Maksud B. 29 [Ruangan 10749]

Maksud B. 30 [Ruangan 10799]

Maksud B. 31, B. 32, B. 33, B. 34 dan B. 35 [Ruangan 10830]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KIT WENG (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 27hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Lee Boon Peng.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat.

MILD STEEL BARS—KEKURANGAN

1. Puan Chow Poh Kheng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan "mild steel bars" dalam negara ini, telah menyebabkan kesusahan kepada pembina-pembina dan pemaju-pemaju rumah, dan juga menyebabkan kenaikan harga-harga rumah yang menjadikan rakyat bergaji biasa tidak mampu membelinya, jika ya, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh beliau untuk meringankan kekurangan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang kekurangan "mild steel bars" dalam Negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan batang-batang besi ini berlaku kerana pengeluaran kilang-kilang tempatan seperti Malayawata dan kilang-kilang kecil yang lain tidak mencukupi untuk menampung semua keperluan dalam Negeri.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi kekurangan bahan tersebut dan di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) meluluskan beberapa projek baru dan pembesaran kilang-kilang yang sedia ada;
- (ii) Melonggarkan kawalan import terhadap batang-batang besi; dan
- (iii) Melalui Perbendaharaan, mengimport batang-batang besi untuk projek-projek Kerajaan.

Memandangkan kepada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan seperti yang saya sebutkan di atas, tidaklah benar bahawa pembina-pembina dan pemaju-pemaju perumahan sukar mendapat bekalan batang-batang besi.

Perlu diingatkan di sini bahawa harga batang-batang besi adalah dikawal oleh Kerajaan di peringkat penghantaran (delivery price). Dari kajian Kementerian saya adalah didapati bahawa kos batang-batang besi merupakan lebih kurang 3% sahaja dari segi kos pembinaan sesebuah rumah. Oleh hal yang demikian, kenaikan harga batang-batang besi bukanlah menjadi sebab utama kenaikan harga rumah.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah kilang besi baru-baru ini telah mengumumkan bahawa besi saiz-saiz tertentu tidak dikeluarkan sebab harganya adalah lebih murah. Ini pun telah menjadi sebab bahawa besi itu susah didapati. Adakah Kementerian sedar keadaan ini. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap kilang besi itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya belum diberitahu secara rasmi mengenai perkara ini dan kalau ada maklumat rasmi, kita akan menyasat.

PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

2. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menentukan bahawa setiap sekolah mempunyai sebuah perpustakaan yang lengkap dan berfaedah, terutama sekali bagi sekolah-sekolah luar bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, untuk menyediakan dan memperbaiki perkhidmatan perpustakaan di sekolah-sekolah, langkah-langkah berikut telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya :

- (1) Sejak tahun 1974, semua sekolah rendah dan menengah Kerajaan dan bantuan Kerajaan diberi peruntukan wang untuk membeli buku-buku perpustakaan. Kerajaan membelanjakan kira-kira \$3.8 juta tiap tahun untuk tujuan ini.
- (2) Semua sekolah rendah yang baru dibina ada disediakan bilik perpustakaan dan dilengkapi dengan alat perabut.
- (3) Untuk sekolah-sekolah lama yang tidak ada bilik khas atau perabut untuk perpustakaan permohonan boleh dibuat.
- (4) Kursus dalam perkhidmatan mengenai ilmu perpustakaan ada dijalankan pada peringkat negeri dan daerah untuk melatih guru-guru perpustakaan. Setakat ini 3,752 orang guru perpustakaan (75.2% telah diberi latihan. Selain dari itu, satu kursus perpustakaan penuh masa satu tahun juga diadakan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- (5) Satu unit Perpustakaan Sekolah telah ditubuhkan di Kementerian saya untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan rancangan-rancangan mengenai perpustakaan sekolah di negeri ini. Di samping itu Pengelola-pengelola Perpustakaan Negeri juga telah dilantik untuk menyelia rancangan perpustakaan sekolah di negeri masing-masing.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sama ada beliau sedar

bahawa dengan penukaran bahasa penghantar dari bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah kini terdapat bahawa ada kekurangan buku-buku bacaan, buku-buku rujukan di dalam perpustakaan dalam Bahasa Malaysia dan sekiranya beliau sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memperbanyakkan lagi buku-buku bacaan tambahan dan buku-buku rujukan dalam Bahasa Malaysia supaya murid-murid dalam sekolah-sekolah menengah dapat menikmati kemudahan ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sedar perkara ini ada berlaku di setengah-setengah sekolah menengah. Selain daripada Kementerian memberikan peruntukan tahunan untuk melengkapkan perpustakaan semacam itu dan juga kita berharap barangkali melalui kegiatan atau aktiviti PIBG dan sebagainya supaya dapat mengumpulkan wang untuk melengkapkan atau menambahkan kemudahan-kemudahan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang dinyatakan tadi bahawa guru-guru telahpun dihantar untuk mendapatkan latihan di dalam perpustakaan. Adakah guru-guru tersebut diberi masa khas ataupun dikurangkan jadual waktunya supaya dapat menumpukan urusannya kepada perpustakaan ini, dan adakah pihak Kementerian menggalakkan murid-murid itu membuat rujukan di dalam buku-buku yang berbahasa Inggeris yang ada di dalam perpustakaan itu?

Dato' Chan Siang Sun: Ada.

REJIM POL POT

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sebab-sebab Malaysia memihak kepada rejim POL POT dalam sidang negara-negara berkecuali di Havana mengenai pertikaian di Kampuchea, dan sama ada tindakan ini bercanggah dengan dasar berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang seakan

sama oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 9-10-79 telah dibuat di Dewan ini dan dengan hormatnya meminta Ahli Yang Berhormat merujuknya kepadanya.

TARIKH BERPUASA DAN 1 SYAWAL

4. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada cara menetapkan tarikh berpuasa dan 1 Syawal akan dikekalkan dengan cara melihat anak bulan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada soalan ini, iaitu cara menetapkan tarikh berpuasa dan 1 Syawal

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan seumpama ini sudah dijawab, dan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (d) dan (p), tidak payah lagi.

PROJEK UREA DI BINTULU

5. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan pada masa ini mengenai projek urea Bintulu yang diluluskan oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada bulan Jun tahun lalu dan oleh kerana keraguan ke atas kemungkinan projek ini selepas suatu Laporan Jepun yang menganggapnya sebagai tidak menguntungkan, apakah masa hadapan projek berjuta-juta ringgit ini.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, projek urea tersebut telah diluluskan oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN setelah menilai dengan mendalam suatu kajian kemungkinan dan memimbang semua aspek-aspek projek tersebut seperti pasaran, bekalan bahan-bahan mentah, kewangan dan manfaat ekonomi.

Malaysia, telah memohon suatu pinjaman yang berbentuk "concessionary" daripada Jepun untuk membiayai projek itu. Untuk tujuan mempertimbangkan permohonan pinjaman itu, pihak Jepun telah menghantar satu kumpulan pakar-pakar dari "Japan International Corporation Agency" dalam bulan September tahun ini untuk mengkaji

dan mengesahkan bahawa projek itu benar-benar "viable". Adalah dijangka bahawa agensi Jepun itu akan menyiapkan laporan resminya pada penghujung tahun ini.

Dalam pada itu, suka saya memaklumkan bahawa pemegang-pemegang saham bagi projek urea itu iaitu negara-negara ASEAN telahpun mengadakan mesyuarat untuk menyediakan deraf perjanjian bagi menubuhkan sebuah syarikat usahasama. PETRONAS akan melantik sebuah perunding teknikal untuk membantu syarikat tersebut dalam pelaksanaan projek ini. Selain daripada itu, pihak PETRONAS telah juga mengambil langkah-langkah perlu untuk menjalankan kerja-kerja asas seperti mendapatkan pinjaman kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai suatu laporan yang meragukan tentang keutuhan (viability) projek itu, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, sukalah saya menjelaskan bahawa laporan itu adalah pandangan persendirian seorang ahli ekonomi Jepun yang dibuat di satu seminar di Kuala Lumpur baru-baru ini. Ianya bukanlah satu pandangan rasmi oleh pakar-pakar Jepun yang mengkaji projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini inginlah saya menyatakan bahawa projek itu mempunyai masa depan yang baik dan saya yakin bahawa projek itu akan dilaksanakan seperti yang dirancangan.

POSKAD UDARA KE EROPAH/ AMERIKA

6. Tuan Au How Cheong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebabnya adalah lebih mahal bagi menghantarkan poskad udara ke Eropah dan Amerika jika dibandingkan dengan surat udara (aerogramme), memandangkan bahawa keberatan surat udara dan poskad adalah lebih kurang sama.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, memang benar bayaran untuk menghantar poskad udara ke Eropah dan Amerika lebih mahal dari bayaran Surat Udara Ringan (Aerogramme) yang ditujukan ke tempat yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat berat Surat Udara Ringan dan poskad itu tidaklah sama. Surat Udara Ringan adalah di antara benda-benda pos yang teringan sekali, dan bayaran yang ditetapkan ialah 30 sen untuk semua tempat tuju. Bagi poskad pula, berdasarkan kepada pengalaman yang lalu, didapati beratnya adalah lebih kurang sama dengan setengah berat mel-mel udara dan dengan itu bayaran poskad udara adalah sama dengan setengah kadar bayaran mel udara.

Di samping itu bayaran poskad ke negara-negara luar Malaysia tidak sama, tetapi bergantung kepada dalam zone mana sesuatu negara itu terletak. Dalam perkhidmatan pos Malaysia, seluruh negara di dunia ini dibahagikan kepada 6 zone. Kawasan Eropah terletak dalam zone Ke-5 dan bayaran yang ditetapkan ialah 40 sen dan bayaran mel udara ke Eropah ialah 75 sen.

Amerika pula terletak di dalam zone Ke-6 dan bayaran yang ditetapkan ialah 55 sen dan bayaran mel udara ke Amerika ialah \$1.05 sen.

PILI BOMBA (HYDRANT) DI BUKIT MERTAJAM

7. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pili air No. 122 di Taman Sungai Rambai, Bukit Mertajam telah patah lebih dari satu bulan tanpa tindakan diambil sungguhpun pegawai Penjaga Balai Bomba di Butterworth telah diberitahu mengenai perkara ini oleh Ahli Parlimen bagi Bukit Mertajam; jika ya, bila tindakan akan diambil untuk mendirikan satu pili air baru di tapak yang sama itu dan apakah tindakan tatatertib yang akan diambil terhadap Pegawai Penjaga Balai Bomba yang bersikap tidak bertanggungjawab itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Pili Bomba No. 122 di Taman Sungai Rambai di Bukit Mertajam telah patah. Aduan Yang Berhormat bahawa tindakan tidak diambil untuk membaiki pili Bomba tersebut adalah tidak benar. Perkara ini telah dirujuk kepada pihak J.K.R. yang

bertanggungjawab untuk membina dan menyelenggarakan Pili Bomba tersebut. Saya telah diberitahu bahawa Pili Bomba yang tersebut telahpun dibaiki.

PETRONAS—PENYATA KIRA-KIRA

8. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang membentangkan suatu penyata kira-kira PETRONAS yang kemas-kini dalam Parlimen; jika ya, bila.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Seperti mana-mana syarikat yang lain yang berdaftar di bawah Akta itu, PETRONAS adalah dikehendaki menghantar laporan tahunan dan akaun yang diodit kepada Pendaftar Syarikat-syarikat. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan penyata kira-kira PETRONAS dalam Parlimen.

Sebagaimana yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu, sesiapaupun boleh menengok dan mendapatkan salinan penyata kira-kira PETRONAS itu dari Pejabat Pendaftar Syarikat-syarikat.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun PETRONAS adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, tetapi oleh kerana wang dan modal PETRONAS ialah berpunca dari wang rakyat dan hasil minyak dan PETRONAS diamanah dengan belanja wang rakyat dan untuk memastikan bahawa Dewan yang mulia ini dari masa ke semasa boleh mengawal perjalanan PETRONAS, adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu peraturan di mana sekurang-kurangnya satu kali satu tahun satu laporan dibentangkan di Dewan ini oleh PETRONAS atau Jabatan Perdana Menteri mengenai kegiatan-kegiatan, kemajuan-kemajuan dalam semua bidang di bawah PETRONAS supaya Dewan ini dan rakyat tahu apa yang dijalankan dalam PETRONAS?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini sudah ada jawapan pada mula tadi sekadarkan bezanya soalan asal mengenai Penyata kira-kira; Ahli Yang Berhormat

dari Petaling berkehendakkan laporan. Kalau ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjawab.

Perdana Menteri: Cadangan Ahli Yang Berhormat itu, saya akan beri perhatian dan akan ditimbang.

Tuan Chan Teck Chan: Kerana PETRONAS adalah ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 1974 yang di bawah tugas dan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanggungjawab pada Dewan yang mulia ini supaya Penyata Kira-kira ini boleh dibentangkan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk mengetahui segala kegiatan dan kemajuan yang dijalankan oleh PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Kalau hendak tahu pergi ke Pendaftar tetapi Yang Amat Berhormat akan menimbangkan soalan tambahan daripada Yang Berhormat dari Petaling untuk mengadakan laporan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana PETRONAS telah ditubuhkan beberapa tahun dan masalah yang timbul ialah Ahli-ahli dalam Dewan Rakyat dan mungkin dalam Dewan Negara tidak begitu tahu menahu apa yang berlaku dalam PETRONAS, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan untuk mengadakan satu taklimat di mana Ahli-ahli Parlimen boleh mengetahui mengenai apa yang telah berkembang dalam PETRONAS?

Perdana Menteri: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak apa lagi?

Tuan Lee Kaw: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar baru-baru ini PETRONAS ada menghantar surat kepada banking circle, saya minta izin satu Financial Standing of the PETRONAS untuk memberi pinjaman wang. Saya ingin mendapat tahu, adakah pinjaman wang ini Kerajaan akan meminta satu guarantor?

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak tahu sama ada sedar atau tidak sedar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perdana Menteri: Saya tidak tahu dan saya minta notis.

RANCANGAN "PANDUAN IBADAT" DI TV MALAYSIA

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementeriannya akan mengeluarkan sebuah buku mengenai siri-siri Rancangan Panduan Ibadat yang telahpun tamat penayangannya di TV Malaysia dan dijual kepada orang ramai kerana siri Rancangan Panduan Ibadat ini sangatlah berguna dan bernilai kepada anak-anak kita dan juga orang-orang dewasa. Jika ya, bila siri ini akan dicetak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Kementerian Penerangan memang bercadang mencetak kandungan rancangan "Panduan Ibadat" seperti yang disiarkan oleh TV Malaysia sebagai sebuah buku kecil untuk diedarkan seberapa segera yang boleh. Buku-buku risalah seperti ini akan diedarkan dengan percuma kepada orang ramai.

NELAYAN YANG TERKANDAS DI NEGARA JIRAN

10. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian ini bagi mempercepatkan kepulungan nelayan-nelayan yang terkandas di negara jiran.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya Kementerian Pertanian mengambil 3 langkah utama untuk mempercepatkan kepulungan nelayan-nelayan yang terkandas di negara-negara jiran, iaitu:

- (1) Menghubungi Kementerian Luar Negeri sebaik-baik sahaja maklumat diterima supaya mereka itu dimaklumkan kepada negara yang berkenaan.

- (2) Kementerian memohon Kementerian Luar Negeri menghubungi perwakilan negara berkenaan di Kuala Lumpur untuk mendapat pertolongan menyelesaikan perkara itu dengan segera;
- (3) Ketua Jabatan berhubung terus dengan rakan sejawatnya di negara yang berkenaan itu untuk meminta jasa baiknya mempercepatkan pembebasan nelayan-nelayan yang terlibat itu.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini biasanya apakah faktor-faktor yang mengakibatkan nelayan-nelayan kita selalu terkandas di negara-negara jiran kita. Adakah mereka sudah mencero bohi perairan antarabangsa di bawah tanggungjawab negara jiran atau bot mereka dirampas dan ditarik oleh lanun masuk ke negara jiran atau apakah sebab yang ada berkenaan.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya memang ada beberapa sebab yang menyebabkan nelayan-nelayan kita terkandas ke negara-negara jiran yang berhampiran, umpamanya faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Kadangkala terdapat nelayan-nelayan kita mengalami kerosakan enjin-enjin bot mereka di laut maka menjadikan bot-bot mereka hanyut ke kawasan perairan negara-negara jiran yang berhampiran. Kadangkala nelayan-nelayan kita keputusan bekalan ataupun terpaksa berlindung dengan serta merta dengan sebab berlaku angin kencang dan sebagainya dan terpaksa memasuki perairan negara-negara jiran dan kadangkala juga ada berlaku sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dikejar ataupun diganggu oleh lanun-lanun di laut di kawasan perairan antarabangsa ataupun yang berhampiran dengan perairan negara-negara jiran dan ada juga kadangkala terdapat nelayan-nelayan kita ditahan oleh pihak yang berkuasa negara-negara jiran kerana mereka disyaki memasuki perairan negara-negara tersebut tanpa kebenaran.

Tuan Awang bin Jabar: Soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu bentuk pengenalan kepada nelayan-nelayan di negara ini supaya apabila mereka terdampar ataupun hanyut di negeri-negeri lain mereka ini tidak ditahan lama ataupun tidak disyaki sebagai penyeludup dan sebagainya.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada pun pengenalan iaitu tiap-tiap bot nelayan kita yang berlesen mempunyai nombor-nombor pengenalan pada bot masing-masing.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kehidupan nelayan-nelayan kita, adakah ASEAN mempunyai satu badan di mana boleh menyelesaikan masalah-masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kalau ada satu badan ini saya ingat kehidupan nelayan kita akan lebih senang, tidak selalu diganggu dari lain-lain sebab.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara negara-negara ASEAN memang ada sefahaman tetapi patutlah Ahli Yang Berhormat itu juga faham kadangkala memasuki perairan sesuatu negara adalah melibatkan undang-undang negara-negara yang berkenaan dan itu merupakan hak sesuatu negara yang berkenaan itu mengambil tindakan dari segi undang-undang negara masing-masing.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai nelayan-nelayan ada mengadu bahawa mereka bukan sengaja mencero bohi perairan negara-negara jiran tetapi adalah kerana mereka tidak tahu membezakan di mana kawasan yang terletak di bawah perairan Malaysia. Jika Yang Berhormat itu sedar, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian Pertanian untuk membantu nelayan-nelayan mengenal kawasan ini adalah terletak di bawah kawasan Malaysia supaya tidak berlaku peristiwa-peristiwa umpamanya mereka selalu ditahan oleh tentera laut negara jiran kita kerana dituduh mencero bohi perairan mereka.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari hakikat ini, dengan sebab itulah ada ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi membantu nelayan-nelayan kita yang terkandas di negara-negara jiran dengan tidak sengaja dan kita berhubung dengan negara-negara berkenaan memberitahu keadaan yang sebenar dan meminta jasa baik dari negara-negara yang berkenaan itu untuk melepaskan nelayan-nelayan kita yang terlibat itu. Tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat memang nelayan-nelayan kita

yang biasa ke laut dapat mengetahui, membezakan kawasan perairan negara kita dengan kawasan perairan satu negara lain walaupun berhampiran. Sungguhpun begitu saya tidak dapatlah menentukan bahawa kita dapat menentukan sempadan secara yang nyata, secara fizikal di tengah-tengah laut atau di tengah-tengah Selat Melaka seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI-NEGERI

11. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri dari peruntukan yang telah ditetapkan bagi menjayakan rancangan-rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan dari semua negeri, negeri manakah yang didapati tidak cekap sekali dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, angka-angka perbelanjaan yang tepat mengikut negeri-negeri belum lagi dapat diadakan dan Kerajaan sekarang sedang mengumpulkan maklumat-maklumat perbelanjaan tersebut. Bagaimanapun, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga adalah didapati bahawa daripada jumlah peruntukan pembangunan asal sebanyak \$18,554 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, jumlah perbelanjaan pembangunan yang telah dilakukan di semua negeri di antara tahun 1976 hingga 1978 ialah sebanyak \$11,819 juta, iaitu 63.7% daripada peruntukan tersebut. Berasaskan kepada prestasi perbelanjaan pembangunan ini, pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri-negeri pada keseluruhannya adalah memuaskan.

Pada pendapat Kerajaan Pusat, bolehlah dikatakan semua Kerajaan-kerajaan Negeri pada amnya telah mengendalikan projek-projek pembangunan dengan memuaskan.

PERTAHANAN/KETAHANAN NEGARA

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pertahanan dan ketahanan Negara telah

dirancang dan disediakan dengan secukupnya, bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlaku terhadap negara kita ini, memandangkan perkembangan ancaman yang berlaku di Asia Tenggara sekarang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telahpun menjawab soalan-soalan yang lebih kurang sama bentuknya ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Julau pada 7-11-79 dan Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 15hb November yang lalu. Oleh yang demikian, saya berpendapat tidaklah perlu ditambah lagi jawapan yang tersebut.

DAKWAH MASUK KRISTIAN— RISALAH

13. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan beliau sedar bahawa ugama-ugama lain khususnya Kristian telah menjalankan berbagai bentuk dakwah untuk menarik orang masuk Kristian seperti meletakkan naskah-naskah Bible yang telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa di bilik-bilik hotel di negara ini. Adakah Jabatan ini bercadang mengeluarkan risalah-risalah di dalam berbagai bahasa dan juga untuk mencerminkan kesucian ugama Islam sebagai ugama rasmi di negara ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menerang dan meninggikan syiar Islam dan menempatkannya dikedudukan yang tinggi sesuai dengan tarafnya sebagai ugama rasmi di negara ini.

Bagi maksud ini, Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri memang ada menerbitkan beberapa jenis risalah yang menerangkan ajaran dan kesucian ugama Islam yang tersebut. Sehingga ini sebanyak 67 tajuk risalah termasuk buku-buku telah diterbitkan dalam bahasa Melayu, Cina dan Inggeris. Risalah berbahasa Melayu berjumlah 40 tajuk, Cina 19 tajuk dan Inggeris 8 tajuk. Risalah-risalah ini disebarikan secara percuma kepada semua Jabatan-jabatan Ugama Negeri-negeri, Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, pihak Polis dan Tentera, Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Sekolah-sekolah, Badan-badan Belia termasuk juga di Hotel-hotel dan kepada orang-orang perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, sukalah saya maklumkan bahawa Perkara 3 (1) Perlembagaan Malaysia ada memperuntukkan bahawa agama Islam adalah merupakan agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan. Ini sesuai dengan satu hadis Nabi yang bermaksud "Islam adalah agama yang tertinggi dan tiada agama lain yang lebih tinggi daripadanya". Walau bagaimanapun, Perkara 11 (4) Perlembagaan telah memperuntukkan bahawa Undang-undang Negeri boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad ataupun kepercayaan agama untuk orang-orang yang menganuti agama Islam. Ertinya di dalam masyarakat Islam itu tidak bolehlah dikembangkan ajaran-ajaran agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan, satu perkara dalam kita menafikan ajaran-ajaran Kristian, janganlah sampai kita merosakkan akidah kita sendiri iaitu menafikan kerasulan Nabi Isa alaihissalam, kerana Nabi Isa itu adalah seorang daripada Rasul-rasul Tuhan yang telah dibangkitkan oleh Allah untuk memimpin manusia dalam dunia ini. Sebagaimana kita dapati panduan-panduan dalam Al-Quran, "Kami tidak membezakan di antara satu sama lain antara Rasul-rasul Tuhan"—*lanufarrikum baina ahadmi Rassulih*, dan lagi satu ayat yang memberi garisan kepada kita umat Islam iaitu dalam menerangkan sifat-sifat muktakin yang menerangkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya panjang sangat jawapannya. Soal ini tidak sampai ke situ.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Sedikit lagi . . . yang menerangkan bahawa kita tidak boleh menafikan kerasulan Nabi Isa kerana dalam Al-Quran telah cukup menjadi panduan-panduan kritik kepada kita untuk menolak ajaran-ajaran Kristian dan ajaran-ajaran salah dalam masyarakat Islam itu sendiri.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa usaha-usaha yang dijalankan itu ialah untuk meninggikan syiar Islam. Syiar ini ertinya simbol. Adakah usaha-usaha itu hanya hendak meninggikan simbolnya sahaja tetapi bukan penghayatan Islam.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terbukti daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan tidak sahaja meninggikan syiar tetapi Kerajaan melaksanakan segala usaha-usaha seberapa yang boleh seperti mendirikan masjid, mengadakan kursus-kursus dakwah, mengadakan risalah-risalah dan sebagainya dan lain-lain lagi yang banyak telah dijalankan oleh Kerajaan. Itu membuktikan bahawa tidak sahaja Kerajaan mengusahakan syiar tetapi melaksanakan usaha-usaha tentang kemajuan agama Islam dalam negara ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi memenuhi hasrat dan juga menggambarkan yang Islam itu merupakan agama rasmi dalam negara kita sebagaimana soalan asal ini, adakah Kerajaan bercadang tidak akan membenarkan kitab bible itu diletakkan di dalam tiap-tiap bilik hotel sebagaimana soalan ini tetapi sebaliknya meletakkan terjemahan Al-Quran di dalam tiap-tiap hotel itu supaya tiap-tiap penghuni hotel itu dapat membaca dan memahami Islam yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada soalan itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Perlembagaan mengenai Artikul 11 (4). Adakah Yang Berhormat Menteri hendak tambah?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu memberi kebebasan kepada agama-agama lain menjalankan usaha kegiatan ugamanya di mana sahaja dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Tentang kita hendak meletakkan Quran, kitab yang maha suci dalam hotel-hotel, saya rasa tidak harus kita meletakkan di situ, sebab banyak tempat yang boleh kita siarkan agama, di masjid-masjid dan di tempat-tempat lain lagi dalam masyarakat Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi membangkitkan terjemahan Quran, bukannya Quran.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Terjemahan pun, saya rasa kalau perlu juga ditulis dengan ayat-ayat dalam bahasa Arab.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Perdana Menteri sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk menahan daripada masuknya pengembang-pengembang agama Kristian di negara kita ini. Selain daripada kerjasama dari kementerian dan jabatan yang lain, ada lagi satu jabatan iaitu Jabatan Orang Asli. Adakah Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa pengembang-pengembang agama Kristian ini masuk dengan secara senyap-senyap untuk mengembangkan agama Kristian ini kepada Orang Asli dan adakah tindakan Pusat Penyelidikan Uagama Islam yang ada di negara kita ini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha ini untuk mengislamkan Orang-orang Asli di tempat-tempat perpindahan seperti di negeri Perak dan negeri Kelantan. Baru-baru ini saya sempat melawat satu kawasan di mana di sana sudah terdiri suatu kegiatan mengislamkan Orang Asli yang mana di sana sudah ada lebih kurang 150 orang keluarga yang telah memeluk uagama Islam dan usaha ini akan dikembangkan lagi ke negeri-negeri lain, terutamanya negeri Kelantan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersyukur kerana Menteri berkenaan tadi telah membuat satu commitment iaitu bahawa usaha-usaha Kerajaan bukan hanya hendak meninggikan syiar tetapi hendak menghayati Islam itu. Jadi sesuai dengan dasar hendak menghayati Islam itu, maka tidaklah bermakna penghayatan yang sebenarnya melainkan setelah undang-undang negara ini didasarkan kepada undang-undang Islam. Adakah Kerajaan bercadang berdasar kepada jawapan Menteri yang berkenaan akan mengubah dasar perundangan di negara ini kepada perundangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya tidak boleh benarkan, kerana luar dari soalan asal.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini selain daripada

kita mendapatj terjemahan majalah-majalah ataupun Bible di hotel-hotel, kita juga akan terjumpa dengan majalah-majalah seumpama ini di hospital-hospital. Jadi soalan saya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk meletakkan misalnya majalah-majalah dan terjemahan Quran di hospital-hospital dan juga menggalakkan para ulamak kita untuk melawat orang-orang sakit yang ada di hospital sebagaimana yang dilakukan oleh padri-padri dari bangsa Kristian dan sebagainya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, setengah daripada jawapan yang saya telah beri sekejap tadi termasuklah usaha-usaha menyebarkan Islam di merata-rata tempat. Jadi mungkin apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah menyebarkan risalah-risalah yang telah ditulis di hospital-hospital sebagai bahan bacaan. Ini akan dijalankan oleh Bahagian Islam. Saya rasa ini tidak menjadi masalah dan boleh dijalankan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah benar Perlembagaan kita memberi kebebasan kepada uagama-uagama lain berkembang di dalam negara kita ini. Tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah pengembang-pengembang uagama-uagama lain itu mengatasi daripada pengembang-pengembang Uagama Islam sendiri sebagaimana yang berlaku di hotel-hotel yang dikatakan tadi? Jadi apakah langkah-langkah supaya pengembangan Uagama Islam ini sebagai uagama rasmi dan mengatasi daripada pengembang-pengembang uagama-uagama lain walaupun kita memberi kebebasan kepada pengembang-pengembang uagama tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini jugapun sudah dijawab oleh Yang Berhormat tadi yang menerangkan uagama Islam tinggi daripada uagama-uagama yang lain.

Masa soal jawab sudah selesai.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kesepuluh*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula.

Maksud B. 29 (Jadual)—

Maksud P. 29 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

Tuan Pengerusi: Pada masa ditangguhkan sidang ini pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah berucap, tetapi saya tidak janji boleh disambung, kerana saya terpaksa menghadkan tiap-tiap Ahli Yang Berhormat bercakap, melainkan ada perkara mustahak sangat kerana semalam saya belum lagi memberi keputusan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ada perkara mustahak.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu, saya benarkan tidak lama, kerana saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menjawab pada pukul 4.45 petang.

Jadi, tolong ringkaskan sahaja. Dalam senarai saya ada empat orang lagi yang sudah berdiri pada hari semalam hendak bercakap.

3.16 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya terpaksa memotong beberapa perkara kerana memberi peluang kepada sahabat-sahabat yang lain. Sekarang saya beralih kepada Butiran 1100 muka surat 234, Program (8) (a)—Pengendalian dan Pentadbiran Peperiksaan.

Peruntukan wang yang dianggarkan dalam program ini adalah sebanyak \$3,207,500 tetapi perbelanjaan pengendalian seluruhnya adalah berjumlah sebanyak \$9 juta lebih.

Sebagaimana maklum bahawa pengendalian peperiksaan bukan sahaja merupakan satu daripada beban-beban yang berat ataupun tugas-tugas yang penting di bawah Kementerian Pelajaran malahan ia adalah kemuncak kepada segala jenis persekolahan. Maju mundurnya sesuatu tingkat atau peringkat persekolahan rendah, menengah dan juga pusat-pusat pengajian tinggi adalah dinilai dari keputusan peperiksaan.

Pada tahun 1980, Tuan Pengerusi, Lembaga Peperiksaan kita akan mengendalikan peperiksaan yang dianggarkan lebihkurang 1.39 juta calon berbanding dengan tahun ini 1.27 juta calon. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran khususnya pihak Lembaga Peperiksaan kerana pengendalian peperiksaan SPM/STP/HSC yang berjalan pada tahun ini, setakat ini dan

sepanjang yang diketahui adalah memuaskan. Kesilapan-kesilapan yang pernah berlaku dan masalah-masalah yang selalu timbul di tahun-tahun yang sudah nampaknya tidak timbul lagi. Walau bagaimanapun, samasamalah kita tunggu apakah sebenarnya masih ada atau tidak lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan itu berlaku sepanjang peperiksaan yang tersebut.

Peperiksaan SPM hanya ada empat hari lagi, Tuan Pengerusi, baru selesai termasuk hari ini dan seterusnya akan berjalan pada 28hb, 29hb dan 30hb November, 1979. Dalam sepanjang hari peperiksaan yang berjalan pada tahun ini kita nampak tiga hari iaitu hari Jumaat terjatuh hari peperiksaan. Dalam hubungan ini, ingin saya memberi beberapa pandangan. Yang pertama, sebagai seorang Islam dan sebagai seorang yang sama-sama mengikuti perkembangan pelajaran dan pendidikan, saya masih kurang faham dengan pihak yang berkenaan tidak mahu berganjak atau belum mahu bertolak ansur dalam mengelakkan hari Jumaat daripada dijadikan hari peperiksaan. Walaupun beberapa kali saya dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan ini menyuarakan, merayu dan meminta ditimbang dan dilaksanakan supaya hari Jumaat dan hari-hari yang berdekatan sangat dengan hari-hari kebesaran Islam tidak dijadikan hari peperiksaan, nampaknya peperiksaan tahun ini masih menunjukkan rayuan itu belum diberi perhatian yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya tahun depan tidak lagi hari Jumaat dijadikan hari peperiksaan, sesuai pula dengan peperiksaan SPM sudahpun kita sendiri kita kendalikannya mulai tahun 1978 lagi. Dan pada tahun 1978 lagi. Dan pada tahun 1980 pengendalian peperiksaan STP/HSC pula kita akan kendalikan sendiri dan saya mencadangkan supaya kedua-dua peperiksaan ini tidak dijalankan pada hari Jumaat.

Saya merasakan perkara ini, Tuan Pengerusi, tidak perlu ditubuhkan sebuah jawatankuasa khas memadamkan dengan pegawai-pegawai yang sedia ada yang saya fikir masing-masing mempunyai hasrat untuk melaksanakan perkara ini dan saya yakin pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak keberatan menimbang dan melaksanakan perkara ini. Saya berpendapat

dalam menimbang soal mengelakkan hari Jumaat daripada dijadikan hari peperiksaan patut juga wakil-wakil dari universiti-universiti atau wakil-wakil dari pusat pengajian tinggi juga patut dijemput untuk memberi pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat sebab masalah-masalah yang sama juga berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi. Dengan pandangan-pandangan yang menyeluruh itu diambil perhatian maka suatu penyelarasan boleh dibuat dan dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Pengerusi, tadi saya menyebut tiga hari Jumaat diadakan peperiksaan. Pada hari Jumaat 16-11-79 peperiksaan SPM diadakan 6 mata pelajaran. Satu daripadanya dijalankan sebelah pagi dari pukul 8.00 hingga 11.00 iaitu Kertas No. 611/4 Lukisan IV—Gubahan Fikiran dan satu lagi sebelah petangnya, Kertas No. 452/2—Ilmu Hisab II—Sukatan B, 2.00 hingga 4.30 petang. Pada hari Jumaat 23-11-79 satu daripadanya dijalankan sebelah pagi bermula 8.00 hingga 11.00 pagi iaitu Kertas No. 756/1—Prinsip Akaun dan sebelah petangnya pula Kertas No. 280/2—Ilmu Alam II bermula jam 2.00 hingga 4.00 petang. Seterusnya pada hari Jumaat 30-11-79 iaitu hari yang akhir sebelah pagi 8.00 hingga 10.00 Kertas No. 754/2—Pengajian Perdagangan—Kira-kira dan 8.00 hingga 10.30 Kertas No. 738/2—Lukisan Geometri dan Kejuruteraan II.

Masalahnya sekarang, Tuan Pengerusi, yang pertama masalah prinsip. Mengapa diadakan peperiksaan itu pada hari Jumaat, tidak pada hari Ahad? Kedua, walaupun waktu tamat peperiksaan itu pada jam 11.00 pagi tetapi kerja-kerja memungut skrip-skrip jawapan calon-calon, menyusun, menyemak, membungkus, memeteri, menulis alamat dan mengepos tentu memakan masa sejam sekurang-kurangnya. Jam 12.00 pengawas dan calon-calon peperiksaan yang beragama Islam akan ke masjid kerana menunaikan fardu Jumaat sedangkan pada ketika itu belum menukar pakaian, belum berwuduk dan belum makan dan pada pukul 1.40 selewat-lewatnya pula pengawas mesti berada di dalam Dewan Peperiksaan untuk menjalankan peperiksaan yang satu lagi yang akan bermula pada pukul 2.00 petang.

Pandangan yang kedua, Tuan Pengerusi, di dalam Butiran dan Program yang sama mengenai susunan matapelajaran di dalam

Jadual Waktu Peperiksaan. Pertama, terdapat matapelajaran yang berlainan yang diambil peperiksaan oleh calon yang berlainan di dalam satu masa di dalam Dewan Peperiksaan yang sama. Misalnya pada 16-11-1979 waktu 2.00 hingga 4.30 petang Kertas No. 452/2—Ilmu Hisab II Sukatan B dijalankan serentak di dalam bilik peperiksaan yang sama dengan Kertas No. 449/2—Ilmu Hisab II Sukatan C.

Yang keduanya, yang lebih merumitkan terdapat juga beberapa matapelajaran yang berlainan yang diambil peperiksaan oleh calon yang berlainan di dalam sebuah bilik peperiksaan yang sama, masa mulanya sama tetapi masa tamatnya berbeza. Keadaan ini adalah merumitkan pengurusan pengawas peperiksaan di bilik-bilik peperiksaan. Kata-lah sebuah Dewan Peperiksaan dengan 200 orang calon, 80 daripadanya mengambil peperiksaan matapelajaran bermula pada jam 8.00 hingga tamat jam 9.00 dan 120 orang lagi calonnya yang bermula pada jam 8.00 juga tetapi tamat lebih 15 minit daripada itu. Calon yang tamat dahulu tidak dibenarkan keluar kerana masa matapelajaran yang berikutnya akan bermula tidak lama lagi. Oleh kerana itu, saya mencadangkan pada tahun hadapan bagi mata-matapelajaran berlainan itu hendaklah diasingkan hari peperiksaan dengan menambahkan dua atau tiga hari lagi demi untuk mententeramkan calon-calon menjawab soalan dan untuk pengawas mengendalikan pengurusan di bilik-bilik peperiksaan dengan baik.

Pandangan yang ketiga, penentuan kelulusan terutama sekali di peringkat SPM dan STP hendaklah juga Kementerian Pelajaran memberi perhatian khusus kepada cara-cara menentukan kelulusan atau cara-cara mendapat sijil dengan mengambil kira markah yang diperolehi dalam ujian-ujian tertentu sama ada ujian bulanan atau ujian penggal. Markah ujian yang menjamin seorang pelajar itu sentiasa belajar dan menumpukan pelajarannya itu sebagai permulaan bolehlah diletakkan 30% manakala 70% lagi maksima di dalam peperiksaan akhir tahun persekolahan. Dengan cara demikian dapatlah pelajar-pelajar itu mendalami pelajaran mereka penggal demi penggal dan taik-tajuk pelajaran itu tidaklah dikumpul, dilonggokkan dengan banyaknya dalam tempoh satu tahun atau dua tahun seperti peperiksaan STP/HSC. Saya faham beberapa kursus di ITM pun ada mengamalkan cara

ini dan saya yakin dan percaya negara-negara yang sudah maju di dunia seperti Amerika sudahpun mengamalkan cara ini. Cuma perbezaannya ialah di peringkat yang manakah di negara-negara itu cara seperti ini diamalkan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh mengenai wang yang diperuntukkan sebanyak \$12,427,500 kepada Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah B. 29, Butiran 4100—Bayaran Pindahan, Program 3—Pentadbiran Am (i) Bantuan kepada Badan-badan Pelajaran dan lain-lain. Sebagaimana yang dinyatakan dalam muka surat 249 Buku Belanjawan 1980, wang \$12.5 juta itu adalah untuk mengeluarkan 6 juta buku untuk skim pinjaman buku teks.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian bahawa pada masa ini terdapat pengurusan yang tidak seimbang dalam Bahagian-bahagian yang bertanggungjawab berkenaan dengan penyeliaan pinjaman buku teks di Dewan Bahasa itu. Apa yang saya maksudkan bahawa sekarang ini terdapat dua Bahagian yang berkenaan iaitu Bahagian Sains dan juga Kemanusiaan. Di bawah Bahagian Kemanusiaan ini dimasukkan Yunit Ugama. Saya berpendapat Yunit Ugama hendaklah dijadikan satu Bahagian baru, sebuah bahagian yang lengkap dengan kakitangan dan pegawai-pegawainya. Penubuhan bahagian ini adalah perlu untuk menyelaraskan perkembangan pelajaran di negara kita ini di mana di universiti sekarang ini telah ditubuhkan Fakulti Islam, bukan setakat Jabatan Pengajian Islam. Jadi dengan adanya Bahagian Islam di Dewan Bahasa maka perkembangan pelajaran akan seimbang dan selaras di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

3.28 ptg.

Tuan Au How Cheong (Te'ok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentuh B. 29, muka surat 234, Program (5) Perancang, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran, (b) Pengurusan Kurikulum.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bercakap mengenai cara pengajaran tentang bahasa Tionghua dan Tamil iaitu bahasa murid-murid sendiri di Sekolah-sekolah Kebangsaan atau sekolah-sekolah yang dikenali sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris

pada masa yang lalu. Di sekolah-sekolah rendah lebih kurang 300 minit seminggu disediakan untuk mempelajari Bahasa Malaysia. Di samping Bahasa Malaysia mata-mata pelajaran yang lain juga diajar dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar. Ini bermakna seorang murid dapat lebih daripada 300 minit untuk mempelajari Bahasa Malaysia. Keadaan ini adalah lebih kurang sama di Sekolah Menengah Kebangsaan juga tetapi murid-murid di Sekolah Rendah yang berkehendakkan mempelajari bahasa Tionghua atau Tamil, tidak semestinya murid-murid keturunan orang-orang Cina atau India, diberi antara 80 dan 120 minit sahaja tiap-tiap minggu untuk mempelajari Bahasa Tionghua atau Tamil. Ini adalah satu masa yang amat pendek dan berkurangan, satu masa yang tidak mencukupi bagi sesiapaupun mengetahui 300 hingga 500 perkataan-perkataan baharu dirancangan untuk dikuasai oleh murid-murid di sekolah rendah.

Saya tidak ada perangkaan-perangkaan untuk menentukan kadar kejayaan yang telah dicapai oleh murid-murid yang mengikuti kurikulum matapelajaran Bahasa Tionghua atau Tamil, mungkin Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskannya kelak. Saya percaya jika suatu penilaian atau kajian dijalankan tentulah dapat diketahui sebahagian kecil murid sahaja yang berjaya untuk mempelajari bahasa-bahasa ibunda murid itu sendiri. Adalah amat sedih bahawa murid-murid tidak dapat menguasai bahasa-bahasa sendiri kerana kurikulum adalah tidak berkesan dan masanya tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Bahasa Tionghua adalah satu bahasa yang lebih susah dikuasai jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain. Oleh yang demikian saya merayu kepada Bahagian Penilaian dan Bahagian Kurikulum ini supaya mengkaji semula masa-masa yang ditetapkan sekarang ditambahkan supaya murid-murid yang ingin menguasai bahasa-bahasa sendiri itu benar-benar dapat masa yang cukup untuk berbuat demikian. Adalah kemungkinan bahawa tujuan menambah masa bagi bahasa-bahasa murid itu sendiri sukar dicapai kerana murid-murid itu dikehendaki mempelajari matapelajaran-matapelajaran yang lain juga. Oleh yang demikian saya

bercadang untuk menolong mereka yang bersemangat dan benar-benar ingin menguasai bahasa-bahasa sendiri itu mereka diberi ajaran pada hari Sabtu, satu hari yang pada biasanya digunakan untuk berihat, sukan dan lain-lain. Haraplah cadangan ini dapat dipertimbangkan dengan seriusnya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

3.32 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, dalam muka surat 233 di bawah Butiran 1100, Program (4), saya mahu sentuh satu hal yang mustahak berkenaan keadaan pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut yang sekarang menyedihkan.

Tuan Pengerusi, beratus-ratus surat telah diterima dari pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri, terutama sekali di Australia, United Kingdom dan New Zealand yang mana surat-surat tersebut mengadu tentang kenaikan bayaran tuition yang begitu tinggi serta pelajar-pelajar berkenaan mengadu bahawa mereka menghadapi kemungkinan terpaksa meninggalkan (suspend) pelajaran mereka kerana keluarga mereka tidak mampu menanggung bayaran yang begitu tinggi. Pada masa ini terdapat lebih kurang 50,000 pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri. Dari jumlah ini, lebih kurang 20,000 berada di United Kingdom, 3,500 di Australia dan seramai 2,200 di New Zealand dan ketiga-tiga negara ini telah menambahkan bayaran yuran yang mana tindakan ketiga-tiga negara ini telah mengakibatkan satu furrow di kalangan pelajar-pelajar, ibubapa-ibubapa dan guru-guru.

Di Australia dan New Zealand pelajaran di peringkat universiti adalah percuma, akan tetapi mulai tahun 1980 pelajar-pelajar dari seberang laut yang menuntut di kedua-dua negara tersebut terpaksa membayar di antara \$3,500 hingga \$5,750 setahun. Beban baru ini telah menimbulkan rasa kebimbangan dan keraguan. Keadaan di United Kingdom pula adalah lebih dahsyat dan jadual berikut menunjukkan betapa dahsyatnya kenaikan yuran.

Post Graduate tahun 1979/80, tuition sekarang satu tahun \$5,555; tahun akan datang (1980) \$13,838.

Under Graduates mahasiswa-mahasiswa sekarang \$4,230; tahun depan (1980) \$10,575.

Peringkat-peringkat Advance sekarang \$2,340; tahun akan datang \$5,850.

Kenaikan dalam bayaran yuran ini adalah di antara 150% hingga 250% dan gambaran ini bukanlah merupakan gambaran yang menyeluruh.

Bagi Kursus Perubatan sahaja yuran baru ialah sebanyak \$22,500; dahulu hanya \$4,230 dan kenaikan ini adalah lebih 400%, iaitu satu kenaikan yang sungguh-sungguh dahsyat dan murderous.

Dalam erti kata Ringgit Malaysia, pelajar-pelajar Malaysia akan dikehendaki membayar mulai tahun 1980 dan selepasnya di antara \$5,800 hingga \$22,500 setahun untuk yuran tuition sahaja tanpa mengambil kira perbelanjaan makanan, penginapan, baju, buku-buku dan pengangkutan.

Oleh kerana 90% pelajar-pelajar kita yang menuntut di seberang laut datang dari keluarga-keluarga yang miskin dan humble di mana saudara-mara mereka mengumpul segala sumber-sumber kewangan yang ada pada tangan mereka supaya membolehkan anak lelaki atau perempuan mereka menikmati pelajaran di seberang laut. Kenaikan bayaran yuran yang diumumkan ini memberi satu pukulan hebat kepada pelajar-pelajar kita dan ramai di antara mereka tidak akan mampu melanjutkan pelajaran mereka. Bantuan hendaklah disediakan oleh Kerajaan seperti di mana Kerajaan memberi bantuan kepada lebih kurang 7,200 orang pelajar-pelajar kita yang sedang belajar di seberang laut, sama ada melalui biasiswa atau dermasiswa dan kami di pihak Pembangkang, Parti DAP memperturunkan langkah-langkah yang berikut untuk pertimbangan Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran.

Cara pertama, satu tabung pusingan hendaklah ditubuhkan untuk membantu pelajar-pelajar kita yang tidak mampu membayar bayaran yuran baru yang dikenakan itu. Kerajaan telah mengatakan bahawa Kerajaan sedia membayar sebanyak \$3 juta ke arah membantu pelajar-pelajar kita yang terjejas tetapi jumlah wang ini adalah kecil sangat dan tidak akan dapat membantu semua pelajar-pelajar kita. Sumber-sumber yang boleh dipercayai mengatakan bahawa

lebih kurang \$300 juta untuk 4,000 pelajar yang diberi biasiswa Kerajaan. Oleh kerana terdapat lebih kurang 25,000 pelajar-pelajar persendirian yang menuntut di United Kingdom, Australia dan New Zealand dan jika kita menganggap bahawa pelajar-pelajar ini membayar sebahagian (part) daripada perbelanjaan-perbelanjaan ini sendiri, Kerajaan sebaliknya harus membayar tambahan yuran tuition baru itu bagi pelajar-pelajar persendirian atau pelajar-pelajar yang tidak ditajakan dan average bagi setiap pelajar ialah \$5,000. Ini akan bermakna bahawa jumlah subsidi akan berjumlah sebanyak \$125 juta. Memandangkan kepada ini, tabung yang diuntukkan membantu pelajar-pelajar kita hendaklah sebanyak \$125 juta dan bukan hanya \$3 juta.

Cara kedua, Tuan Pengerusi, satu protes terhadap kenaikan bayaran tuition yang begitu tinggi hendaklah dikemukakan kepada pihak berkenaan di United Kingdom, Australia dan New Zealand atas sebab-sebab berikut. Oleh kerana negara-negara berkenaan adalah menjadi Ahli Komanwel, perbuatan-perbuatan semacam ini yang hampir serupa dengan piracy, melanggar dan menjejaskan hubungan baik yang wujud . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat melarang membuat kenyataan yang kurang baik terhadap sebuah negara yang baik hubungan diplomatnya dengan negara kita. Mesti tarik balik perkataan "piracy" itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, dengan "tidak jujur". Saya tarik balik perkataan "piracy" tetapi tidak jujur.

Tuan Pengerusi: Tidak jujur pun lebih kurang juga beratnya. Gunakan perkataan lain. Peraturan Mesyuarat melarang Ahli Yang Berhormat bercakap menyebut perkataan-perkataan, kalimat yang tidak baik terhadap sebuah negara yang ada hubungan baik dengan Malaysia.

Dr Chen Man Hin: Dengan tidak conventional. Tidak terkawal.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr Chen Man Hin: Melanggar hubungan baik yang wujud di antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan.

Pemindahan teknologi yang dijanjikan oleh negara-negara maju boleh dibuat dengan meresapkan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di universiti dan kolej-kolej negara-negara maju seperti United Kingdom. Berjuta-juta ringgit dalam erti kata pertukaran asing dibawa masuk ke United Kingdom, Australia dan New Zealand oleh pelajar-pelajar kita set'ap tahun dan penyelidikan telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar asing sebenarnya mensubsidikan sebanyak £21 juta setiap tahun dan bukan sebaliknya. Pelaburan-pelaburan British khususnya di bidang ladang-ladang, estet-estet dan perlombongan telah mendatangkan United Kingdom berjuta-juta ringgit keuntungan dalam erti kata pendapatan dan pertukaran asing.

Syarikat ketiga, Tuan Pengerusi, buat masa sekarang trend bagi pelajar-pelajar Malaysia ialah untuk pergi ke luar negeri untuk menyertai universiti-universiti atau kolej-kolej di negara-negara Commonwealth akan tetapi juga terdapat institusi-institusi yang baik di negara-negara yang tidak bertutur bahasa Inggeris (non-English speaking countries) seperti jiran negara kita di ASEAN, Jepun, Jerman Barat, Perancis, Taiwan dan Korea Selatan.

Bagi menentukan bahawa pelajar-pelajar kita adalah layak memohon masuk ke dalam universiti-universiti dan kolej-kolej yang terdapat di negara-negara yang tidak menjadi anggota Commonwealth, maka beberapa modifikasi hendaklah tidak diadakan dalam sukatan sekolah-sekolah kita. Umpamanya di peringkat Tingkatan Enam di mana bahasa-bahasa Jepun, Jerman, Mandarin, Perancis ataupun Korea diajar. Dalam pada ini peperiksaan International Baccalaureats yang ditaja oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan diiktirafkan sebagai kelayakan masuk universiti-universiti oleh ramai negara-negara hendaklah diadakan bagi pelajar-pelajar kita supaya membolehkan mereka memohon untuk belajar di universiti-universiti yang terdapat di Eropah dan Asia Utara.

Yang keempat Tuan Pengerusi, dalam analisa terakhir jawapan kepada pelajaran tinggi adalah terdapat di negara kita. Dalam masa akan datang kemasukan ke dalam kolej-kolej dan universiti-universiti seberang laut akan menjadi lebih terhad kerana

demand untuk memasuki universiti-universiti dan kolej-kolej dari rakyat tempatan negara-negara tersebut akan bertambah.

Yuran tuition pasti akan naik. Begitu juga belanja untuk makan, penginapan pasti juga akan naik dan hanya mereka yang kaya-raya akan berpeluang atau mampu menghantar anak-anak mereka ke universiti luar negeri.

Negara kita mungkin tidak akan mampu menanggung kerugian atau drain pertukaran wang (foreign exchange) asing terutama sekali apabila kemelesetan ekonomi berlaku dan harga barangan (commodities) turun.

Tuan Pengerusi, dalam masa-masa akan datang akan terdapat tekanan yang begitu hebat untuk mendapatkan tempat-tempat di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan di Malaysia dan jika valve-valve keselamatan tidak diadakan maka keadaan ini akan menjadi satu bom masa (time bomb) adalah nyata lebih banyak lagi universiti-universiti dan kolej-kolej khususnya politeknik-polytechnic harus dibina dan jika ada sesiapa yang fikir bahawa universiti-universiti dan kolej-kolej yang sedia ada adalah memadai, biarlah mereka lihat keadaan yang wujud di negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Pengerusi, akhirnya, dalam pada ini adalah wajar dan patut universiti-universiti dan kolej-kolej persendirian digalakkan dan sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan untuk meluluskan penubuhan Universiti Merdeka. Kerajaan dengan sendirinya tidaklah boleh memuaskan kehendak rakyat dan Kerajaan hendaklah menggalakkan penyertaan sektor swasta di bidang pelajaran. Parti DAP menggesa Menteri Pelajaran supaya melangkah deras dalam memperuntukkan lebih banyak lagi tempat-tempat di kolej-kolej dan universiti-universiti untuk pelajar-pelajar kita jika beliau mahu defuse bom masa yang sedang ticking ominously.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

3.46 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sebanyak mengenai peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Pelajaran di bawah Maksud B. 29 dan P. 29.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama sekali yang saya ingin sentuh ialah mengenai Butiran 1100, muka surat 223, Program (1)—Pelajaran Rendah dan Menengah mengenai (a).

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak pengurusan sekolah-sekolah terutama sekali pihak Jabatan Pelajaran tiap-tiap negeri khususnya dan juga peringkat kebangsaan supaya mengambil kira usaha-usaha guru-guru di dalam kerja-kerja luar darjah seperti dalam Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan juga kerja-kerja guru-guru dan kakitangan Kementerian Pelajaran di dalam Majlis Sukan Sekolah-sekolah peringkat Negeri. Saya rasa walaupun ada setengah pihak mengatakan kerja-kerja dalam MSSM ini adalah merupakan

Tuan Pengerusi: Apa bendanya itu? Lebih baik penuhkan supaya ada dalam rekod Parlimen ini. Sepuluh tahun akan datang barangkali sudah lain pula. Jadi bagi rekod Parlimen, jelaskan dahulu nama penuhnya, kemudian baru nama ringkasnya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Walaupun ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa kerja-kerja guru-guru dan juga kakitangan Jabatan Pelajaran dan Kementerian Pelajaran melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri-negeri atau MSSM ini tidak bersangkutan dengan soal sekolah-sekolah. Tetapi memandangkan kerja-kerja yang dijalankan oleh mereka itu dan juga kerja-kerja yang memerlukan masa yang banyak maka sebahagian besar daripada masa setengah-setengah kakitangan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran ini adalah melibatkan guru-guru tersebut. Jadi sudah sampai masanya kerja-kerja mereka ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan ataupun Record of Service kerana mungkin setengah guru-guru yang begitu cergas dalam sukan MSSM atau MSSN ini tidak begitu cergas dalam bidang-bidang yang lain. Maka sekiranya tugas-tugas mereka ini hanya hendak ditinggalkan di atas kertas-kertas perlantikan ataupun kertas-kertas penghormatan sahaja mungkin pada suatu masa beberapa tahun selepasnya hendak dipertimbangkan soal kenaikan pangkat atau sebagainya rekod-rekod yang terdapat berkecai berai di atas kertas-kertas kepingan ini tidak dapat dikesan lagi oleh Pejabat-pejabat

Pelajaran atau Kementerian sendiri. Maka saya mencadangkan supaya perkara ini direkodkan secara rasminya dan diberi faedah yang tertentu kepada kerja-kerja guru tersebut.

Begitu juga selain daripada soal MSSM dan MSSN ini juga hendaklah kita catitkan sebarang kerja luar sekolah yang ada kaitan dengan sekolah. Misalnya seseorang itu menjadi Setiausaha Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dan seterusnya menjadi guru perpustakaan atau sebagainya hendaklah dicatitkan dalam buku-buku Record of Service.

Saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, bahawa ada setengah-setengah tempat walaupun guru-guru tersebut telah bertukar ke beberapa sekolah tetapi buku Record of Servicenya belum lagi up-to-date dan dalam usaha hendak up-to-date buku-buku Record of Service ini hendaklah dimasukkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam bidang ini juga iaitu mengenai Pelajaran Rendah dan Menengah. Saya bersyukur kerana mulai pada 1-1-1980 ini ramai daripada guru-guru yang akan naik pangkat dan mereka ini sudah tentu akan mengalami sedikit sebanyak percubaan di dalam kenaikan pangkat sama ada dari segi taraf ataupun dari segi gaji masing-masing.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, kita tidak dapat menafikan bahawa dalam exercise kenaikan pangkat atau pertukaran Guru Besar itu, kita tidak mungkin dapat memuaskan hati setiap individu yang terlibat apatah lagi individu yang tidak terlibat kerana hanya sebanyak 2,500 orang lebih sedikit sahaja yang terlibat, malahan bilangan sekolah-sekolah yang boleh membenarkan Guru Besar ditempatkan hanya terhad, manakala bilangan guru hari ini adalah banyak daripada tempat yang ada.

Tuan Pengerusi, dengan keadaan demikian maka saya sangat-sangat amat bersimpati dengan pegawai-pegawai di Pejabat Pelajaran sama ada di negeri saya sendiri negeri Kelantan, sebagaimana pernah disebut oleh Yang Berhormat dari Bachok semalam dan apatah lagi pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran memang satu perkara yang sukar untuk menentukan kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, kita hendaklah bersyukur dan berterima kasih kepada pegawai-pegawai yang telah menjalankan kerja-kerja dengan begitu baik sehingga dapat melaksanakan

exercise ini yang pada hemat saya adalah sangat-sangat memuaskan. Bagi mereka yang tidak berpuas hati maka mungkin sebab-sebab lain yang mereka sendiri tidak dapat lihat, mungkin ada sebab-sebab diri mereka sendiri, sebab-sebab kecekapan diri individu yang tidak dapat dilihat oleh individu itu sendiri tetapi hanya dapat dilihat oleh orang-orang lain di atas yang dapat menilai kedudukan dan kemahiran ataupun kecekapan orang-orang yang berkenaan seperti kata orang tua-tua: kita tidak dapat melihat muka kita, orang lain sahaja dapat melihat. Maka itulah sebabnya perlu diadakan cermin di peringkat negeri dalam bentuk Jabatan Pelajaran Negeri dan juga di peringkat kebangsaan dalam bentuk Kementerian Pelajaran.

Dalam masalah ini, saya ingin membawa perhatian kepada Kementerian Pelajaran bahawa dalam soal kenaikan pangkat ini sama ada diambil dari segi kenaikan sebagai Guru Besar ataupun diambil dari segi kenaikan pangkat superscale atau special grade dan sebagainya, janganlah kita hanya menghadkan kepada wujudnya jawatan-jawatan Guru Besar ataupun Penolong-penolong Kanan sahaja kerana kalau kita hendak menunggu wujudnya kekosongan Guru Besar atau Penolong-penolong Kanan yang membolehkan wujudnya guru-guru yang akan meningkat kepada special grade atau superscale yang berkenaan, maka peluang bagi guru-guru itu adalah terhad. Saya hendak mencadangkan di sini supaya pihak berkenaan di Kementerian Pelajaran ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) supaya memikirkan selain daripada hendak menaikkan pangkat ini lantaran wujudnya tempat-tempat yang kosong sebagai Guru Besar ataupun sebagai Penolong Kanan di sekolah berkenaan, maka hendaklah diberi kelonggaran dan peruntukan kepada kenaikan pangkat kepada guru-guru kepada superscale, special grade ataupun sebagainya tanpa memperhitungkan ada tidaknya pangkat tersebut dengan kekosongan di sekolah-sekolah. Biarlah kita buat seperti yang terdapat di dalam perkhidmatan yang lain.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada butiran selanjutnya dalam B. 29 mengenai 1100—Program 5 (b) Pengurusan Kurikulum. Dalam masalah ini seperimana pernah disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya sekali lagi hendak menekankan bahawa perlu sangat beban anak-anak kita

di darjah permulaan Darjah Satu hingga Darjah Empat hendaklah diperhatikan mereka itu boleh mengira, membaca dan semula sesuai dengan kehendak supaya menulis apabila sampai ke peringkat Darjah Empat atau Lima kelak. Saya amat dukacita dengan keadaan kurikulum yang wujud pada hari ini, mungkin saya percaya Jawatankuasa Pengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu telahpun melihat perkara ini dan saya berdoa supaya sesuatu perkara yang positif akan keluar hasil daripada kajian ini. Selain daripada itu, mengenai pengurusan kurikulum juga saya mengharpakan supaya pihak yunit ini memperhitungkan soal hubungan antara kaum, konsep ini hendaklah dimasukkan dalam menentukan kurikulum di sekolah-sekolah, mungkin di dalam matapelajaran moral yang hendak dimulakan tahun hadapan di semua peringkat akan mengandungi aspek-aspek yang saya sebutkan ini. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, oleh sebab kita tidak mahu negara ini mempunyai racial polarisation bermula daripada sekolah apatah lagi di peringkat persekolahan tinggi atau universiti, maka soal hubungan kaum atau hubungan ras ini hendaklah diperhatikan dalam sebarang perancangan kurikulum di semua peringkat, apatah lagi perkara ini hendaklah ditanam dan dibiakkan mulai dari peringkat sekolah rendah lagi.

Butiran 5 (e) iaitu mengenai Biro Buku Teks. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana telah menjalankan rancangan bantuan buku teks setakat hari ini, tetapi satu aspek yang saya hendak sentuh di sini ialah kadang-kadang terdapat sedikit kesusahan bagi mereka kerana sebab-sebab tertentu tidak berpeluang untuk mendapatkan bantuan buku teks daripada sekolah-sekolah. Saya tidak hendak membela orang-orang yang tidak dapat buku teks itu kerana memangnya mereka yang dapat gaji lebih daripada \$500 sebulan patut diminta membeli buku teks untuk anak-anak mereka, tetapi kadang-kadang kesusahan mereka itu ialah untuk mendapatkan buku-buku teks tersebut di pasaran.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak sekolah ataupun Jabatan Pelajaran hendaklah mewujudkan satu sistem di mana digalakkan PIBG atau pihak sekolah sendiri supaya

mengatur pengedaran buku-buku teks tersebut bagi pihak mereka yang tidak akan dapat bantuan buku teks daripada pihak Kementerian Pelajaran sendiri. Dengan keadaan demikian maka tidak akan terbantut pelajaran anak-anak kita lantaran lewat mendapat bekalan buku daripada pasaran tempatan.

Satu perkara lagi di bawah B. 29, Kod 1100 iaitu Program (6), Tuan Pengerusi. Dalam masa menjawab perbincangan Belanjawan secara am beberapa hari yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah membayangkan kemungkinan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Keempat akan dikaji penubuhan sebuah universiti yang baru. Di dalam hal ini saya hendak membuat sedikit komen bahawa dalam pengkajian ini ada dua tiga perkara yang perlu diperhatikan. Perkara yang pertama hendaklah kita tentukan bahawa tempat universiti itu janganlah hanya sekadar di Kuala Lumpur atau tempat-tempat yang telah wujud universiti, letakkanlah di tempat mana sekalipun tetapi hendaklah wujud taburan dari segi penempatan pusat pengajian tinggi yang lebih sesuai. Perkara yang kedua, kita sekarang ini masih lagi di dalam saat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) maka sebarang pelaksanaan dasar Kerajaan, apatah lagi dalam pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui pengwujudan sebuah universiti baru yang mungkin dicadangkan itu hendaklah juga mengikut hasrat DEB yang kita semua sedia maklum.

Perkara ketiga dalam hal ini kita hendaklah memerhatikan kepada keperluan tenaga manusia negara ini, kita tidak mahu sebuah universiti baru ditubuhkan sekiranya universiti itu hendak memberi tempat lebih banyak kepada kursus humanities yang mana kita sudah memadai, setakat hari ini.

Di dalam hal ini sekejap tadi Ahli dari Seremban menyentuh mengenai Universiti Merdeka ataupun pusat pengajian tinggi swasta. Sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan atau menegaskan bahawa kita tidak mampu—kita tidak mampu—dalam keadaan atau dalam masa masyarakat kita seperti hari ini untuk membenarkan sebarang universiti atau pusat pengajian tinggi swasta diwujudkan. Maka hendaklah menjadi tanggungjawab Kerajaan sama ada universiti itu hendak ditambah

satu, dua, tiga atau empat dan kalau sekiranya hendak ditambah banyakpun tidak menjadi masalah, tetapi asalkan segala pembiayaan dan segala pengurusan dan segala pentadbiran itu hendaklah dikendalikan oleh Kerajaan sendiri.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada P. 29

Tuan Pengerusi: Kalau dapat Yang Berhormat ringkaskan sedikit supaya dapat memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Hussein bin Mahmood: P. 29, Butiran 1—Pelajaran Rendah dan juga Butiran 2—Pelajaran Menengah. Saya ingin menyentuh mengenai yang pertama sekali dalam masalah ini soal menggantikan sekolah-sekolah lama. Saya percaya adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran dan juga pihak Kerajaan sendiri supaya setiap sekolah lama yang sepatutnya tidak wujud lagi dalam sebuah negara yang merdeka ini digantikan dengan secepat mungkin.

Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian kepada pihak Kementerian Pelajaran, kadang-kadang terdapat soal kerumitan dalam masalah pengambilan semula tanah oleh pihak-pihak negeri. Saya sekali lagi hendak menegaskan di sini supaya dalam soal pengambilan semula tanah ini usaha-usaha yang lebih hendaklah dibuat supaya tidak terbantut segala usaha-usaha kita yang lain, apatah lagi soal tanah dan juga ditambah dengan soal inflasi dari masa ke semasa, maka kemungkinan banyak perkara-perkara boleh menghindarkan kemajuan sekolah-sekolah berkenaan. Dan kadangkala kita dapat harga tanah hendak dijadikan tapak sekolah menjadi masalah yang penting.

Saya mencadangkan supaya hendaklah dicari satu jalan supaya tidak perlu kita bawa sampai ke mahkamah. Hendaklah ada tolak ansur dalam dua tiga pihak. Pihak yang pertama Kementerian Pelajaran atau wakil-wakilnya di peringkat on the ground, kedua pihak tuannya tanah dan ketiga pihak pentadbir tanah atau pihak Pemungut Hasil Tanah di tiap-tiap daerah yang berkenaan. Sekiranya wujud tolak ansur yang menasabah di antara ketiga-tiga pihak ini maka soal pengambilan semula tanah dari tuannya-tuannya tanah saya rasa tidak akan timbul.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Butiran (8) di bawah P. 29—Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Saya berterima kasih kerana pada tahun 1980 pihak Kementerian ini memohon \$7,027,200 untuk membina rumah-rumah guru luar bandar. Saya tidak hendak mempersoalkan tarif luar bandar ini kerana saya menganggap keseluruhan negeri Kelantan atau kawasan saya sebagai luar bandar.

Dalam masalah ini saya hendak mencadangkan supaya tiap-tiap sekolah di luar bandar hendaklah dilengkapi sekurang-kurangnya dengan rumah-rumah guru dan perkara yang paling penting kita tentukan bahawa rumah ini jangan tinggal rumah kosong, tentukan bahawa guru yang kita tempatkan di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh daripada bandar-bandar bukan lagi berulang alik sampai 20 atau 40 batu tiap-tiap hari. Dari segi tenaganya dan konsentrasinya di sekolah maka sudah tentu tidak dapat dipersoalkan masa beliau atau/guru-guru tersebut mengajar dengan sebenarnya, adalah terhad. Jadi hendaklah diadakan usaha-usaha supaya guru-guru tersebut tinggal di sekolah selagi sekolah tersebut mempunyai rumah-rumah guru. Usaha-usaha yang tersebut hendaklah dijalankan oleh Jabatan Pelajaran tiap-tiap negeri dengan berbagai-bagai cara saya rasa kalau perlu incentive yang sesuai.

Akhirnya saya ingin menyentuh Butiran 9—Asrama. Saya juga bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya yakin bahawa faktor kemajuan pelajaran akhir-akhir ini dalam negara kita ini kita dapat lihat bahawa salah satu faktor yang penting ialah adanya asrama-asrama yang boleh didiami oleh anak-anak kita dan mereka boleh belajar sepanjang masa bukan sahaja pada waktu pagi bahkan juga di sebelah petang dan malam di sekolah itu sendiri. Saya mengharapkan supaya hendaklah menjadi satu matlamat (target) Kementerian Pelajaran untuk membina asrama-asrama bukan sahaja bagi sekolah yang di-classified sebagai Sekolah Asrama Penuh tetapi juga bagi sekolah-sekolah menengah yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak termasuk dalam takrif Sekolah Menengah Asrama Penuh kerana walaupun di kawasan luar bandar ini kita dapati banyak sekolah-sekolah tetapi murid-murid terpaksa berulang alik jauh daripada sekolah tiap-tiap hari. Dengan hal yang

demikian maka sedikit sebanyak akan menghalang kemajuan pelajaran anak-anak itu sendiri.

Selain daripada itu, masalah asrama ini saya percaya bahawa dalam perancangan mengadakan sekolah baru, kalau sekiranya perancangan sekolah baru saya maksudkan sekolah menengah, dapat kita tentukan ada surau, adanya kantin, adanya bilik perpustakaan, adanya office dan sebagainya, apalah salahnya kalau kita menentukan bahawa tiap-tiap perancangan sekolah menengah yang baru ini mempunyai sekurang-kurangnya asrama untuk sebahagian ataupun kalau tidak sebahagian besar sebahagian kecil daripada anak-anak kita yang terpaksa berulang alik berbatu-batu daripada rumah mereka tiap-tiap hari. Perkara ini adalah sangat terasa di dalam kawasan saya sendiri Kawasan Tanah Merah, Kelantan kerana walaupun kalau dilihat di atas peta jarak di antara sekolah dengan rumah anak-anak itu tidaklah begitu jauh, tetapi kalau dilihat on the ground maka kita akan terasa masa yang digunakan untuk berulang alik daripada sekolah-sekolah, apatah lagi pada musim ini maka akan terasa perlu sangat anak-anak kita tinggal atau ditempatkan di asrama sementara mereka itu mengambil peperiksaan SPM atau HSC sebagaimana yang kita buat pada hari ini, yang kita dapati bahawa kalau mereka itu tinggal jauh, susah bagi mereka itu hendak berulang alik mengambil peperiksaan. Jadi dengan hal yang demikian selain daripada asrama-asrama ini boleh digunakan untuk menempatkan anak-anak kita belajar di waktu-waktu yang biasa tetapi juga boleh diletakkan calon-calon peperiksaan yang hendak mengambil peperiksaan SPM atau HSC dalam masa-masa yang merumitkan sebagaimana kita dengar sehari dua ini di kawasan-kawasan 5 buah negeri di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong di atas peruntukan ini dan akhirnya saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

4.08 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 29 dan juga P. 29.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi di mana tercatat tujuan yang mengawal perbelanjaan bagi Kementerian. Di dalam tujuan itu ada disebutkan:

“Untuk mendidik rakyat Malaysia melalui sistem pelajaran Kebangsaan supaya membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara yang sedang membangun sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru di samping mewujudkan suatu masyarakat yang taat setia, berdisiplin dan bersatupadu selaras dengan prinsip-prinsip RUKUN NEGARA.”

Tuan Pengerusi, dalam soal tujuan Kementerian Pelajaran, yang mengawal seluruh perbelanjaan sama ada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Banyak persoalan telah dibangkitkan daripada tindak tanduk dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri serta juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada 16-10-79 Menteri Pelajaran dalam Dewan ini berkata bahawa tujuan Dasar Pelajaran Negara (National Education Policy) ialah untuk mewujudkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua sekolah.

Tuan Pengerusi, ini bererti bahawa sekolah-sekolah yang ada sekarang yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar dan juga bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar juga terlibat dalam apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Tuan Pengerusi, mulai tahun 1982 semua Sekolah Kebangsaan akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah atas di mana peperiksaan HSC akan ditukar kepada STP dan ia akan dikendalikan dalam Bahasa Malaysia. Apa yang menjadi tanda tanya oleh rakyat yang bilangannya besar di dalam negara kita ialah apakah masa depan sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar dan dalam soal ini ibubapa-ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina dan Tamil dan juga yang ingin menggunakan hak yang termaktub di dalam Perlembagaan menurut Artikel 152

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, soal ini lebih tepat dibincangkan di dalam masa membincangkan dasar umum. Ini termasuk dalam dasar perkhidmatan tetapi dia lebih luas lagi dan lebih tepat di bawah dasar umum. Jadi perkara ini tidaklah boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini oleh kerana ada disebutkan tujuan

Tuan Pengerusi: Tujuan adalah dalam dasar umum. Semasa membincangkan dasar umum bolehlah membincangkan tujuan ini tetapi bukan dalam Jawatankuasa.

Tuan P. Patto: Kalau Tuan Pengerusi izinkan saya akan singkatkan pandangan saya terhadap

Tuan Pengerusi: Perkara yang tidak boleh walau disingkatkan macam mana pun tidak boleh!

Tuan P. Patto: Tetapi kalau menurut . . .

Tuan Pengerusi: Sebutkan perkara yang lain.

Tuan P. Patto: Baik. Tetapi dalam soal ini saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberitahu apakah tujuan sebenar tentang kedudukan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar dan bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar dalam Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh tentang Maksud B. 29, Butiran 1100, Program (6)—Pelajaran Tinggi; (b) Pengambilan Penuntut, peruntukan sebanyak \$111,000 minta diluluskan. Dalam hal ini pengambilan penuntut ke Institut-institut Pelajaran Tinggi iaitu 5 buah universiti yang ada dalam negara kita dan juga Institut Teknologi MARA dan Kolej Tunku Abdul Rahman. Pihak Kementerian telahpun mengumumkan beberapa kali bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menambah bilangan tempat-tempat dalam jurusan-jurusan tertentu bagi bukan bumiputra dalam universiti-universiti tempatan dan juga bahawa Kerajaan akan memberi biasiswa kepada lebih ramai lagi bukan bumiputra untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Saya ingin menyentuh tentang dasar Kerajaan yang mengatakan bahawa ia akan mengambil langkah-langkah untuk menambah oleh kerana di sini terlibat apa yang diperheboh-hebohkan dalam akhbar dan telah dipertuturkan oleh pemimpin-pemimpin khususnya pemimpin-pemimpin MCA ialah tentang formula yang digunakan.

Tuan Pengerusi, ada pada satu ketika dikatakan bahawa satu formula telah dipersetujui oleh beberapa orang Menteri UMNO dan MCA tentang pengambilan penuntut-penuntut ke Institut Pelajaran Tinggi. Tetapi dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini pada 23hb Oktober nampaknya tidak ada formula. Formula itu adalah formula kosong walaupun pihak MCA telah melaung-laungkan bahawa ia telah berjaya mendapat satu pertambahan 2% dalam pengambilan penuntut-penuntut bukan bumiputra ke universiti-universiti tempatan dan juga Institut Pelajaran Tinggi yang lain.

Tuan Pengerusi, kita mesti sedar bahawa kekurangan pengambilan bukan bumiputra ke universiti-universiti tempatan sudahpun menjadi satu isu yang begitu panas yang dibahaskan oleh semua lapisan masyarakat dan kerap kali Parlimen bersidang di dalam Dewan ini juga Ahli-ahli Parlimen pernah bertanya tentang kedudukan pengambilan penuntut-penuntut bukan bumiputra ke universiti-universiti tempatan. Daripada detail-detail yang telah diberi dalam Parlimen oleh Menteri Pelajaran pada 23hb Oktober, nyata sekali bahawa formula yang dikatakan oleh pihak MCA yang telah dicapai adalah kosong oleh kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari itu nyata sekali bahawa itu bukanlah satu formula tetapi satu dasar yang sudahpun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa kali di dalam Dewan dan di luar Dewan. Jadi isu pengambilan bukan bumiputra ini telah dipergunakan oleh MCA selama ini sehingga Yang Berhormat Menteri Pelajaran membongkar secara tidak langsung bahawa itu adalah satu formula kosong. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dari MCA boleh jawab sama ada formula atau tidak ada formula oleh kerana Menteri sudah ada membuktikan dalam Dewan tidak ada sebarang formula walaupun dituntut oleh pihak MCA bahawa ada formula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Jawatankuasa.*

Tuan Pengerusi, dalam soal ini pihak pemimpin-pemimpin MCA termasuk Menteri-menteri ataupun pemimpin-pemimpin di peringkat bawah telah mengatakan ada dua version tentang formula ini. Satu ialah kadar pengambilan penuntut-penuntut bukan bumiputra ke universiti adalah dalam tempoh 5 tahun akan meningkat ke satu ratio di mana 45% daripada penuntut-penuntut yang diambil ke Universiti Malaya adalah bukan bumiputra dan 55% adalah penuntut-penuntut bumiputra. Tetapi ini pun dinafikan oleh Menteri Pelajaran.

Saya ingin tahu apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dari MCA akan berkata kepada penafian yang dibuat itu ataupun mereka akan menggunakan isu ini sebagai isu politik untuk hidup dalam arena politik.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang pengambilan penuntut. Saya kesal oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kerjaraya tidak ada di sini oleh kerana beliau adalah jaguh 10% (10% champion). Kerap kali MIC membuka mulut maka beliau dan pemimpin-pemimpinnya menuntut 10%; di mana-mana pun mahu 10%. Baik dalam Barisan Nasional hendak kerusi bertanding pun mahu 10%, di peringkat pelajaran tinggi mahu 10%, semua 10%. Tetapi dalam hal formula yang dikatakan formula kosong itu nampaknya MIC tidak berani membuka mulut hendak 10% dan saya tidak tahu apakah pendirian Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sekarang yang menjadi Pemangku Presiden MIC tentang 10% yang dilaung-laungkan oleh beliau sendiri beberapa tahun ini. Adakah beliau sudah lupa beliau jaguh 10% sekarang ataupun mahu juga bercakap tentang 10%.

Tuan Pengerusi, dalam soal pengambilan pelajar-pelajar pihak Kerajaan mesti sedar bahawa dalam pengambilan, Kementerian hendaklah menggunakan satu yardstick di mana keadilan dapat diberi kepada semua pihak dan dalam hal ini yang utama sekali pelajar-pelajar bukan Melayu yang kini mendapati bahawa mereka tidak diberi peluang yang cukup untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan. Dari angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan tentang pengambilan penuntut-penuntut bagi sesi

1979/80 ke universiti-universiti tempatan, kita dapati bahawa dari jumlah 5,265 penuntut yang diambil 64.3% adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu, 28.5% Cina, 6.2% India dan lain-lain 1%.

Tuan Pengerusi, dalam pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan di mana terdapat lima buah universiti, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains, Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi, ada tiga buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi, di mana dalam pengambilan penuntut-penuntut ketiga-tiga universiti ini pelajar-pelajar Melayu yang diambil melebihi 82% dalam setiap universiti. Universiti Kebangsaan 82%, Universiti Pertanian 82.7%, Universiti Teknologi 84.7% manakala dalam Universiti Malaya pelajar-pelajar Melayu yang diambil 50.6%, Universiti Sains 50.9%.

Tuan Pengerusi, dalam tiga universiti iaitu Universiti Kebangsaan, Pertanian dan Teknologi kita dapati bahawa tidak ada keseimbangan dalam pengambilan, oleh kerana pengambilan bagi pelajar-pelajar bukan Melayu adalah kurang daripada 20% di ketiga-tiga universiti ini. Apakah pihak Kementerian akan berubah pendiriannya sekarang dan dasarnya sekarang tentang pengambilan kepada universiti-universiti ini dan ia dibuka supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan bumiputra diambil masuk ke universiti-universiti ini. Saya memang sedar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin kata bahawa oleh kerana bahasa pengantar di universiti ini Bahasa Malaysia mungkin terdapat kekurangan pelajar-pelajar bukan bumiputra. Kalau itu jawapannya, apakah pihak Menteri

Dato' Chan Siang Sun: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tidak apa, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menafi, boleh nafi kemudian.

Tuan Pengerusi, dalam pengambilan penuntut-penuntut ke Universiti Malaya dan Universiti Sains, saya meminta pihak Kementerian supaya mengubah dasar supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar Cina dan India diambil masuk ke Universiti Malaya dan

Universiti Sains. Di dalam perkara ini, saya ingin menekankan bahawa apabila pihak DAP menyeru supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan Melayu diambil masuk ke universiti-universiti tempatan itu bukanlah bererti bahawa pelajar-pelajar Melayu hendaklah dinafikan tempatnya, tidak, tidak. Itu bukanlah pendirian DAP. Apa yang dimaksudkan ialah penambahan tempat di universiti-universiti supaya lebih ramai lagi bukan bumiputra dapat menikmati pelajaran tinggi di dalam universiti-universiti kita dan oleh kerana keadaan di mana Universiti Kebangsaan, Pertanian dan Teknologi menumpukan segala usahanya untuk memperbanyakkan lagi graduan-graduan yang keluar daripada universiti-universiti itu, maka Universiti Malaya dan Universiti Sains hendaklah dipertanggungjawab untuk mengeluarkan graduan-graduan bumiputra dengan lebih ramai lagi daripada sekarang.

Tuan Pengerusi, tentang perkara Butiran 1100—Gaji dan Upahan. Program (1).

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Muka surat 233, Program (1) (c) dan (d)—Pelajaran Rendah dan Menengah

Baru-baru ini Guru-guru Besar dan juga Senior Assistant di beberapa sekolah di seluruh negara bersungut tentang kenaikan pangkat dan tentang pertukaran.

Tuan Pengerusi, masih belum dapat tahu daripada pihak Kementerian apakah criteria dan asas yang digunakan dalam exercise kenaikan pangkat dan pertukaran yang akan dilaksanakan dalam tahun 1980 ini. Apa yang saya dapat tahu ialah pihak Kementerian telah melakukan beberapa kesalahan dalam kenaikan pangkat dan pertukaran, khususnya pertukaran.

Saya tidak tahu bagaimanakah seorang Guru Besar yang pernah menjadi Pensyarah dalam Maktab Perguruan yang menyandang gaji Tingkatan DI yang pernah menjadi Guru Besar beberapa tahun di dalam sebuah sekolah boleh ditukar kepada satu sekolah yang berhampiran bukan sebagai Guru Besar tetapi guru biasa, walaupun Guru Besar yang berkenaan telah berkhidmat bertahun-tahun sebagai Guru Besar di sekolah itu dan ia hanya mempunyai 18 bulan lagi untuk bersara. Saya tidak tahu apakah asas yang digunakan dalam pertukaran ini walhal hanya 18 bulan sahaja bagi beliau untuk

bersara. Adakah dalam beberapa tahun ia berkhidmat sebagai Guru Besar—perkara ini di Taiping di Sekolah King Edward—adakah kesalahan dilakukan oleh Guru ini? Saya rasa mungkin tidak, oleh kerana tanggagaji tidak turun, D1 juga.

Tuan Pengerusi, ada kes-kes lain di Kluang seorang Senior Assistant di Sekolah Menengah, beliau telah menjadi Senior Assistant di Sekolah Menengah Gred A selama lima tahun, beliau pernah memangku sebagai Guru Besar selama tahun ini, beliau ini ditukar bukan ke sekolah lain, Tuan Pengerusi, beliau tidak lagi menjadi Pemangku Guru Besar. Saya rasa itu kita boleh setuju oleh kerana Sekolah Gred A memerlukan satu Guru Besar yang tetap dan bukan Guru Besar yang memangku dan seorang Guru Besar yang baharu telah dihantar ke sekolah itu untuk berkhidmat mulai tahun depan.

Tetapi Senior Assistant ini yang telah berkhidmat selama lima tahun sebagai Senior Assistant tidak lagi menjadi Senior Assistant dalam sekolah itu. Seorang lagi Senior Assistant yang baru dilantik dari sekolah yang lain untuk memegang jawatan sebagai Senior Assistant di dalam sekolah itu, dan Senior Assistant ini yang telah berkhidmat selama lima tahun yang telah memberi sumbangan yang begitu baik untuk memajukan sekolah itu telah diturunkan pangkat dari Senior Assistant kepada guru biasa dalam sekolah itu juga.

Tuan Pengerusi, tidakkah Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri tahu tentang perasaan manusia? Walaupun saya di sini tidak ada kekurangan gaji, gaji itu tidak dikurangkan tetapi seorang Senior Assistant di dalam sebuah sekolah di mana berpuluh-puluh guru-guru di bawah penyeliaan beliau dengan sekelip mata sahaja beliau rasa beliau menjadi seorang guru biasa. Apakah asas yang digunakan oleh pihak Kementerian?

Tuan Pengerusi, di tempat saya sendiri, seorang guru besar yang mempunyai Ijazah Am (General Degree) beliau bersandar kepada tanggagaji D2 (General Degree) menjadi Guru Besar Sekolah Menengah, memajukan sekolah ditempatnya dalam tempoh beberapa tahun inipun telah ditukar walaupun beliau hanya mempunyai enam bulan sahaja lagi untuk bersara. Ditukar ke sekolah yang berhampiran, sekolah yang

lebih kecil, yang baru. Apakah asas yang digunakan? Tidakkah pihak Kementerian mendapat tahu perasaan guru-guru ini. Adakah pihak Kementerian berunding dengan NUTP atau Persatuan Guru-guru ataupun Guru Besar tentang kenaikan pangkat dan pertukaran supaya tidak ada sungutan-sungutan seperti yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, banyak lagi guru-guru besar yang pernah meminta supaya mereka ditukar ke tempat lain mungkin ke tempat asal mereka, misalnya ada seorang Guru Besar di Kampar beliau telah memohon beberapa kali untuk ditukar ke Teluk Anson, walaupun dia tidak ditukar sebagai guru besar—tidak mengapa. Tetapi apa terjadi di dalam exercise yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran? Beliau ditukar kepada satu tempat yang lebih jauh daripada Kampar iaitu ke Batu Gajah. Ditukar bukan untuk menjadikan Guru Besar lagi tetapi menjadi guru biasa. Saya tidak tahu apa terjadi kepada Kementerian Pelajaran di dalam exercise ini.

Siapakah yang menjalankan? Adakah Menteri ataupun Timbalan Menteri campur tangan di dalam manipulating ini, pertukaran-pertukaran guru-guru dan kenaikan pangkat. Adakah apa-apa tindakan yang boleh disifatkan sebagai tindakan politik dalam pertukaran guru-guru dan kenaikan pangkat? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran boleh semasa menggulung, dengan izin, "clear the air" yang mengelilingi issue kenaikan pangkat dan pertukaran Guru-guru Besar.

Tuan Pengerusi, juga saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran supaya menyemak semula kenaikan pangkat dan penukaran guru-guru. Dan dalam penyemakan semula ini, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menimbangkan perkara, iaitu tentang Guru-guru Besar dan Senior Assistant yang telah menyumbang yang telah memberi sumbangan begitu banyak, meluaskan lagi perkembangan pelajaran di dalam negara kita, khususnya Guru-guru Besar dan Senior Assistant yang tidak mempunyai Ijazah tetapi yang mempunyai pengalaman dan dengan menggunakan pengalaman mereka, telah membangun dan memajukan sekolah-sekolah khususnya di Sekolah-sekolah China

di seluruh negara. Oleh kerana di sini terlibat Guru-guru dalam Kategori C1, B1 dan D3, saya berharap penyemakan ini boleh dibuat dalam tempoh sebelum akhir tahun ini supaya Guru-guru Besar yang mempunyai pengalaman yang telah menyumbangkan khidmatnya diberi peluang untuk dinaikkan pangkat. Kalau sekiranya Guru-guru Besar yang tidak berijazah ataupun Senior Assistant yang tidak berijazah itu tidak akan dapat ditimbang oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk dinaikkan pangkat, maka saya rasa Guru-guru Besar ini dan Guru-guru Senior Assistant yang telah menyumbang terhadap kemajuan sekolah-sekolah itu akan berkecil hati, oleh kerana mereka hanya harap bahawa kenaikan pangkat di dalam exercise kenaikan pangkat mereka juga akan ditimbang dan diberi pertimbangan yang wajar dan yang adil.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini, saya ingin menyentuh tentang gaji bagi guru-guru dalam Sekolah-sekolah Tamil iaitu Guru-guru sementara. Guru-guru sementara dalam Sekolah-sekolah Tamil, kita memang tahu yang telah berkhidmat ada yang telah berkhidmat selama 18 tahun. Kalau Kementerian menghendakkan mereka mengambil peperiksaan SPM, lulus Bahasa Malaysia, saya rasa mungkin susah sedikit. Dalam keadaan ini, apakah salahnya Kementerian mengendalikan satu peperiksaan yang bukan setaraf dengan Bahasa Malaysia peringkat SPM mungkin kurang, supaya membolehkan guru-guru sementara di dalam sekolah-sekolah Tamil ini dapat mengambil peperiksaan ini serta lulus dan dengan yang demikian dapat ditempatkan sebagai guru tetap.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini nampaknya pihak Kementerian Pelajaran belum lagi membuat satu keputusan apakah akan dibuat terhadap guru-guru sementara untuk ditetapkan mereka dalam jawatan guru.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang Butiran 1100, Program (7)—Latihan Guru, muka surat 234, dan (a)—Latihan pra-Perkhidmatan sejumlah \$47,801,300 diperuntukkan dalam aktiviti ini.

Tuan Pengerusi, beberapa tahun dahulu pihak Kementerian telah memberhentikan latihan guru-guru dalam bahasa pengantar Cina dan Tamil untuk Sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Dan kini terdapat segala latihan

asas dan juga latihan dalam masa cuti diberi sekarang adalah dalam Bahasa Malaysia walaupun guru-guru itu dikehendaki mengajar dalam Sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang menggunakan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar.

Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ada mempunyai rancangan untuk memulakan latihan bagi guru-guru Latihan Pra-Perkhidmatan, guru-guru dalam bahasa pengantar Cina dan Tamil supaya kualiti guru yang mengajar menggunakan bahasa Cina dan Tamil di Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil tidak turun, oleh kerana terdapat sekarang guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah Cina yang baharu lulus dan daripada Maktab-maktab untuk mengajar di Sekolah-sekolah Cina dan Tamil adalah mereka yang dilatih dalam bahasa pengantar Bahasa Malaysia. Itu sebab saya ingin tahu sama ada Kerajaan mempunyai satu rancangan, kalau tidak saya minta Kementerian supaya menimbang untuk memulakan latihan bagi guru-guru dalam bahasa pengantar bahasa Cina dan Tamil seperti dijaikan dahulu. Itulah sahaja pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.41 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Maksud B. 29, Program (3)—Pentadbiran Am, (b)—Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri sebanyak \$72,323,200 didapati peruntukan ini berkerangan sebanyak \$1,936,810 kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Oleh itu peruntukan ini patut ditambah untuk menyusun semula pentadbiran pelajaran di negeri-negeri.

Kita sebenarnya tidak dapat menafikan lagi bahawa pelajaran di negeri-negeri patut disusun semula supaya lebih kemas dan lebih tersusun agar pelaksanaan dasar pelajaran kita dapat berjalan dengan licin dan sempurna. Tetapi penyusunan semula itu tidak semestinya dimasukkan Pegawai P.T.D. Tingkatan Tertinggi G ke dalam Pentadbiran Pelajaran Negeri sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan kewangan sebagaimana yang diura-urakan oleh pihak Kementerian walaupun perkara ini sudah berjalan di

peringkat Kementerian tetapi tidak semestinya perkara ini sampai ke peringkat pentadbiran pelajaran negeri. Kerana persoalannya, sejauh manakah atau lebihnya Pegawai-pegawai P.T.D. itu mengetahui berkenaan dengan pentadbiran pelajaran dan sekolah serta pentadbiran kewangan sekolah sekiranya dibandingkan dengan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran itu sendiri. Pegawai P.T.D. ini memang kita tidak dapat menafikan tentang pengalaman dan lebih tahu dalam bahagian pentadbiran tetapi tidak semestinya kebolehan itu akan merangkumi pentadbiran bidang pelajaran dan sekolah serta kewangan sekolah, oleh itu mereka perlu mengambil masa bagaimana pegawai-pegawai lain juga. Oleh itu saya mencadangkan penyusunan semula pentadbiran pelajaran di negeri-negeri dilakukan di sekitar dalam Perkhidmatan Pelajaran itu sendiri, kerana cadangan saya ini banyak baiknya daripada buruk. Biarlah kedua-dua Timbalan Pengarah Pelajaran, kalau sekiranya hendak dipakai dua, maka terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pelajaran, kerana dengan cara ini akan menjadikan Perkhidmatan Pelajaran ini lebih attractive atau lebih menarik atau lebih disukai dengan adanya peluang-peluang naik pangkat yang lebih luas serta cepat kepada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran.

Selama ini kita sedia maklum peluang-peluang naik pangkat adalah terhad dan lambat sekali serta perkhidmatannya tidak begitu menarik jika kita bandingkan Perkhidmatan P.T.D. dan Perkhidmatan Pentadbiran yang lain. Sebab itulah kita tidak pernah mendengar Pegawai P.T.D. lari masuk ke Perkhidmatan Pelajaran tetapi sangat ramai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran iaitu guru-guru lari meninggalkan profesionnya kepada Perkhidmatan P.T.D. atau ke Perkhidmatan Pentadbiran yang lain.

Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri bolehlah kita anggapkan sebagai tempat training ground di mana pentadbiran dan menyediakan diri mereka bagi melahirkan kelayakan untuk jawatan Pengarah Pelajaran Negeri atau lain-lain jawatan Pentadbiran Pelajaran yang setaraf dengannya. Supaya lebih berkesan lagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran ini hendaklah diberi peluang untuk mengikuti kursus pentadbiran di INTAN. Institut Tadbiran Awam Negara

ini hendaklah ditinggikan supaya merangkumi pentadbiran yang lebih luas bagi dapat memenuhi peluang-peluang pentadbiran itu serta memberi peluang kepada mereka juga untuk mengambil ijazah Sarjana Pentadbiran Awam. Dengan peluang-peluang ini menjadikan Perkhidmatan Pelajaran tidaklah kurang tarikannya dari perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Setahu saya selama ini Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran dibenarkan bercuti dan mengambil ijazah sarjana hanya dalam bidang pendidikan sahaja, cara sukatan ini tidak menguntungkan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran bagi menyediakan diri sebagai seorang pentadbir yang cekap. Oleh itu pentadbiran pelajaran peringkat negeri tidak merupakan satu badan policy maker hanya lebih memberatkan kepada pelaksanaan dan pentadbiran yang biasa. Oleh itu saya mengesyorkan supaya Pentadbiran Pelajaran Negeri itu dikekalkan atau diadakan pula Pegawai Kerja Tinggi atau H.E.O. dan jika perlu peluang-peluang naik pangkat kepada pegawai itu ke S.E.O. atau Pegawai Kerja Kanan.

Begitulah juga dalam pentadbiran kewangan diadakan Pegawai Kerja Akaun Kanan (H.E.A.O.) kerana kedua-dua ini bukan sahaja memberi peluang naik pangkat yang lebih baik kepada Pegawai Kerani atau Pegawai Akaun tetapi dapat membantu dalam pentadbiran pelajaran dengan lebih baik dan lebih praktikal lagi berbanding dengan meletakkan Pegawai P.T.D. Tingkatan Tertinggi G di tempat-tempat tersebut sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri. Dengan cara ini Pegawai P.T.D. tidak perlu mengganggu Perkhidmatan Pelajaran, kerana banyak lagi peluang-peluang di tempat lain untuk membolehkan pegawai ini naik pangkat atau di tempat-tempat lain yang lebih berfaedah kepada Pegawai P.T.D. yang bertaraf Tingkatan Tertinggi G itu, kerana tenaga mereka amat perlu dan mustahak di tempat-tempat lain bagi melaksanakan pembentukan dasar di peringkat-peringkat pusat (policy formulation) atau di tempat-tempat penting dalam pentadbiran di seluruh negara dan akan merugikan Kerajaan sekiranya mereka itu dihantar ke Pentadbiran Pelajaran Negeri padahal ada tempat lain yang lebih mustahak pada mereka.

Saya suka menyentuh kepada Program (8)—Pengendalian Peperiksaan. Nampaknya pihak wakil dari Menglembu ini telah tidak bersetuju dengan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan di dalam peperiksaan. Oleh itu

saya berharap di dalam pelaksanaan peperiksaan di dalam Program (8) ini iaitu kita tidak perlu menerima persoalan daripada segolongan kecil rakyat tetapi kita hendak mempersoalkan pertanyaan daripada rakyat yang menjadi majoriti dalam negara ini. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Pelajaran hendaklah bertegas dalam melaksanakan peperiksaan HSC dan juga dalam peperiksaan lain dalam pelaksanaan pelajaran kebangsaan kita sebagaimana Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dalam ceraiian-ceraian yang diperuntukkan kepada peperiksaan sebagai bahasa pengantar dalam peperiksaan itu. Ini kita tidak perlu mendengar lagi suara-suara sumbang di saat pelaksanaan kita yang terakhir ini.

Begitu juga di dalam Program (6)—Pelajaran Tinggi, (b)—Pengambilan Penuntut. Ini juga saya berharap pihak Kementerian dan Yang Berhormat Menteri tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini, kerana isu ini tidak pernah ditimbulkan di dalam Dewan ini melainkan ditimbulkan oleh pihak DAP—pihak Pembangkang, pihak yang cuba hendak menjadikan isu ini sebagai isu utama kerana mereka ini kehabisan isu di dalam memperjuangkan politik mereka. Sebenarnya formula kosong yang disebutkan DAP itu ialah formula sebagai “Keling karam”, iaitu bising yang tidak mempunyai erti, kerana formula-formula dan apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan itu, saya berharap pihak Kementerian tidak akan bertolak ansur dan perkara ini mesti bertegas, kerana ini sahaja yang ada pada kita sekarang sebagai bumiputra dan ini sahaja yang dapat Kementerian lakukan, iaitu dalam memberi pelajaran kerana pihak bumiputra tidak akan mendapat hak-hak di dalam bahagian-bahagian lain. Jadi oleh kerana tidak ada keseimbangan di dalam pengambilan pelajar kerana kita tahu keadaan yang ada sekarang ini tidak seimbang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu sudah banyak pergi kepada dasar, tolong tumpukan kepada Maksud Bekalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Jadi saya tidak nafikan kepada putar belit kenyataan yang dibuat oleh pihak tertentu mengatakan bahawa dia tidak nafikan tentang pengambilan bumiputra yang banyak tetapi kalau bumiputra pun hendak banyak, bukan bumiputra pun hendak banyak, siapa yang

hendak sedikit? Jadi inilah putar belit kenyataan yang kita tidak boleh terima. Boleh jadi guru yang dibangkit

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: (*Kepada Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad*) Yang Berhormat, tunggu sekejap dahulu!

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Apa yang dikatakan oleh

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu! Biar saya dengar dahulu apa yang hendak disoalkan ini.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi yang dikatakan mengenai putar belit, kenyataan yang dibuat oleh

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu hendak apa?

Tuan Chan Teck Chan: Di bawah Peraturan 37 (b)—Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Saya belum dengar lagi apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Kepada Tuan Chan Teck Chan*) Duduk, duduk!

Tuan Pengerusi: La ilaha illallah—dengarlah dahulu, bersabar. Saya hendak dengar apa permintaan daripada Yang Berhormat.

Tuan Chan Teck Chan: Saya minta izin daripada Tuan Pengerusi di bawah Peraturan 37 (b), saya hendak minta penjelasan mengenai kenyataan putar belit yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengenai

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jalan, Tuan Pengerusi.

Tuan Chan Teck Chan: Kalau mahu tuduh DAP, mahu cabar DAP, beri peluang

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti saya berucap dahulu, sabar dahulu.

Tuan Chan Teck Chan: biarkan kita mencabar

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk sekejap dahulu! Saya hendak dengar dahulu apa yang diminta oleh Yang Berhormat ini.

Tuan Chan Teck Chan: Saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi, di bawah 37 (b), satu penjelasan mengenai tuduhan.

Tuan Pengerusi: Kalau berkenaan dengan penjelasan, kalau Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak mahu mengalah, Yang Berhormat tidak ada kuasa.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah saya minta, adakah Yang Berhormat mahu beri jalan?

Tuan Pengerusi: Tidak, oleh itu, duduk Yang Berhormat!

Tuan Chan Teck Chan: Kalau Yang Berhormat itu beri jalan, saya boleh bercakap. Adakah beliau beri jalan supaya saya menjawab tuduhannya; kalau takut, jangan tuduh.

Tuan Pengerusi: (*Kepada Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad*) Yang Berhormat beri jalan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak beri jalan, sudah, duduk!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Kerana masa sedikit, saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya inilah yang dipersoalkan oleh pihak DAP selama ini, iaitu bagi menjadikan isu-isu pelajaran ini sebagai satu isu yang boleh membangkitkan semangat perkauman di antara rakyat yang ada dalam negeri ini.

Saya suka menyentuh kepada Bekalan 29, Program (5) (d) Pelajaran Ugama.

Tuan Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat pergi kepada perkara itu, saya hendak beri pandangan, iaitu masa sudah terlebih sedikit dan saya cuma beri lagi dalam 2 minit untuk menutup ucapannya sebab hendak memberi peluang supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran boleh menjawab mengikut persetujuan yang telah dibuat tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dalam Bekalan 29, Program (5) (d) Pelajaran Ugama.

Sebenarnya Pelajaran Ugama Islam dan juga Mora! akan jadi matapelajaran wajib dalam semua peperiksaan persekolahan di negara ini di masa akan datang. Dengan peruntukan yang diberi sebanyak \$364,000 ini menjadi kekurangan sebanyak \$529,300 kalau kita bandingkan dengan peruntukan yang diberi pada tahun sudah. Oleh itu peruntukan ini patut ditambah berhasrat untuk menjadikan Pelajaran Ugama Islam dan Moral ini sebagai satu matapelajaran yang wajib dalam peperiksaan di dalam negara ini.

Saya menyokong penuh hasrat Kerajaan ini agar dapat mempunyai rakyat yang dapat menghayati ugama dan juga moral yang sebenarnya supaya dapat memenuhi matlamat Kerajaan untuk melengkapkan kemajuan rakyat yang sejati. Pelajaran Ugama Islam bagi penuntut beragama Islam adalah telah lama wujud dan dipelajari tetapi tanpa mempunyai satu motif atau penggalak untuk murid-murid berusaha mempelajarinya dengan tekun dan juga tidak mempunyai satu tarikan ustaz-ustaz untuk menekankan pelajaran ugama Islam itu selain daripada matlamatnya menyampaikan pelajaran sebagai satu kewajipan sahaja. Ini disebabkan tumpuan pelajar yang lebih kepada Pelajaran Sains, Hisab atau Bahasa atau lain-lain ilmu pengetahuan yang diadakan dalam peperiksaan bagi menentukan diri mereka itu lulus dan mendapat gred yang tinggi. Oleh itu bukan sahaja matapelajaran ugama dan moral ini diwajibkan di dalam semua peperiksaan persekolahan tetapi diwajibkan mendapat kelulusan sepatutnya sepertimana matapelajaran Bahasa juga tanpa diwajibkan mendapat kelulusan matapelajaran Ugama Islam dan Moral ini akan hanya dipelajari dan diperiksa dan memenuhi ruangan bawah certificatenya tanpa mempunyai apa-apa nilainya. Selain daripada matapelajaran Ugama Islam dan Moral diberi taraf menentukan kelulusan seseorang penuntut itu, juga diberi satu nilai yang sewajarnya bagi menentukan kejayaan untuk mendapatkan pekerjaan atau sebarang latihan pekerjaan yang merupakan ukuran yang paling baik bagi menentukan kebaikan jiwa dan ketinggian budi pekerti seseorang itu kerana ilmu pengetahuan sahaja tanpa nilai-nilai ugama dan juga budi pekerti yang

baik akan menjadikan satu masalah yang lain akan timbul kepada seseorang pelajar atau seseorang rakyat itu. Misalnya mereka akan terjerumus ke dalam penghisapan dadah, bersifat kurang ajar atau sebagainya yang sudah tentu akan membawa kesan yang buruk kepada tanggungjawab dan pekerjaannya.

Sekiranya tidak mempunyai taraf dan nilai-nilai yang saya sebutkan tadi pelajaran agama dan moral itu akan menjadi sama tarafnya dengan matapelajaran pengajian tempatan atau pengajian tatarakyat, sivik yang di ajar kerana memenuhi masa sahaja. Kadang-kadang ditinggalkan untuk menghabiskan dan menekankan matapelajara lain yang dianggapkan lebih mustahak. Yang paling sedih sekali ialah pelajaran ini diajarkan oleh Guru Besar atau guru-guru gantian yang sibuk dengan tanggungjawab lain dan meringankan matapelajaran tersebut kerana matapelajaran tersebut tidak mustahak dan kadang-kadang telah ditinggalkan. Oleh itu bagi menentukan pelajaran agama dan moral ini diajar dan dipelajari dengan penuh teratur dan tersusun dan benar-benar berkesan ialah diajar oleh guru-guru khas yang telah mendapat kursus atau latihan di dalam mengajar pelajaran tersebut kerana dari segi ilmu dan amalan guru tersebut adalah memenuhi hasrat pelajaran agama dan moral itu. Jika sebarang guru yang mengajarnya bukan sahaja pelajaran itu merupakan pelajaran itu merupakan pelajaran ilmu pengetahuan untuk lulus peperiksaan dan taraf sijil yang baik tetapi menjadi seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan betul, maka tidak akan mendapatkan hasil.

Oleh itu guru-guru yang mempunyai tata-tertib, mempunyai tingkah laku yang baik dan mempunyai pengajaran agama yang baik adalah menjadi sebagai contoh bagi meninggikan moral kanak-kanak itu. Ini banyak berlaku dalam masyarakat kita sekarang ini, kadang-kadang mulut bercakap lain tetapi apa yang dilakukannya atau yang diniatnya adalah lain. Manusia kadang-kadang bercakap fasal Islam, semua Islam, tetapi dari segi sebutan tidak manis kalau tidak penuh hasratnya kalau tidak dimasukkan perkataan Islam dijadikan sebagai lambang atau alat bagi melindungi hasrat sebenar di sebalik perkataan Islam itu. Begitu juga manusia menyebut perpaduan dan parti

berbilang kaum tetapi sebalik sebutan itu mempunyai kelakuan atau amalan yang sebaliknya yang menghancurkan keamanan, keharmonian dan keselamatan rakyat yang dinikmati selama ini agar dapat mereka mengeksploitasikan keadaan itu untuk kepentingan diri dan politik mereka.

Kita tidak mahu anak-anak muda kita diselimuti dengan jubah tetapi di dalam jubah itu penuh dengan kekosongan, ketidak ada pengertian yang sebenarnya dengan apa yang dilakukan dan mempunyai maksud dan cita-cita lain di sebalik selimut jubah itu atau merupai satu ikatan sahaja yang tidak mempunyai pengertian apa-apa selain daripada menunjukkan gambarannya sahaja. Biarlah jubah yang dipakai itu dipenuhi dengan ilmu pengetahuan Islam, amalan dan kebersihan jiwa yang sebenar-benarnya yang tidak terpesong daripada ajaran Allah dan juga dasar-dasar Kerajaan untuk kesempurnaan rakyat di dunia, juga di akhirat agar perbuatan kita tidak akan meracuni fikiran, juga sikap masyarakat seluruhnya dengan apa yang kita lakukan itu, lebih-lebih lagi diperalatkan diri kita dengan fahaman dan ajaran yang sempit yang akan menyempitkan lagi fahaman kita terhadap agama Islam yang maha luas dan juga tidak menyusahkan kepada ummahnya.

Kesimpulannya pelajaran agama Islam dan moral yang di dalam perancangan Kerajaan itu biarlah berkesan, biarlah benar-benar memenuhi dada murid-murid dengan pengetahuan agama dan moral dan seterusnya menjadi amalan murid-murid sendiri bukan kulitnya sahaja tetapi isi dipenuhi dengan ajaran tersebut. Perancangan dan pembentukan kurikulumnya hendaklah memenuhi hasrat moral yang sebenarnya dengan unsur-unsur perpaduan dan kasihan tanahair ini dan juga cintakan kepada Raja serta Perlembagaan kita tidaklah akan melahirkan rakyat yang menyokong perkauman yang selalunya dibawa oleh parti-parti Pembangunan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Oleh itu saya menyokong peruntukan yang di bawah Kementerian Pelajaran ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan rasa bangga dan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama membahaskan Belanjawan Kementerian saya untuk tahun 1980. Pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Sungguhpun begitu, Tuan Pengerusi, izinkan saya memaklumkan di sini ada teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tindakan sewajarnya telahpun diambil oleh Kementerian saya dan jawapan telahpun diberi sepanjang persidangan Dewan ini dan waktu menjawab perbahasan Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dengan demikian saya tidak ingin bercadang untuk mengulas satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, nampaknya masalah kekurangan bangunan sekolah dan juga masalah kekurangan bilik darjah dan lain-lain kemudahan pelajaran telah mendapat perhatian utama oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Julau telah meminta Kementerian saya mengkaji bangunan-bangunan buruk, menambah kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah serta mengesyorkan supaya kerjasama yang lebih erat diadakan di antara Jabatan-jabatan yang berkaitan di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan umpamanya Jabatan Tanah, Jabatan Kerjaraya dan lain-lain.

Suka saya memaklumkan di sini, Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk mengganti bangunan-bangunan buruk dan juga menambah kemudahan-kemudahan sekolah untuk meninggikan lagi mutu pelajaran anak-anak bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Sabah dan di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun usaha ini harus dibuat berperingkat-peringkat kerana kemampuan jentera pelaksanaan yang terhad. Jentera pelaksanaan ini meliputi agensi selain dari Kementerian Pelajaran sendiri dan pada masa ini kerjasama yang erat sedia wujud antara Jabatan-jabatan tersebut dan saya percaya Kerajaan keseluruhannya sedang memperbaiki lagi kedudukan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah mencadangkan supaya Kerajaan mencantumkan sekolah-sekolah yang kecil, menambah kemudahan-kemudahan yang diperlukan di sekolah-sekolah seperti perabut dan sebagainya. Beliau juga telah meminta supaya Kementerian saya mempercepatkan lagi bekalan perabut ke sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini usaha-usaha sememangnya ditumpukan kepada memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah termasuklah kerja-kerja membekal alat-alat perabut. Sungguhpun demikian, Kementerian saya menghadapi masalah kekurangan pembekal-pembekal tempatan dan dengan demikian kadangkala berlaku juga kelewatan ini dari masa ke semasa dikesan oleh Kementerian saya dan tindakan memperbaikinya diambil.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya Kementerian saya mencantumkan sekolah-sekolah kecil, perkara ini memang telah dijalankan oleh Kementerian di mana yang difikirkan sesuai. Sungguhpun demikian sebelum sekolah-sekolah ini dicantumkan, masalah-masalah berkaitan seperti pentadbiran sekolah, mengadakan kemudahan-kemudahan, masalah guru-guru dan sebagainya hendaklah diselesaikan terlebih dahulu—dengan lain perkataan perkara ini perlu dikaji sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar meminta supaya memperbanyakkan lagi rumah-rumah guru dan asrama. Perkara ini juga disentuh oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi.

Tuan Pengerusi, bilangan asrama-asrama dan rumah-rumah guru adalah diperbanyakkan tetapi untuk sekolah-sekolah rendah Kementerian saya membina asrama di tempat-tempat yang benar-benar terpencil. Pada masa ini tiga pilot projek telahpun dijalankan di Trengganu. Seberapa yang boleh sekolah-sekolah dibina dekat dengan tempat tinggal murid-murid terutama sekali sekolah-sekolah rendah. Murid-murid sekolah rendah adalah terlalu kecil untuk dibiarkan tinggal di asrama. Ini akan menimbulkan masalah sosial dan lain-lain juga.

Masalah kekurangan guru-guru terlatih telah juga mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari

Kuala Lumpur Bandar telah meminta supaya Kerajaan memberi latihan kepada guru-guru sementara yang berkhidmat sekarang. Sukalah saya memaklumkan di sini Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa kursus perguruan dalam masa cuti yang dijalankan sekarang adalah kurang memuaskan dari segi masa dan juga dari segi pentadbiran. Mulai tahun 1980 pengambilan guru-guru sementara untuk latihan masa cuti tidak akan diteruskan. Ini termasuk juga guru-guru sementara di SRJKC. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran akan menambah bilangan guru-guru pelatih untuk SRJKC di maktab-maktab perguruan mulai tahun 1980. Ini termasuklah guru-guru sementara yang sedang berkhidmat dan berkelayakan untuk diberi latihan sepenuh masa di maktab-maktab perguruan.

Masalah murid-murid tidak boleh membaca juga dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah meminta Jawatankuasa Kabinet mengkaji semula beban pelajaran di Sekolah-sekolah rendah serta memperluaskan penggunaan kaedah Terus Membaca. Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu, sukalah saya maklumkan Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran baru sahaja menyiapkan laporan yang telah memberi perhatian yang berat ke atas masalah bebanan pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan telahpun mencadangkan agar penekanan yang lebih diberi kepada penguakuan kemahiran asas the 3R iaitu Membaca, Menulis dan Mengira.

Selain dari itu, Kementerian Pelajaran melalui Pusat Perkembangan kurikulum telahpun menjalankan satu kajian peringkat Kebangsaan untuk mengetahui ramainya murid-murid di sekolah-sekolah rendah yang tidak boleh membaca. Jawapan dari kajian ini akan digunakan untuk merancang langkah-langkah pemulihan yang sewajarnya.

Mengenai kaedah "Terus Membaca"—bukan "Mari Membaca", kaedah ini sedang diteliti dan dicubakan di beberapa sekolah rendah untuk mengkaji setakat mana kaedah ini dapat membantu mengatasi masalah tidak boleh membaca itu.

Mengenai sistem peperiksaan hujung tahun yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang dikatakan condong

kepada sistem British dan mencadangkan supaya ditukarkan kepada Sistem Peperiksaan Penggal.

Inginlah saya menerangkan di Dewan yang mulia ini bahawa peperiksaan tiap-tiap penggal itu diambil kira bukan dari segi markahnya tetapi adalah untuk memberi peluang kepada guru-guru dan murid-murid sendiri menilai pencapaian mereka tiap-tiap penggal.

Dari segi pengelolaan peperiksaan jika diadakan peperiksaan tiap-tiap penggal dengan secara formal seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu, ini akan memberatkan dan mungkin mengambil masa yang panjang. Oleh sebab itu peperiksaan penggal dibuat dengan secara kurang formal untuk penilaian. Kementerian Pelajaran sekarang ini mengawal kedua-dua jenis peperiksaan dan difikirkan bahawa sistem sekarang adalah lebih praktikal.

Mengenai kadar murid-murid dan guru-guru di sekolah, Yang Berhormat dari Tumpat telah mengesyorkan supaya ianya dikaji semula. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar murid-murid dan guru-guru adalah dalam proses perubahan. Sebagai pemulihan perubahan boleh dibuat dengan menambah kadar di sekolah-sekolah rendah di mana guru-guru besar tidak lagi dikira di dalam establishment itu. Perkara kadar guru-guru dan murid-murid ini memangnya di dalam kajian yang aktif oleh Kementerian saya. Kementerian sedar tentang masalah yang dihadapi apabila bilangan murid-murid di dalam satu-satu daerah itu terlampau ramai. Sebaliknya pula usaha-usaha bagi mengurangkan bilangan murid-murid di dalam kelas akan memerlukan bilangan guru dan bilik-bilik darjah yang lebih. Tambahan guru-guru dan bilik-bilik darjah tidaklah dapat diadakan dengan sekelip mata malahan akan mengambil masa bertahun-tahun. Oleh yang demikian, langkah mengurangkan bilangan murid dalam kelas akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut kemudahan bilik darjah yang dapat diadakan juga bilangan guru-guru yang dapat dilatih pada tiap-tiap tahun.

Masalah pelajar-pelajar di seberang laut juga telah dibangkitkan terutama berkaitan dengan kekurangan maklumat yang cukup mengenai perkembangan-perkembangan di dalam negeri kita. Dari segi Kementerian

Pelajaran sukalah saya menjelaskan di sini dari semasa ke semasa Kementerian Pelajaran ada menghantar suratkhbar dari Malaysia dan diletakkan di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri dan juga Pusat-pusat Penuntut, terpulanglah kepada pelajar-pelajar berkenaan membaca akhbar-akhbar tersebut untuk mengetahui perkembangan-perkembangan sebenarnya yang berlaku di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah meminta supaya Kerajaan memastikan faedah yang lebih diperolehi dari bantuan buku teks. Beliau mencadangkan supaya syarat-syarat untuk mendapat bantuan dilonggarkan dan dengan itu lebih ramai murid akan dapat bantuan. Sebenarnya kriteria bagi mendapatkan bantuan buku teks bergantung kepada pendapatan ibubapa iaitu dihadkan kepada pendapatan ibubapa sebanyak \$500 ke bawah. Kerajaan telahpun mengkaji semula beberapa segi bantuan skim pinjaman ini dalam mesyuarat Kabinetnya pada awal tahun 1978 yang lalu. Salah satu perkara yang dikaji ialah kriteria \$500 itu dan nampaknya Kerajaan berpuas hati bahawa kriteria yang sedia ada sekarang adalah bersesuaian. Ini adalah disebabkan dengan kriteria ini semua murid dalam keluarga yang kurang mampu dapat diberi bantuan. Hal ini jelas dari peratus yang mendapat bantuan ialah 80% dari semua murid-murid yang bersekolah.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah membangkitkan Butiran 1100 mengenai Pelajaran Rendah dan Menengah di mana beliau mengatakan peruntukan yang dipohon untuk tahun 1980 adalah kurang sebanyak \$6,612,300 manakala bilangan jawatan bagi tahun 1980 bertambah sebanyak 5,651 orang. Di sini inginlah saya memberi penjelasan sebab-sebab mengapa perkara tersebut boleh berlaku:

Kebanyakan jawatan-jawatan tambahan yang ditunjukkan di bawah program ini bagi tahun 1980 adalah jawatan-jawatan guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu gaji guru-guru adalah dibayar di bawah Butiran 4100 di mana tambahan peruntukan bagi tahun 1980 adalah seperti berikut:

(a) Sekolah Rendah ...	\$31,889,120
Sekolah Menengah ...	\$50,782,145

(b) Bagi tahun 1980 peruntukan gaji untuk Sabah dan Sarawak di bawah Butiran 1100 adalah kurang daripada peruntukan 1979 kerana peruntukan 1979 termasuk peruntukan untuk bayaran tunggakan gaji.

Mengenai jawatan Guru Besar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, sukalah saya membuat penjelasan di sini, fahaman penurunan pangkat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah benar berlaku dari segi perjawatan kerana jika seorang Guru Besar Sekolah Rendah Gred C yang gred jawatannya C2 Tingkatan Khas ditukarkan untuk mengisi jawatan Penolong Kanan Sekolah Rendah Gred A yang taraf jawatannya adalah sama iaitu C2 Tingkatan Khas. Maka ini bukanlah menyebabkan seseorang itu diturunkan pangkat walaupun dari segi pandangan mata umum dia telah tidak lagi menyandang jawatan sebagai Guru Besar.

Tuan Pengerusi, saya suka juga memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok iaitu supaya hari Jumaat jangan dijadikan hari peperiksaan. Jadi perkara ini kita akan mengambil perhatian, tetapi walau macam manapun saya sukalah memaklumkan kepada Dewan ini iaitu untuk peperiksaan SRP barangkali cuma tak sampai seminggu, kita boleh mengelakkan keadaan seperti itu, tetapi untuk peperiksaan seperti SPM/MCE dan juga STP/HSC seluruh hari-hari peperiksaan itu lebih kurang sebulan, jadi tentulah tidak dapat dielakkan diadakan pada hari Jumaat. Walau macam manapun perkara ini kita akan ambil perhatian dan kita berharap masa akan datang kita akan dapat mengelakkan supaya hari Jumaat tidak dijadikan satu hari untuk peperiksaan.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson juga menyentuh perkara mengenai masa untuk memberi murid-murid di dalam Sekolah Rendah Kebangsaan dan juga Sekolah Menengah supaya mereka boleh mendapat peluang mempelajari bahasa ibunda mereka masing-masing. Perkara ini saya sukalah maklumkan kepada Dewan ini iaitu Kementerian Pelajaran khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum sekarang masih menggubal bukan sahaja mengkaji masa untuk mempelajari bahasa ibunda dan juga

perkara-perkara lain seperti kaedah mengajar, bahan-bahan mengajar dan sebagainya dan juga tentulah soal masapun boleh dikatakan dalam kajian mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga Ahli-ahli yang lain daripada DAP ada sentuh beberapa perkara berkenaan dengan penuntut seberang laut dan juga soal-soal lain. Dan satu hal yang sedih sedikit mereka tidak masuk Dewan untuk mendengar apa yang saya hendak jelaskan. Ini barangkali menjadi satu corak yang biasa untuk mereka.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penuntut di seberang laut yang mana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu ada lebih kurang 55,000 orang dan juga beliau bimbang oleh kerana kenaikan yuran di United Kingdom, Australia dan New Zealand barangkali mereka tidak akan mampu melanjutkan pelajaran mereka. Saya suka memaklumkan kepada Dewan ini iaitu Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga dalam Persidangan Dewan ini telahpun menjelaskan perkara ini dan juga selain daripada itu Kementerian Pelajaran menyediakan peruntukan untuk membantu mereka sebanyak \$300,000 untuk United Kingdom dan juga berkenaan dengan Australia dan New Zealand baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telahpun membuat lawatan kepada kedua buah negara itu dan sudahpun berunding dengan Menteri Pelajaran masing-masing dan juga pegawai-pegawainya dan saya sukalah memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu bolehlah bersabar sedikit; bila Yang Berhormat Menteri balik, tentulah ada khabar baik untuk kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga menyentuh berkenaan universiti-universiti dan juga kolej-kolej di dalam negara ini dapat menambah penuntut-penuntut dan menyeru supaya kita menambah lebih kolej-kolej dan universiti-universiti. Ahli Yang Berhormat ini barangkali selalu tidak ada dalam Dewan, oleh itu beliau pun tidak tahu apa yang telah diberitahu kepada Dewan ini iaitu saya sendiri telah beberapa kali dalam soal jawab dan juga dalam menggulung perbincangan Ucapan Belanjawan ini telah mengatakan Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Keempat akan menambah 5 buah politeknik dan lebih kurang 30

buah sekolah menengah vokasional. Juga ada kemungkinan kita akan menambah sebuah universiti untuk negara kita. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada mengambil perhatian berkenaan dengan pelajaran tinggi di dalam negara kita, tentulah beliau tahu berkenaan dengan perkara ini dan boleh jadi tidak hendak menyentuhnya dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah ada menyentuh dua tiga perkara yang saya ingin memberi sedikit penjelasan. Berkaitan dengan pengambilan tanah untuk bangunan sekolah, bagi pihak Kementerian kita tentulah menghargai jikalau ketiga-tiga pihak iaitu Kementerian Pelajaran, tuannya tanah dan Jabatan-jabatan Negeri dapat berbincang supaya masa pengambilan tanah Jabatan Tanah juga ada bersama di dalam pengambilan tanah ini. Kalau dapat ketiga-tiga pihak ini bekerjasama dan dapat lebih memahami pengambilan tanah ini untuk kegunaan dan faedah umum dan kalau dapat mengadakan perbincangan ini tentulah tidak akan menimbulkan masalah pengambilan tanah untuk bangunan sekolah. Kementerian Pelajaran memang sentiasa menghargai persefahaman semacam ini supaya projek-projek kita khasnya untuk pembangunan sekolah tidak tergendala di dalam proses membangunkan sekolah di negara kita ini.

Mengenai rumah guru, tadipun saya telah jawab sedikit tetapi walau bagaimanapun, kalau rumah-rumah guru dapat ditambah di tiap-tiap sekolah, tentulah ini menjadi lebih sempurna. Tetapi ada juga kadangkala bila kita mendirikan rumah-rumah guru di kawasan luar bandar tetapi menjadi "white elephant" oleh kerana guru-guru itu tidak suka duduk di dalam rumah guru itu. Kita berharap lebih banyak lagi rumah guru dapat didirikan dan kita berharap juga guru-guru yang dapat peluang ditempatkan di rumah-rumah guru itu mereka mesti pindah ke rumah guru itu.

Mengenai sekolah asrama, Yang Berhormat itu juga membuat rayuan supaya kita dapat mendirikan banyak asrama-asrama khasnya untuk sekolah-sekolah menengah biasa sekarang. Sungguhpun kita mengadakan kemudahan seumpama ini kepada semua sekolah-sekolah menengah khasnya sekolah-sekolah menengah biasa di luar bandar sekarang, tetapi oleh kerana peruntukan adalah satu hal kita mesti timbangkan, dan jika

kedudukan kewangan mengizinkan dan jika ada keperluan tempatan kita tentu memberikan perhatian kepada perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan corak Sekolah Jenis Kebangsaan yang mana dikatakan di masa akan datang sekolah-sekolah macam ini akan dapat dikekalkan menjadi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan juga bahasa pengantarnya digunakan bahasa Cina dan juga bahasa Tamil. Berkenaan dengan kedudukan ini saya telah menjelas beberapa kali di dalam Dewan ini iaitu kedudukan characteristic atau corak SRJKC dan SRJKT kedudukannya jelas di dalam Akta Pelajaran kita. Juga saya yakin bila Laporan Kabinet akan dikeluarkan kedudukan ini akan lebih jelas lagi. Jadi Yang Berhormat itu jangan bimbang atas perkara ini dan saya harap juga perkara ini tidak akan disentuh lagi di masa akan datang.

Mengenai formula yang kita telah capai dengan pemimpin-pemimpin UMNO, perkara ini tentulah Yang Berhormat itu katakana adalah satu formula kosong dan tidak dapat dipakai. Barangkali ini adalah pandangan daripada DAP. Bagi pihak kita, kita pun boleh tegaskan di sini satu formula yang telah dibincangkan dan satu formula daripada semangat Barisan Nasional kita telah capai formula ini. Formula ini bukanlah satu formula kosong seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu tetapi kita boleh tahu perkara ini bila kita ikuti dari setahun ke setahun universiti-universiti tempatan kita akan dapat berkembang dan kita tentulah tidak menghampakan ibubapa penuntut-penuntut yang bukan bumiputra.

Setakat inilah saya dapat jelas perkara ini dan barangkali DAP tidak payah bimbang dengan perkara ini oleh kerana macam mana kita buat baik pun mereka tentu tidak mengatakan baik kepada kita. Semenjak saya masuk ke Dewan ini sehingga sekarang, saya dapat tahu tidak satu kali bila kita membahaskan soal pelajaran dalam Dewan ini, sungguhpun beberapa perkara yang telah diselesai dan juga berapa ratus juta ringgit telah dibe anjakan untuk pembangunan sekolah, universiti dan sebagainya, tidak ada satu perkataan mengatakan Kerajaan telah buat baik. Tidak, cuma menuduh, cuma mendakwa, cuma menghapuskan khasnya MCA. Inilah sikap mereka, inilah corak mereka. Saya sangat sedih oleh kerana apa

yang kita buat untuk semua jenis sekolah tetapi tidak dapat dihargai dan cuma menyentuh isu-isu yang boleh menyinggung perasaan pihak-pihak tertentu. Inilah yang mereka selalu buat dan inilah satu tektik dikatakan kehidupan di dalam arena politik. Itulah corak mereka.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh berkenaan dengan guru-guru sementara. Bagaimana kita mesti buat satu langkah supaya mereka boleh dijadikan tetap dalam jawatan mereka. Ahli Yang Berhormat itu sendiri tahu sebagai bekas guru beliau sendiri faham perkataan "sementara" itu, bermakna sementara, macam mana boleh dijadikan tetap? Jadi inipun saya ingat adalah satu sebutan yang "childish" disebutkan di dalam Dewan ini. Sekurang-kurangnya bagi pihak saya sendiri saya telah cuba sedaya upaya supaya guru-guru sementara ini mendapat peluang memasuki kursus latihan dan juga memberikan peluang kepada mereka dari setahun ke setahun dapat membaharui perjanjian untuk mereka melanjutkan pengajaran mereka. Ini saya sudah buat semenjak saya masuk ke Kementerian Pelajaran semenjak tahun 1974 sampai hari ini. Ini saya rasa tidak bimbangkan parti DAP untuk mengeluarkan air mata sebagai buaya atau mengeluarkan "crocodile tears" untuk mereka.

Satu hal berkenaan dengan kursus latihan untuk guru-guru atau pelatih-pelatih yang akan mengajar dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang mana dikatakan mereka mestilah dapat melatih di dalam bahasa Cina. Ini saya ingat barangkali Yang Berhormat itu sendiri pun sebagai bekas guru dia tentu tahu. Dalam teori pelajaran, bahasa tentulah tidak menjadikan satu halangan yang besar jikalau guru itu dapat menginsafi atau dapat menerima dengan kaedah mengajar dan sebagainya. Jadi untuk menyampaikan teori itu atau menyampaikan apa yang diterima dalam latihan itu tentulah senang boleh disampaikan; lebih-lebih lagi pada masa ini kita berkehendakkan juga guru-guru yang berwarna-warni. Ini bermakna mereka bukan sahaja boleh mengajar dalam satu bahasa, tetapi jikalau dikehendaki mereka pun boleh mengajar dalam bahasa yang lain. Oleh sebab itu di dalam kursus latihan guru, kita membuat syarat seperti ini supaya guru ini boleh dikatakan guru yang keseluruhannya boleh mengajar dalam bahasa ibunda itu sendiri dan juga boleh mengajar dalam Bahasa

Malaysia. Kita fikir juga cara melatih guru ini tentulah baik dan ini sedikit sebanyak akan dapat menolong meninggikan pengajaran Bahasa Malaysia di dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Mengenai soal naik pangkat dan juga soal penggredan semula sekolah-sekolah, saya sukalah menjelaskan di sini iaitu memang tidak dapat dinafikan bahawa penggredan semula sekolah-sekolah pada kali ini ialah satu exercise yang sangat baik dan juga yang sangat dihargai oleh guru-guru dan juga di samping itu kita dapat juga mencapai satu tujuan yang besar iaitu kita akan dapat meninggikan lagi pentadbiran di dalam sekolah-sekolah kita. Dan juga oleh kerana dapat menggredkan sekolah-sekolah dan ini pun satu desakan juga daripada kesatuan guru-guru dan juga pihak Kementerian pun tahu oleh kerana banyak sekolah-sekolah dijadikan sekolah besar di dalam 7 tahun ini semenjak tahun 1972. Dengan ini kita sediakan dan juga oleh kerana melalui projek menyediakan sekolah ini menimbulkan kekosongan-kekosongan yang mana kita boleh mengisikan. Tetapi satu hal kita mesti berikan kebanggaan oleh kerana melalui exercise ini kita dapat memberikan peluang kepada guru-guru lebih kurang 2,511 orang yang mana daripadanya 1,897 orang yang bukan guru siswazah dan juga seramai 614 guru-guru siswazah dapat peluang kenaikan pangkat.

Ini bermakna guru-guru ini sudah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan mereka juga dapat peluang untuk kenaikan pangkat dijadikan Penolong Kanan atau Guru-guru Besar supaya dapat menolong kita mentadbirkan sekolah dengan lebih baik lagi. Inilah tujuan yang sebenarnya. Oleh kerana dalam exercise ini akan meliputi 1,250 buah sekolah yang mana 650 daripada sekolah rendah dan juga 600 daripada sekolah menengah, jadi dengan pertukaran dan sebagainya tentulah akan menimbulkan perkara-perkara kesusahan dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun perkara-perkara ini tentulah kita akan atasi dan ini juga telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri jikalau ada rayuan yang dibuat tentulah kita akan menimbang dengan sewajarnya dan juga kalau ada rayuan itu yang menasabah tentulah kita akan memberikan pertimbangan.

Saya suka juga menjelaskan di sini barangkali ada Ahli-ahli Yang Berhormat masih bimbang mengatakan ada perkara-perkara

yang berkenaan dengan naik pangkat guru-guru itu apa sebab seorang guru yang telah lama berkhidmat dan lain-lain pun baik tidak dinaikkan pangkat. Saya suka jelaskan sekali lagi dalam Dewan ini iaitu untuk proses pemilihan guru-guru untuk kenaikan pangkat kita ada mengikut lima garis panduan, iaitu:

- (1) Kecekapan menjalankan tugas-tugas rasmi harian;
- (2) Sifat-sifat peribadi seperti keutuhan (integrity), amanah, jujur, bertanggungjawab dan bijaksana;
- (3) Kelakuan yang baik dan dipuji termasuklah cara perhubungan awam dan kepimpinannya;
- (4) Kelulusan-kelulusan akademik dan ikhtisas;
- (5) Pengalaman dan pengetahuan kerja yang sesuai dengan jawatan termasuklah kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dihadapi.

Guru-guru yang tidak dapat peluang naik pangkat barangkali dalam kelima-lima perkara ini mereka tidak sesuai atau apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi barangkali ada berkenaan dengan perkara itu.

Walau bagaimanapun saya boleh katakan di sini iaitu daripada tiap-tiap Jabatan Pelajaran Negeri dan juga yang mana kita mendapatkan perakuan-perakuan dan laporan-laporan sulit daripada Jabatan Pelajaran Negeri iaitu kita boleh dikatakan selalu adil dan juga selalu mengikut keadaan-keadaan yang sebenar di dalam negeri yang mana guru-guru ada mendapat kenaikan pangkat itu.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato Chan Siang Sun: Sedikit sahaja. Satu lagi berkenaan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang bercakap panjang lebar berkenaan dengan pelajaran agama dan moral. Ini kita ambil perhatian dan tentulah kita akan kaji perkara-perkara ini apabila kita menggubal-kan sukatan berkenaan dengan pelajaran agama di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, setakat inilah sahaja yang dapat saya berikan penjelasan dan juga menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di sini saya sukalah sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan juga di atas puji-pujian kadangkala kepada Kementerian saya dan juga kepada Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri, dan ini tentulah akan memberi galakan dan inspirasi kepada kita untuk menguatkan lagi dalam tugas-tugas kita dan kita berharap dengan persefahaman dan kerjasama khasnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat kawasan masing-masing tentulah kita akan mengukuhkan lagi Sistem Pelajaran kita dan juga kita akan melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita dengan lebih sempurna dan lebih baik lagi, dan di sini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan insya Allah kita akan berjaya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,053,015,000 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$521,662,220 untuk Maksud P.29 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya untuk Maksud B. 30 dan P. 30.

Maksud B. 30 (Jadual)—

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya memohon izin untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1980 sebanyak \$71,846,000 yang terdiri daripada Belanja Mengurus B. 30 sebanyak \$68,558,000 dan di bawah Peruntukan Pembangunan P. 30 sebanyak \$3,288,000 untuk pertimbangan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Ini merupakan tambahan sebanyak 8.88% berbanding dengan peruntukan tahun 1979.

Tambahan Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini untuk tahun 1980 merupakan tambahan sebanyak \$9,830,000 ataupun 16.7% untuk Anggaran Belanja Mengurus.

Sebaliknya, peruntukan dipohon untuk anggaran pembangunan adalah kurang sebanyak 61.54% daripada peruntukan sebenar untuk tahun 1979. Walau bagaimanapun saya suka menerangkan bahawa kegiatan-kegiatan pembangunan untuk Kementerian Luar Negeri telah ditambah dari peruntukan asal sebanyak \$21,800,000 untuk Rancangan Malaysia Ketiga kepada \$54,138,603 selepas pengajian semula Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, kita sekarang hampir ke titik penamat dekad 70an dan beberapa hari lagi kita akan melangkah masuk ke dekad 80an. Nampaknya dekad 80an yang akan kita hadapi ini penuh dengan cabaran-cabaran yang baru, yang bertambah dan yang semakin tenat, baik dari sudut perkembangan pergolakan politik dan ekonomi serantau maupun dari dunia amnya. Kita mestilah bersiap sedia menghadapi cabaran-cabaran ini demi survival negara kita. Menjelangnya dekad yang ke 80an ini juga adalah berkebetulan dengan tamatnya jangka masa bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Beralaskan dengan suasana ekonomi antarabangsa yang malap, maka cabaran yang akan dihadapi oleh negara kita itu dijangka akan bertambah berat lagi.

Sepertimana juga yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada dua prioriti utama dasar luar yang memang menjadi perhitungan utama dasar luar Kementerian mana-mana negara jua. Prioriti pertama dasar luar ialah memperjuangkan kedaulatan, keutuhan wilayah dan kemerdekaan negara kita atau dengan ringkasnya, memperjuangkan keselamatan negara. Dan yang kedua ialah memperjuangkan pembangunan sosio-ekonomi negara. Untuk mencapai objektif prioriti-prioriti utama ini, Wisma Putra telah memainkan peranan yang penting bagi menilai perkembangan politik dan ekonomi serantau serta di seluruh dunia di samping membantu kerajaan merumus, merancang dan membentuk satu dasar luar negeri yang positif dan dinamis. Demikian juga dekad yang ke 80an ini dijangka akan menyuakan kita dengan masalah-masalah yang memerlukan supaya kita bertambah waspada dan mampu menangkis cabaran-cabaran yang menggugat kestabilan negara. Suasana politik dan ekonomi antarabangsa yang sentiasa bertukar corak, memaksakan supaya dasar luar kita tidak statis tetapi dinamis. Sebuah

negara yang kecil seperti Malaysia terpaksa mengamalkan diplomasi yang dinamis yang berpandangan jauh dan cekap demi survival-nya.

Tuan Pengerusi, cabaran pergolakan politik serta ekonomi antarabangsa yang sentiasa menduga dasar luar kita itu amat dekat dan jelas sekali jika dipandang perkembangan-perkembangan politik serantau sekarang. Sel pas lebih tiga puluh tahun peperangan berlanjutan, negara-negara Indo-China sekali lagi mengalami peperangan dan menjadi gelanggang rebutan kuasa sama sendiri dan di antara kuasa-kuasa luar. Akibatnya, sekali lagi keamanan dan kestabilan seluruh rantau Tenggara Asia tergoncang. Akan tetapi pergolakan politik serantau yang membimbangkan ini bukanlah pergolakan baru sama sekali kerana ini adalah lanjutan dari perkembangan-perkembangan lama yang sudahpun kita tempuhi. Oleh itu, sungguhpun pergolakan serantau sekarang ini menjadi cabaran yang "immediate" kepada kita dalam tahun-tahun 80an akan datang, kita akan menghadapinya dengan pengalaman lama yang sudah tersedia dan oleh itu juga dengan kedudukan yang lebih confident.

Berlandaskan pengalaman dan penilaian yang matang itulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, maka sejak awal dekad 70an kita telah menyarankan supaya Tenggara Asia diadikasikan suatu Wilayah Aman, Bebas dan Berkecuali ringkasnya "ZOPFAN" iaitu dengan ringkasnya juga supaya bebas dan dicekualikan daripada pergolakan serta rebutan antara kuasa-kuasa yang rakus. Waktu ia dicadangkan, ZOPFAN telah menimbulkan kemusykilan ramai. Akan tetapi sekarang apabila keamanan dan kestabilan Tenggara Asia sekali lagi terancam, matlamat ZOPFAN dengan sendirinya mengesahkan dan memperkuatkan kebenaran perjuangan kita pada awal tahun 70an itu.

Hubungan Malaysia dengan negara-negara Asia Tenggara yang menganggotai ASEAN adalah baik dan erat, dan rapat bekerjasama. Ini dibuktikan lagi apabila meletusnya persengketaan bersenjata di Indo-China. Ia menjadi faktor pendorong bagi negara-negara ASEAN untuk sentiasa berusaha mencapai persefahaman dalam hal-hal politik dan ekonomi yang mengancam rantau kita ini.

Dengan negara-negara Asia Tenggara yang bukan anggota ASEAN iaitu negara-negara sosialis/komunis Indo-China, hubungan kita adalah dingin. Bibit-bibit persahabatan dan kerjasama hasil lawatan Perdana Menteri Vietnam pada tahun lalu, terjejas apabila tentera Vietnam terlibat dalam persengketaan di Kampuchea. Penglibatan dari luar ini berlawanan dengan konsep ZOPFAN dan juga berlawanan dengan piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun hubungan dua hala antara negara kita dan Vietnam akan terus kita pupuk demi kepentingan perdamaian serantau. Perselisihan tafsiran tidak bermakna hubungan dua hala mesti dibiarkan dingin. Kemungkin dapat dicapai jalan penyelesaian persengketaan di Indo-China lebih baik jika hubungan dua hala dan amalan diplomasi antara kita dan Vietnam diteruskan.

Tuan Pengerusi, di samping memperjuangkan keamanan dan kestabilan politik serantau, negara-negara ASEAN juga telah bersepakat supaya semua dapat mengejar dan memesatkan pembangunan sosio-ekonomi masing-masing. Dengan adanya pembangunan sosio-ekonomi yang lebih pesat, tiap-tiap negara ASEAN akan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat masing-masing dan dengan itu juga meningkatkan ketabahan nasional masing-masing dan seterusnya ketabahan ASEAN. Dengan peningkatan ketabahan ASEAN keseluruhan bermakna peningkatan kemampuan ASEAN menghadapi apa-apa cabaran luar yang boleh mengancam keamanan dan kestabilan serantau. Sungguhpun jalan mengejar dan menuju ke arah meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi itu bergantung kepada tanggungjawab dan kemampuan masing-masing, negara-negara ASEAN juga telah sedar bahawa matlamat itu juga dapat dicapai secara berdampingan melalui kerjasama ekonomi serantau.

Aktiviti-aktiviti Kementerian Luar ber-sabit dengan ASEAN dijangka akan bertambah lagi pada tahun ini dan pada tahun-tahun 80an melibatkan perbelanjaan yang lebih daripada tahun-tahun yang sudah.

Aktiviti-aktiviti Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia yang bertempat di Kementerian Luar Negeri akan juga bertambah memandangkan Malaysia sekarang ini menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.

Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi ASEAN, yang akan berkemuncak dengan Persidangan Tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN.

Dalam dekad 80an ini, ZOPFAN dan ASEAN akan terus menjadi tumpuan utama matlamat dasar luar kita.

Tuan Pengerusi, peranan dan kegiatan amalan diplomasi kita untuk mencapai objektif-objektif dasar luar demi kepentingan negara kita dalam menghadapi cabaran suasana politik dan ekonomi antarabangsa, memerlukan negara kita mengambil inisiatif-inisiatif serta memupuk hubungan luar di dunia amnya selain daripada mengekatkan hubungan serantau.

Di luar hubungan serantau, tumpuan amalan diplomasi kita melibatkan hubungan Malaysia dengan rantau Asia Barat, Persidangan Pertubuhan Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Kuasa-kuasa Besar, Negara-negara Eropah, Asia Timur, Australiasia dan Selatan Pasifik, Asia Selatan, Komanwel, Afrika dan Amerika Selatan. Tumpuan dan peringkat hubungan kita di luar serantau ini nescayalah bergantung kepada taraf pengaruh dan betapa pentingnya negara-negara atau pertubuhan-pertubuhan tersebut dari segi kaca-mata kepentingan Malaysia sendiri. Seterusnya, hubungan luar bagi negara kita ini berakhir dengan amalan diplomasi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Negara yang kecil suaranya di gelanggang politik antarabangsa seperti Malaysia, memerlukan hubungan luar yang luas dan tali persahabatan yang baik dengan seluruh dunia jika kita mempunyai objektif-objektif untuk masyarakat dunia mengetahui dan memperakui peranan serta kemampuan kita di gelanggang politik antarabangsa. Izinkan saya meninjau dengan ringkas hubungan antarabangsa dan amalan diplomasi kita di luar serantau berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang dipinta diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, perhatian yang istimewa akan terus kita berikan kepada rantau Asia Barat yang penting dari segi geo-politik dan ekonomi. Perkembangan-perkembangan di rantau tersebut seperti pertikaian Arab/Israel boleh menggugat keamanan dan kestabilan. Malaysia menyokong pendirian Arab yang

sah dan adil; lebih-lebih lagi kerana negara kita terdorong kepada kepentingan masa depan Baitul Muqaddis.

Malaysia akan mengambil kesempatan dari hubungan-hubungan yang berteraskan Islam yang sedia ada dengan dunia Arab untuk meneruskan kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak.

Tuan Pengerusi, kita yakin Pertubuhan Persidangan Islam ini akan kekal sebagai satu badan penting dalam menggalakkan semangat bersatu dan kerjasama di antara negara-negara Islam.

Persidangan ke 10 Negara-negara Islam di Fez, Maghribi dalam bulan Mei yang lalu telah mencapai beberapa kemajuan dalam meluaskan rangka kerjasama ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara Islam. Insya Allah, usaha-usaha Pertubuhan Persidangan Islam ini akan memulakan kebangkitan zaman gemilang Islam dan membawa kepada perpaduan Ummah.

Tuan Pengerusi, sikap dan dasar berkecuali kita merupakan satu-satunya asas pokok amalan diplomasi kita dalam hubungan antarabangsa. Kita telah mengambil peranan yang aktif dan membina dalam pergerakan Negara-negara Berkecuali sejak tahun-tahun 60an lagi. Hari ini Malaysia dipandang tinggi kerana sikapnya yang berprinsip lagi realistik atas isu-isu antarabangsa. Selaras dengan dasar luar kita yang dinamis, kita tidak berdiam diri dan membiarkan pergerakan itu dipergunakan oleh negara-negara lain sahaja. Sikap berkecuali tidak bermaksud sikap tidak berpendirian tentang masalah-masalah antarabangsa.

Tuan Pengerusi, hubungan kita dengan semua negara-negara asing berasaskan dasar kerjasama demi kepentingan bersama dan bergantung atas sikap hormat saling menghormati satu sama lain. Itulah juga asas hubungan kita dengan kuasa-kuasa besar dunia yang besar pengaruhnya. Hingga hari ini kita telah berjaya menjalinkan hubungan mesra, bekerjasama dan saling menghormati dengan negara-negara Amerika Syarikat, Soviet Union dan Republik Rakyat China. Peranan kuasa-kuasa besar ini amat penting bagi menjamin keamanan, kestabilan serta kemajuan pembangunan sosio-ekonomi

rantau kita. Oleh itu dalam tahun-tahun ke 80an kita akan terus memupuk lagi hubungan politik yang terjalin ini berasaskan dasar "equidistant" di samping meningkatkan hubungan ekonomi demi kepentingan negara kita sendiri serta kepentingan serantau.

Peringkat tinggi yang diberikan terhadap hubungan kita dengan kuasa-kuasa besar itu tidak bermakna kita merendahkan hubungan kita dengan negara-negara lain.

Di Eropah terdapat negara-negara Pertubuhan Ekonomi Eropah (European Economic Community) yang mana kita mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang erat. Negara-negara EEC secara menyeluruh adalah kongsi perdagangan kedua besarnya. Hubungan kita dengan EEC diteguhkan lagi melalui Dialog ASEAN-EEC yang akan maju setapak lagi dengan perjanjian kerjasama di antara keduanya yang sedang diselenggarakan. Saya yakin akan masa depan yang cemerlang bagi diadakan pakatan erat di antara kedua-dua organisasi.

Hubungan-hubungan persahabatan dan kerjasama yang erat dengan Kanada serta Amerika Syarikat akan terus kita pupuk. Sebagai sebuah kuasa besar, Amerika Syarikat dengan sendirinya mempunyai minat merata dunia dan hubungan kita dengannya adalah berdasarkan kepada prinsip persamaan dan faedah bersama. Amerika Syarikat juga adalah salah sebuah daripada kongsi perdagangan kita yang terbesar dan merupakan sumber kewangan, pelaburan, teknologi dan bimbingan yang penting. Kita akan tetap memandang berat mengenai hubungan kita dengan Amerika Syarikat dan Kanada.

Tuan Pengerusi, keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara serta Utara Timur Asia adalah berkaitan. Dengan itu kita mempunyai minat bagi menjamin keamanan dan kerjasama yang erat dengan negara-negara di kawasan ini. Memang telah pernah dikatakan bahawa kawasan Asia-Pasifik akan menjadi pusat perkembangan dalam tahun-tahun 80an. Banyak sudah negara-negara di kawasan ini mencatatkan kadar perkembangan yang tinggi dan kian membuat kemajuan-kemajuan dalam industri dan teknologi. Jepun bukan sahaja merupakan satu daripada pelabur-pelabur yang terbesar di Malaysia, tetapi juga kongsi perdagangan yang utama bagi negara kita. Korea Selatan sebagaimana yang disaksikan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah

mendahului sebagai sebuah kuasa industri dengan menegaskan kemahiran teknologi yang tinggi. Banyak yang boleh kita pelajari dari pengalaman-pengalaman Korea Selatan.

Tuan Pengerusi, perhubungan di antara Malaysia dengan Australia, New Zealand dan Papua New Guinea sememangnya baik sejak dari dahulu lagi. Dengan pulau-pulau di Selatan Pasifik pula, satu hubungan yang erat telah terjalin, beberapa buah pulau di Selatan Pasifik seperti Kepulauan Solomon dan Fiji telah menghantar perutusan peringkat tinggi ke Malaysia untuk mengkaji beberapa aspek kemajuan kita. Kita telah menyambut baik hubungan ini sebab ini akan membentuk perhubungan yang memberi faedah bersama.

Dengan negara-negara di kawasan Asia Selatan pula, ikatan sejarah dan kebudayaan merupakan asas perhubungan kita dan sejak beberapa tahun ini ianya telah maju dan melibatkan kerjasama yang rapat serta berfaedah. Hubungan perdagangan kita dengan negara-negara di Asia Selatan telah bertambah dan kita telah mengecap faedahnya melalui pengeluaran pelaburan-pelaburan dan teknologi. Perhubungan ini sampai kepada kemuncaknya pada tahun ini dengan lawatan Perdana Menteri ke India dan Pakistan serta lawatan Presiden Bangladesh ke Malaysia.

Perhubungan Malaysia dengan Afrika terjalin melalui keanggotaan yang sama dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Persidangan Islam dan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Negara-negara Afrika merupakan satu kumpulan suara yang penting di forum-foram antarabangsa dan dengan ini terpulunglah kepada kita untuk mengeratkan lagi hubungan kita dengan mereka. Kita akan terus menyokong perjuangan untuk kebebasan dan kemerdekaan bagi negara-negara di Afrika Selatan yang masih lagi dalam pemerintahan penjajah. Pada tahun-tahun yang akan datang, kita berharap agar dapat menambahkan hubungan dua hala bersama Afrika.

Bagi Amerika Latin pula, saya rasa sudah tiba masanya bagi Malaysia menumpukan banyak perhatian pada dunia sebelah sana. Buat masa ini, kita tidak mempunyai perwakilan tetap di Amerika Latin. Saya mesti mengakui bahawa ini adalah tidak memuaskan. Sudah sampai masanya bagi kita berhubung rapat dengan mereka mengadakan hubungan-hubungan langsung. Kementerian

Luar Negeri sedang meneliti soal mengadakan perwakilan diplomatik di Amerika Latin dan saya harap agar dapat dibuat satu keputusan dengan segera mengenyainya.

Tuan Pengerusi, kita tidak harus lupa betapa mustahaknya penyertaan kita di pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa yang lain seperti Bangsa-bangsa Bersatu dan Komanwei. Keanggotaan kita di pertumbuhan-pertumbuhan tersebut membolehkan kita untuk membentangkan dasar-dasar serta pandangan-pandangan perjuangan kita. Pertumbuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah satu tumpuan tempat di mana masalah-masalah dan pertikaian antarabangsa dibentangkan dan ianya menjadi tempat berlindung bagi negara-negara yang kecil seperti Malaysia. Adakah mustahak bagi Malaysia untuk terus membuktikan sokongan kuatnya pada pelbagai aktiviti-aktiviti Bangsa-bangsa Bersatu, agensi-agensi serta badan-badannya.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, dua prioriti utama dasar luar negara mana pun ialah pertama, memperjuangkan kedaulatan, keutuhan wilayah dan kemerdekaan negara; dan kedua, ialah memperjuangkan pembangunan sosio-ekonomi negara. Kementerian Luar Negeri tidak kurang menumpukan kegiatan amalan diplomasi kita dalam bidang ekonomi antarabangsa untuk memperjuangkan prioriti dasar luar kita yang kedua ini. Pemesatan pembangunan sosio-ekonomi negara kita berkait dengan survival kita, sebab kemajuan pembangunan sosio-ekonomi akan meningkatkan ketahanan nasional negara kita. Ketahanan nasional pula bermakna negara kita akan dapat menghadapi apa-apa jua ancaman terhadap survival kita ini.

Dengan sebab itu, dasar luar kita telah mencerminkan hasrat kita untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dalam usaha meningkatkan aktiviti-aktiviti kita di dalam forum-forum antarabangsa. Dengan sebab itu juga Wisma Putra memberi perhatian yang berat kepada pergolakan ekonomi antarabangsa dan menjaga dengan rapi kepentingan-kepentingan ekonomi Malaysia dalam hubungan antarabangsa memandangkan bahawa Malaysia termasuk dalam kumpulan negara-negara yang membangun yang masih bergantung penuh kepada eksport barangan utamanya sebagai punca pendapatan negara. Bahagian Ekonomi di Wisma Putra juga bertindak sebagai penyelarasan di antara agensi-agensi

Kerajaan yang lain untuk menentukan strategi-strategi yang harus diikuti dalam bidang ekonomi dan kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa sejajar dengan dasar ekonomi baru dan dasar luar negeri Malaysia.

Di dalam konteks hubungan dua hala, Kementerian ini telah memberi kerjasama di dalam penyediaan beberapa lawatan rombongan pelaburan ke negara ini dan juga lawatan rombongan pelaburan dan perdagangan Malayasia ke luar negeri.

Memandangkan bahawa soal kerjasama dalam konteks Order Baru Ekonomi Antarabangsa akan terus menjadi soal penting, maka adalah dijangka perundingan rumit akan dihadapi. Kementerian ini akan terus mengambil perhatian di atas soal pentadbiran Dekad Pembangunan Ketiga di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, perkembangan yang berlaku di kalangan Pertubuhan Negara-negara Islam, Kumpulan Negara-negara Berkecuali dan Komanwel di mana Malaysia menjadi ahli.

Tuan Pengerusi, Bahagian Penerangan Luar Negeri di Kementerian ini adalah ditugas untuk membantu menonjolkan imej Malaysia ke negara-negara asing sebagai negara demokratik yang berdaulat sejajar dengan matlamat negara untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum ke arah pencapaian kemajuan dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Selain daripada itu adalah tugas Bahagian ini juga untuk menyebarkan dasar negara untuk memperolehi persahabatan dengan negara-negara yang sukakan perdamaian tidak mengira sistem politik yang dianuti.

Pada akhir-akhir ini Bahagian Penerangan Luar telah diduga dengan adanya isu-isu berbangkit iaitu Pertikaian MAS dan Pendatang Haram Vietnam ke perairan Malaysia di mana Bahagian ini telah melengkapkan diri untuk mengatasi segala salah faham tentang pendirian dan dasar kita.

Adalah tugas Bahagian ini juga membantu inisiatif dan tujuan dasar luar Malaysia yang dinamis mengikut kepentingan negara dari masa ke semasa, dan mempamerkan Malaysia kepada mata dunia tentang keupayaannya untuk mencapai kejayaan pembangunan negara dan memastikan bahawa negara kita stabil untuk penanaman modal bagi pemodal luar dan peniaga.

Bahagian ini akan mempergiatkan lagi usaha-usahanya dalam bidang pengeluaran majalah-majalah, penerbitan dan bahan-bahan lain untuk sebaran di luar negeri. Tambahan sebanyak 35% adalah dijangka memandang kepada tugas-tugas yang dijadualkan pada tahun hadapan.

Bahagian Protokol Wisma Putra dengan kerjasama pihak-pihak lain telah mengendalikan sebanyak 25 lawatan orang-orang kenamaan ke negara ini. Bahagian ini juga menguruskan penyampaian Surat Tauliah sebanyak 15 orang Duta Besar baru negara asing kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya bertugas untuk mengelola dan mengawas hak-hak istimewa untuk Perwakilan-wakil di Malaysia.

Bahagian Protokol merupakan salah satu ukuran penting di kaca mata Perwakilan-perwakilan Asing di Malaysia dan seterusnya Negara-negara Asing untuk menilai kecekapan kerajaan sesebuah negara. Bahagian ini akan terus menjaga "imej" tersebut dan menambahkan lagi usahanya untuk meningkatkan mutu tugasnya pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, akhir kata, bagi negara kecil seperti Malaysia, dasar luar merupakan bukan sahaja satu tindakan untuk menonjolkan imej atau maruah negara. Ia adalah merupakan pertahanan utama dalam dunia yang sedang bergolak ini. Ianya adalah umpama payung yang melindungi kita dari tekanan luar bagi membolehkan kita membina kemakmuran serta keselamatan dalam negeri. Kejayaan dasar luar negeri mengurangkan tekanan-tekanan luar terhadap keselamatan dan kemakmuran negara kita. Ukuran kejayaan dasar luar Malaysia bergantung pada kemampuan kita menghadapi cabaran perubahan suasana politik dan ekonomi serantau dan di dunia amnya.

Dalam merancang dan menyelaras dasar luar Malaysia, peranan yang dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri adalah begitu penting. Sebagai alat pilihan bagi mengelolakan dasar luar, ianya sendiri perlu barulah mengikut situasi-situasi baru serta mengikut keadaan-keadaan di mana dan bila ia timbul. Dalam had kemampuannya, ia telah melaksanakan tugas-tugas yang diberi dengan sempurna. Sejak dua-puluh tahun kebelakangan selepas merdeka, ia telah berjaya

dalam memelihara dan meninggikan kepentingan-kepentingan negara Malaysia pada satu tahap sehingga Malaysia diberi tempat terhormat di kalangan dunia antarabangsa. Kejayaan yang terbukti ini, tidak mengkaburkan kita untuk berpuas hati. Dalam tahun-tahun yang akan datang, Wisma Putra akan terus mengubahsuaikan terhadap kehendak-kehendak perubahan untuk menjamin tujuan-tujuan dasar luar Malaysia, memelihara dan menjaga kepentingan nasional dalam pergolakan antarabangsa.

Tuan Pengerusi, dengan hormatnya saya mohon izin Dewan yang mulia ini meluluskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Luar Negeri sebanyak \$71,846,000 bagi tahun 1980 yang terdiri sebanyak \$68,558,000 di bawah Maksud B. 30 Belanja Mengurus dan sebanyak \$3,288,000 di bawah Maksud P. 30 Belanja Pembangunan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan untuk Maksud Bekalan B. 30 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P. 30 di bawah Kementerian Luar Negeri sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.08 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk memberikan satu dua pandangan khasnya berhubung dengan peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Luar Negeri.

Sebelum saya menyentuh atas satu-satu yang dicatatkan di dalam Anggaran Belanjawan ini, saya ingin pertamanya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah berjaya memaparkan imej negara ini di luar negeri terutama dalam menonjolkan sikap kita yang tegas dan berani di dalam menghadapi perkara-perkara yang berlaku bukan sahaja di sekitar rantau ASEAN bahkan perkara-perkara yang lain yang berlaku di dalam dunia. Ini adalah tidak lain dan tidak bukan oleh sebab dasar kita yang begitu liberal dan begitu flexible yang dapat menyesuaikan kedudukan ini dengan keadaan-keadaan yang sebenarnya berlaku di sekeliling kita.

Tuan Pengerusi, saya hanya ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh di sini iaitu pertamanya berhubung dengan Bekalan

B. 30 dalam Butiran 1100 berkenaan dengan Gaji dan Upahan di dalam Aktiviti (3) Penerangan Luar Negeri. Sebagaimana yang dimaklumkan kepada kita bahagian ini adalah satu bahagian yang boleh dikatakan bahagian terpenting di dalam Kementerian ini khasnya tentang peranan yang boleh dimainkan oleh bahagian ini untuk memberikan gambaran dan imej yang sebenarnya tentang dasar dan perkara yang diamalkan oleh negara kita dan Kerajaan kita pada hari ini. Satu aspek yang maha penting, dalam perkara ini ialah tentang apa yang boleh dilakukan oleh Kementerian Luar Negeri dari segi usaha-usaha untuk membetulkan semula ataupun memperbaiki imej kita khasnya tentang peranan yang dimainkan oleh mass-media luar negeri terhadap perkara-perkara yang berlaku di dalam negara kita.

Kita sering mendengar dan membaca berita-berita yang disampaikan oleh akhbar-akhbar dan juga artikel-artikel yang ditulis oleh para-para penulis luar negeri tentang keadaan dan dasar yang diamalkan oleh negara ini yang seakan-akan menidakkan keadaan yang sebenarnya berlaku. Umpamanya, sebagaimana yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi berhubung dengan perkara krisis MAS dan juga perkara yang berkait dengan soal-soal pendatang haram yang seolah-olah menunjukkan bahawa negara kita ini mengamalkan sikap diskriminasi, sikap yang menekan sesuatu golongan bahkan tidak mempunyai satu sikap yang liberal terhadap sesuatu golongan ataupun sesuatu kumpulan. Ini adalah satu peranan yang memang saya percaya dimainkan oleh kumpulan-kumpulan mass media ataupun sebaran am luar negeri yang tidak mengetahui dengan sebenar, dengan keadaan yang tepat, keadaan yang berlaku di dalam negara ini. Mereka ini dan sebahagian besar daripada agensi-agensi tersebut adalah dikuasai oleh golongan-golongan tertentu yang mempunyai hasrat dan juga cita-cita tertentu supaya negara-negara yang baru membangun, negara-negara yang sedang membangun, bahkan negara-negara yang ketiga (third world) digambarkan sebagai negara-negara yang kuno dan tidak mempunyai sikap civilisation yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, peranan penerangan luar negeri dalam perkara ini adalah amat penting. Pertama, adalah perlu bagi kita

untuk membetulkan segala pandangan-pandangan yang tidak tepat tentang apa yang berlaku di dalam negara ini yang dipaparkan di peringkat antarabangsa. Pandangan-pandangan yang tidak tepat ini akan hanya menimbulkan perasaan curiga, kebimbangan di kalangan orang-orang asing, lebih-lebih lagi kepada pelabur-pelabur asing yang mempunyai hasrat untuk datang ke sini terhadap dasar sebenarnya negara dari segi sosio-ekonomi, dari segi politik, kebudayaan dan sebagainya. Mass media ini memang sentiasa digunakan oleh kumpulan-kumpulan ini, oleh kuasa-kuasa besar dunia untuk melemahkan negara-negara yang sedang membangun dan ini adalah satu daripada matlamat mereka untuk memperluaskan lagi kuasa mereka dan meletakkan negara-negara yang sedang dan baru membangun ini di bawah cengkaman kuasa politik dan ekonomi kuasa-kuasa besar.

Sikap yang tidak betul dan pandangan yang begitu serong yang biasa diamalkan oleh sebahagian besar daripada mass media luar negeri ini adalah satu perkara yang amat membimbangkan kita dan ini akan menjadi satu batu penghalang terhadap usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan kita untuk menyatu-padukan masyarakat, menimbulkan satu keadaan masyarakat dan keadaan negara yang aman dan stabil di dalam rantau ASEAN ini. Bukan sahaja dari segi ini, kadang-kadang juga dimainkan oleh mass media luar negeri ialah tentang dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan kita untuk menggalakkan pelaburan ataupun untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing masuk ke negara ini dan menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi taraf kemajuan kita di dalam bidang-bidang perindustrian dan perdagangan. Gambaran yang tidak tepat dari dasar ekonomi ini juga perlu diperbaiki, perlu diperbetulkan dan inilah saya percaya tugas dan tanggungjawab Kementerian ini khasnya yang telahpun dipertanggungjawabkan kepada Atase-atase Penerangan luar kita yang telahpun ditempatkan di merata-rata dunia di mana kita mempunyai perhubungan diplomatik. Atase-atase Penerangan ini perlulah orang-orang yang betul-betul mempunyai sikap yang jujur dan juga

mempunyai semangat kebangsaan yang tulin supaya dengan tugas dan tanggungjawab mereka ini akan dapat memberikan gambaran yang sebenarnya kepada dunia luar tentang dasar yang diamalkan oleh Kerajaan kita pada hari ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan Aktiviti (5) berkait dengan soal Ekonomi dan Kerjasama Daerah. Kita berasa puas hati oleh sebab setakat ini negara Malaysia telahpun memainkan peranannya yang utama bukan sahaja di sekitar soal-soal kebijakan dan juga pembangunan ekonomi rantau Asia tetapi juga yang melibatkan soal dunia luar dan yang berkait dengan negara-negara perindustrian di Barat. Usaha untuk memperluaskan kerjasama daerah ataupun serantau ini perlulah dilipatgandakan, lebih-lebih lagi di dalam kawasan dan rantau ASEAN ini oleh sebab negara-negara yang berkenaan mempunyai persamaan dengan Malaysia dari segi kebudayaan, geography, politik, tradisi dan sebagainya.

Kita mengalu-alukan usaha-usaha yang telahpun dijalankan oleh pemimpin-pemimpin negara ASEAN untuk mengadakan pakatan ataupun kumpulan ekonomi yang bekerjasama di antara satu negara dengan negara lain di dalam kawasan ASEAN ini untuk menghadapi masalah-masalah sama yang dihadapi oleh negara-negara tersebut. Dalam hal ini pihak negara-negara ASEAN ataupun peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia di dalam hal ini adalah amat penting sekali. Sebagaimana yang kita ketahui Malaysia adalah salah sebuah daripada negara yang terkemuka di dalam negara-negara ASEAN ini dan kita juga merupakan salah sebuah negara yang mempunyai sumber-sumber ekonomi yang begitu banyak dan terkemuka sebagai pengeluar/pengekspor getah, bijih, kayu-kayuan dan sebagainya di rantau ini. Satu strategi jangka panjang dan jangka pendek perlulah diadakan bagi negara Malaysia ataupun negara-negara di rantau ASEAN ini untuk menghadapi bersama keadaan-keadaan yang berlaku di sekeliling rantau ini, terutama dari segi kesan-kesan kenaikan kos ataupun harga minyak dan bahan-bahan pembakaran dan juga masalah-masalah yang mungkin serupa yang dihadapi oleh negara-negara rantau ini dari segi mengatasi masalah inflasi. Selain daripada itu kita juga

perlulah mengadakan pakar-pakar ataupun rombongan-rombongan pakar-pakar yang dapat kita hantar ke negara-negara ASEAN dan juga negara-negara lain di mana kita mempunyai perhubungan supaya dengan cara bantuan kepakaran ini akan dapat mendekatkan lagi hubungan kita dengan negara-negara yang tersebut itu.

Saya juga mengalu-alukan di atas usaha yang sedang dijalankan oleh negara-negara ASEAN di mana Malaysia salah sebuah daripada negara yang mempeloporinya, iaitu untuk mengadakan satu stok bagi barangan utama yang bertujuan untuk mengadakan tempat ataupun simpanan barang-barang makanan perlu yang boleh disimpan sekiranya negara-negara di rantau ini menghadapi masalah-masalah kekurangan makanan dan sebagainya. Usaha ini adalah satu usaha yang amat baik dan saya juga berharap bukan sahaja dalam bidang ini bahkan di dalam bidang-bidang lain negara-negara ASEAN dan Malaysia harus mempeloporinya perlulah mengambil tindakan lain untuk menambahkan sumber-sumber makanan, terutama dari segi laut dan juga kawasan-kawasan yang ada di sekitar negara kita.

Lagi satu perkara, ialah tentang kerjasama yang erat yang akan dijalankan oleh negara kita dengan negara-negara Islam. Sebagaimana yang kita ketahui negara-negara Islam di rantau ini dan juga di Timur Tengah sekarang ini merupakan rantau negara-negara yang mempunyai kekuasaan ekonomi, khususnya dengan kekuasaan yang dilahirkan dari segi kekayaan minyak yang ada pada negara-negara tersebut. Usaha-usaha juga perlulah kita lipatgandakan dengan mengadakan hubungan ekonomi yang lebih rapat di dalam bidang-bidang yang lebih luas dengan negara-negara tersebut.

Inilah sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya dan sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Luar Negeri dan pada akhirnya saya menyokong di atas peruntukan yang dimohon oleh Kementerian tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

6.21 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Luar Negeri.

Saya suka menyentuh B. 30, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Penerangan Luar Negeri. Sebelum itu izinkan saya untuk memberikan ucapan pujian dan tahniah kepada Kementerian ini yang mana dengan usahanya yang gigih telah dapat memperkenalkan negara kita terutama sekali dalam ASEAN yang boleh dikatakan negara kita melalui Kementerian Luar Negeri mengambil peranan-peranan yang penting dalam menjayakan ASEAN terutama sekali di kalangan negara-negara Islam.

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh dan memberikan pandangan sedikit sahaja berhubung dengan aktiviti ini, iaitu Penerangan Luar Negeri apa yang kita fahamkan telah dicatat dalam Buku Penerangan. Salah satu daripada tujuannya untuk memberikan maklumat dan penerangan selain daripada negeri-negeri luar iaitu kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri di mana negeri-negeri yang terdapat banyak penuntut-penuntut kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan pandangan dan cadangan kepada Kementerian Luar Negeri ini kerana baru-baru ini saya dan beberapa orang rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat kesempatan melawat ke dua tiga buah negeri termasuklah di Timur Tengah dan juga di London. Jadi daripada perbualan dan daripada bertukar-tukar fikiran yang kita lakukan dengan penuntut-penuntut kita nampaknya mereka telah menyalah-ertikan ataupun mereka telah diberi penerangan yang salah.

Maksud saya penerangan yang salah ini bukan oleh pihak Kedutaan dan bukan oleh pihak Kerajaan tetapi disalahkan oleh pelawat-pelawat yang datang berkunjung ke sana terutama sekali kalau pelawat-pelawat itu datang daripada pihak Pembangkang umpamannya PAS. Mereka datang ke sana dan dapat mengumpulkan beberapa banyak penuntut di sana dan mereka menceritakan segala apa keburukan yang ada dalam negara kita yang mana keburukan itu pada pandangan diri dan langsung mereka tidak mahu

menceritakan kejayaan, kebaikan, kemajuan apa sahaja yang telah kita jalankan, langsung mereka tidak hendak sentuh. Mereka hanya menyebut beberapa perkara yang bertentangan dengan dasar parti mereka.

Memang mereka Pembangkang akan bangkang apa sahaja dasar yang kita buat terutama sekali yang dibuat oleh pihak Barisan Nasional. Jadi tidak hairan kalau mereka berjumpa dengan penuntut-penuntut kita menceritakan segala kelemahan, segala keburukan yang dibuat oleh Barisan Nasional, oleh pihak Kerajaan yang ada hari ini yang didokong oleh Barisan Nasional. Mereka mengambil kesempatan sebanyak-banyaknya di atas keadaan ini dan juga tidakpun menafikan bahawa pihak Kedutaan tidak ada memberikan penerangan, tetapi apa yang saya cadangkan supaya pihak Kedutaan kita terutama sekali di negeri-negeri Barat yang banyak penuntut-penuntut kita di sana, seperti di United Kingdom dan Amerika dan juga sebahagiannya di Timur Tengah—Kaherah supaya pihak Kedutaan kita di sana, Attache Penerangannya melipatgandakan lagi usaha memberikan penjelasan.

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah Kerajaan Malaysia hari ini yang mana kita Barisan Nasional telah diberi mandat, telah diberi amanah oleh rakyat dalam negeri ini dalam masa lima tahun sekali, dalam tiap-tiap diadakan pilihanraya, maka kita telah diberi mandat dan amanah oleh rakyat untuk mentadbirkan negeri ini mengikut keadaan dan apa yang kita fikirkan perlu untuk kepentingan rakyat kita, untuk kemajuan negara kita dan seterusnya. Jadi saya cadangkan di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sepatutnya diadakan juga pegawai-pegawai yang saya maksudkan di sini pegawai-pegawai daripada pihak parti Barisan Nasional yang mereka ditugaskan atau dilantik sebagai pegawai tetapi mereka itu terdiri daripada orang parti kerana dasar pemerintahan negara kita ini berparti dan hari ini parti kita diberi mandat, diberi kesempatan untuk mentadbirkan negara kita ini kerana contohnya sudah saya katakan tadi, hari ini kita yang mendokong Kerajaan, parti kita yang memerintah negara kita ini tetapi diambil kesempatan oleh orang lain untuk memburuk-burukan dan menjatuhkan imej negara kita di luar negeri dan dalam negeri. Jadi sudah sampai masanya saya rasa

yang kita terpaksa berbuat demikian dan kalau kita berbuat demikian maknanya kita bukanlah negeri yang pertama dalam dunia ini membuat sebab sudah ada negara-negara lain yang melakukan dasar seumpama ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana keadaan seperti mana yang telah saya katakan tadi maka saya mencadangkan pemimpin-pemimpin masyarakat terutamanya Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang datang daripada Barisan Nasional supaya mereka ini diberi kesempatan untuk meninjau keadaan penuntut-penuntut kita di luar negeri dan diadakan selalu perjumpaan yang seumpama itu kerana kalau hanya melalui bahan-bahan penerangan, bahan-bahan bacaan yang dihantar daripada dalam negeri ini dihantar ke kedutaan-kedutaan kita, saya percaya daripada apa yang saya saksikan kurang kesannya kerana mereka bukan hendak membaca sangat, mereka lebih berminat kalau ada rombongan yang datang, kalau ada orang-orang Malaysia yang datang berjumpa dengan mereka dan memberi penjelasan dengan mereka, ini lebih berkesan kepada mereka. Maklumlah kita semuanya biasa menjadi penuntut dahulu memang kesibukan kita dengan pelajaran-pelajaran kita dan keadaan-keadaan kita tidak mengizinkan kita untuk membaca buku-buku luar terutama sekali yang berbentuk penerangan. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya selalu diadakan kunjungan-kunjungan muhibbah daripada pemimpin-pemimpin masyarakat kita untuk berdialog, memberikan penjelasan dan sebagainya kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Tuan Pengerusi, oleh kerana terdapat sebahagian kecil—walaupun sebahagian kecil tetapi saya bimbang yang kecil ini suatu hari nanti akan jadi besar hingga sebahagian kecil penuntut-penuntut kita yang telah dapat dipengaruhi oleh mereka yang saya katakan tadi mereka yang datang daripada pihak Pembangkang dan memberikan gambaran yang silap terhadap negara kita dan mereka ini telah berjaya mempengaruhi sebahagian kecil daripada penuntut-penuntut kita. Jadi dengan sebab itu terlambat, sebelum perkara ini merebak, sebelum semua penuntut kita dilibatkan dalam soal ini, saya harap pihak Kedutaan kita di luar negeri melalui Attache Penerangan ataupun kerjasama dengan pihak

Kementerian Pelajaran supaya mereka ini diberi amaran terakhir terutama sekali mereka yang mendapat biasiswa, yang mendapat perbelanjaan daripada wang rakyat. Tidak ada gunanya pihak Kerajaan yang diberi amanah dan mandat hari ini menyalurkan wang rakyat ini diberikan kepada seorang penuntut tetapi penuntut ini tadi memaki Kerajaan kita, memaki pentadbiran Kerajaan kita siang malam. Tidak ada erti dan tidak ada faedah kalau ini diteruskan. Jadi dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya memberi pandangan iaitu kepada penuntut-penuntut yang seumpama itu berilah mereka amaran dan kalau perlu diambil tindakan hendaklah diambil tindakan.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan penerangan di luar negeri juga iaitu kedutaan kita di luar negeri. Apa yang saya saksikan sendiri sewaktu majalah keluaran tempatan yang bernama Middle Force di Benghazi, Libya dengan terang-terang menyiarkan satu berita berhubung dengan pendatang haram yang mana di dalam artikel itu ditulis dengan jelas bahawa askar-askar kita telah diarahkan menembak mati pendatang haram itu sewaktu dalam bot, berpuluh-puluh yang mati. Sedangkan apa yang berlaku sebenarnya tidak begitu. Tetapi apabila saya bertanya dengan pihak kedutaan di sana nampaknya setakat ini belum ada penjelasan dibuat setakat kami ada di sana dua minggu dahulu. Setakat itu belum ada penafian dibuat oleh pihak kedutaan kita. Jadi kalau berita itu tersiar dengan begitu meluas dan kemungkinan bukan sahaja itu beritanya, bahkan banyak berita lain lagi, kalau pihak kedutaan kita mendingankan diri, jadi bererti kita diam itu ada dua ertinya, sama ada kita setuju ataupun tak setuju. Orang salah sangka. Bila kita diam, orang tidak tahu sama ada kita setuju atau tidak, tetapi bila kita bertindak, adakan penjelasan dan mesti pihak kedutaan kita mengeluarkan penafian bahawa askar-askar kita tidak pernah diarahkan dan askar kita tidak pernah menembak mati pendatang haram. Saya harap dengan peruntukan yang dipohonkan yang jumlahnya saya fikir untuk tahun 1980 ini bertambah daripada \$1,278,000 bagi tahun 1979, di pohon untuk tahun 1980 \$1,479,000 jadi ada pertambahan lebih kurang \$201,000 maka usaha-usaha yang saya katakan tadi dapat digandakan.

Tuan Pengerusi, satu cadangan saya kalau boleh diterima oleh pihak Kementerian oleh kerana terdapat wartawan luar negeri yang sengaja agaknya hendak menjatuhkan imej negara kita ini dengan menulis artikel yang memutar-belitkan keadaan sebenar terutamanya berhubung dengan sikap kita terhadap pendatang haram. Jadi kalau boleh wartawan seumpama itu pihak kedutaan kita di luar negeri senaraikan nama-nama mereka dan kalau perlu nama-nama mereka itu digaris-hitamkan supaya mereka jangan dibenarkan datang ke negara kita ini. Kalau umpamanya teori ini atau pandangan ini tidak ada lojiknya dan tidak ada betulnya kita hendak menahan orang datang ke negara kita, lebih baik pihak kedutaan kita di luar negeri di mana kalau ada terdapat wartawan seumpama itu panggil mereka, berbuat baik dengan mereka. Kalau boleh beri mereka kesempatan, beri wartawan-wartawan itu kesempatan sama ada melalui perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kedutaan kita di luar negeri atau di atas mana-mana badan dalam negara kita yang membiayai kedatangan wartawan-wartawan itu. Saya percaya ini telahpun dibuat dan ada dibuat tetapi saya harap dapat terutama sekali diberi keutamaan kepada wartawan-wartawan luar negeri yang saya katakan tadi pernah mengeluarkan artikel yang memutar-belitkan keadaan sebenar dalam negara kita diberi mereka itu kesempatan untuk datang melawat ke negara kita ini beberapa minggu dan sebagainya, beri mereka layanan yang baik untuk mereka dapat memberikan atau menulis gambaran yang sebenar wujud dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan yang dapat saya berikan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya dengan ini menyokong peruntukan yang dipohon oleh pihak Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.35 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, Saya ingin sentuh B. 30, Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (8) mengenai Politik dan ASEAN.

Tuan Pengerusi, dari ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menggambarkan perkembangan dan pergerakan politik khasnya

dalam konteks di Indo-China itu, kita boleh dapati bahawa mahu atau tidak mahu kita akan menghadapi satu cabaran yang sangat serius dan yang sangat membimbangkan bukan sahaja negara kita sendiri tetapi juga negara-negara ASEAN yang berpunca daripada peristiwa, pergolakan dan persengkeatan di sempadan Thai dan Kampuchea.

Tuan Pengerusi, memang saya bersetuju dan DAP adalah menyokong konsep ZOPFAN atau sikap berkecuali yang diambil oleh Malaysia dan juga ASEAN untuk menghadapi keadaan yang begitu genting hari ini. Di sini memang kita tidak mahu melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil akan dijadikan sebagai seekor pelanduk bila berlakunya gajah sama gajah berjuang, pelanduk akan mati di tengah-tengah. Dan juga kita tidak mahu melihat Malaysia atau ASEAN dijadikan sebuah medan perebutan kuasa oleh beberapa kuasa besar di dunia ini khasnya baru-baru ini kita boleh lihat perkembangan politik ini sudah membawa satu kesan yang sangat serius terhadap keamanan dan kestabilan ASEAN khasnya Malaysia sendiri.

Tuan Pengerusi, memang kita bersetuju bahawa Malaysia atau ASEAN tidak sewajarnya atau tidak bijaksana untuk mengadakan satu pakatan ketenteraan. Ini memang sangat wajar dan sangat bijak pendirian yang diambil oleh ASEAN dan Malaysia, tetapi saya tidak faham dan Dewan yang mulia ini tidak faham apakah maknanya, apakah maksudnya pakatan keselamatan yang selalu dimaksudkan oleh Menteri Luar Negeri baik di arena politik antarabangsa atau di dalam Dewan yang mulia ini apabila menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat? Adakah pakatan keselamatan bermakna bila salah sebuah negara dalam ASEAN diserang atau dicerobohi oleh Vietnam atau mana-mana satu negara luar, maka kita hanya akan memberikan sokongan material sahaja, seumpama makanan, bantuan perubatan dan lain-lain? Adakah Malaysia akan terlibat untuk memberikan bantuan ketenteraan? Inilah yang perlu diketahui oleh rakyat dan Dewan yang mulia ini. Kalau kita menyebut pakatan keselamatan hanya bermakna ketahanan negara, apakah maknanya dan bolehkah Malaysia selamat kalau kita hanya bersikap dingin atau bersikap diam diri sahaja untuk melihat salah sebuah negara

ASEAN diserang oleh kuasa-kuasa luar, maka Malaysia kata hanya akan memberikan bantuan material sahaja? Sebaliknya, pihak Indonesia ada menyatakan jika Thailand di serang dia akan menghantarkan tenteranya untuk membantu. Bagaimanakah pendirian Malaysia terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Indonesia itu? Di sini saya langsung tidak faham apakah maknanya pakatan keselamatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dalam Dewan ini juga di forum antarabangsa.

Saya tidak bercadang bahawa Malaysia mengadakan satu pakatan ketenteraan tetapi rakyat Malaysia perlu diberi tahu apakah tindakan atau apakah langkah-langkah persiapan yang perlu diambil oleh setiap rakyat Malaysia jika suasana politik di Thailand sudah berubah, sudah menghadapi satu ancaman yang sangat serious yang mungkin boleh membawa satu akibat yang sangat buruk dan bahaya kepada keselamatan Malaysia.

Sekarang rakyat perlu diberitahu bagaimana bersiap sedia untuk menghadapi cabaran dan krisis yang ada hari ini. Apa gunanya kita cuba menafikan atau melarikan diri daripada menghadapi satu kenyataan bahawa tidak mungkin Thailand akan diserang oleh Vietnam. Kemungkinan ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun.

Di sini Dewan adalah berhak untuk mengetahui bagaimana negara kita, bagaimana rakyat kita perlu disiap sediakan untuk menghadapi ancaman dan krisis ini, mungkin akan berlaku pada penghujung tahun ini atau tahun hadapan. Inilah tanggungjawab setiap rakyat untuk mempertahankan keselamatan dan keutuhan Malaysia. Inilah satu pendirian, satu dasar diumumkan oleh Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan supaya kita boleh bersama-sama membincangkan bagaimana kita boleh mempertahankan negara kita daripada terlibat dalam pergolakan politik yang ada di sempadan Thailand/Kampuchea hari ini.

Tuan Pengerusi, kita semua tidak boleh menafikan masalah atau persengketaan di Indo-China hari ini adalah sebenarnya dibawa oleh Vietnam melalui hasutan dan sokongan Russia. Inilah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun. Tetapi apakah sebabnya Menteri Luar Negeri mencadangkan mahu mengadakan satu lawatan ke Vietnam sebelum satu penyelesaian

politik ditemui untuk menyelesaikan masalah baik pelarian Vietnam atau pendatang haram yang disebutkan oleh Kerajaan, atau masalah keselamatan yang ada di Indo-China hari ini. DAP adalah mencadangkan sebelum Vietnam mempertunjukkan atau memperlihatkan kejujuran dan keikhlasannya untuk mahu bersama-sama hidup secara aman dan sentosa di kawasan ASEAN ini dan sebelum masalah yang ada berlaku di Kampuchea hari ini dan sebelum tentera Vietnam yang ada di Kampuchea ditarik keluar, maka DAP mencadangkan bahawa tidak wajar dan tidak bijaksana bagi Menteri Luar Negeri Malaysia mengadakan lawatan ke Vietnam mungkin pada masa yang sengkat ini. Saya harap sebelum lawatan ini dibuat, satu perundingan boleh diadakan di antara negara-negara ASEAN supaya segala salah faham boleh dielakkan. Kalau lain-lain negara ASEAN tidak bercadang berbuat begini, Malaysia sendiri berinisiatif membuat begini. Ini menimbulkan satu salah faham yang sangat serius di kalangan ASEAN hari ini.

Tuan Pengerusi, itulah sebabnya DAP adalah mendesak dengan sekeras-kerasnya supaya perkara ini perlu dipertimbangkan dengan menyeluruh dan mendalamnya supaya jangan satu program lawatan diadakan dengan terburu-buru hingga membawa satu reaksi yang sangat buruk di kalangan ASEAN dan juga mungkin akan menimbulkan satu keretakan perhubungan dan pembaruan negara-negara ASEAN.

Dalam hubungan ASEAN ini yang berkaitan dengan masalah pendatang haram atau pelarian ini, di sini saya meminta satu penjelasan daripada pihak Kementerian Luar Negeri, apakah sebabnya Malaysia di forum antarabangsa khasnya di Bangsa-bangsa Bersatu bila kita membincangkan masalah pelarian Indo-China atau Vietnam, Malaysia menggunakan perkataan pelarian Vietnam atau Indo-China tetapi tidak menggunakan pendatang haram. Ini adalah dilaporkan. Tetapi di dalam dasar hal ehwal dalam negeri Malaysia sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini bahawa mereka itu adalah pendatang haram bukan pelarian Vietnam. Apakah kita mengambil satu sikap yang bermuka dua atau adopt double standard of law dalam dasar untuk menguruskan perkara yang begitu rumit ini sehingga sudah membawa satu kesan yang buruk di arena antarabangsa terhadap pendirian dan dasar Malaysia

terhadap pelarian Vietnam. Memang ini adalah hak sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, hak Kerajaan untuk memutuskan siapakah pendatang haram dan siapakah pelarian yang masuk ke Malaysia. Tetapi memandangkan suasana yang ada di ASEAN hari ini, memandangkan sikap dan dasar yang diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu, mereka adalah menerima mereka sebagai pelarian bukanlah pendatang haram.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ini adakah bercakap atas dasar luar negeri atau bercakap berkenaan dengan maksud bekalan. Kalau maksud bekalan, kalau boleh, saya izinkan Yang Berhormat bercakap tentang dasar itu sebagai asas. Selepas itu beritahu tentang bekalan ini hendak dikurang atau ditambah atau macam mana.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah saya katakan tadi umpamanya dalam Aktiviti (2) atau Aktiviti (8) bekalan atau peruntukan yang diperuntukkan di bawah ini memang tidak mencukupi sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi dalam masalah umpamanya menguruskan pendatang haram atau pelarian ia perlukan banyak belanja dan memang sebahagian besarnya adalah dari Bangsa-bangsa Bersatu. Tetapi di sini Kerajaan khasnya Kementerian Luar Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya memberitahu rakyat dan dunia, apakah perbezaan yang ditetapkan di antara pelarian Indo-China dan Pelarian Filipino di Sabah. Saya sebutkan perkara ini kerana saya tidak mahu melihat imej Malaysia dicemar dan dijejaskan oleh public opinion bahawa Malaysia adalah mengamalkan satu diskriminasi kaum dan ugama terhadap pendatang haram dan pelarian. Ini adalah tanggungjawab Menteri Luar Negeri untuk melindungi imej bagi Malaysia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berpersi kemanusiaan untuk menguruskan segala masalah pelarian yang ada di Malaysia hari ini.

Sekarang adalah terserah kepada Kementerian Luar Negeri bagaimana mencadangkan satu kempen baik di dalam Malaysia atau di dunia luar tentang pendirian dan dasar pelarian Malaysia.

Memang saya ada menyatakan ini adalah hak Kerajaan Malaysia menetapkan siapakah yang dilayakkan menjadi pendatang haram,

siapakah akan dipanggil pelarian yang berkenaan, tetapi bagaimana kita boleh meyakinkan dan memuaskan dunia luar dan rakyat Malaysia bahawa dasar yang diamalkan oleh Malaysia hari ini adalah satu dasar yang adil, saksama tanpa mengira kaum dan ugama.

Saya tidak menuduh Kerajaan Malaysia mengamalkan satu diskriminasi dalam konteks pelarian atau pendatang haram tetapi ini adalah satu pandangan orang ramai, satu opinion dunia terhadap Malaysia. Ini adalah tanggungjawab DAP untuk membangkitkan dan menarik perhatian Kerajaan Malaysia khasnya Kementerian Luar Negeri terhadap perkara yang serius ini dan juga satu tanggungjawab yang berat perlu dijalankan oleh Menteri Luar Negeri untuk memulihkan imej Malaysia dalam konteks hak asasi kemanusiaan. Umpamanya baru-baru ini Amnesty International ada membuat satu laporan yang panjang mengenai masalah hak asasi kemanusiaan di Malaysia.

Yang sebenarnya Kerajaan Malaysia khasnya Menteri Luar Negeri perlu mempertahankan Malaysia atau membela Malaysia tentang benar atau tidak benarnya berlaku pencerobohan hak asasi kemanusiaan khasnya mengenai tahanan politik yang ada di Malaysia. Kalau tidak benar maka Kerajaan dan juga khasnya Menteri Luar Negeri perlu mengambil satu sikap yang tegas untuk membela Kerajaan Malaysia dengan menafikan segala tuduhan-tuduhan dengan disokong oleh angka-angka dan kenyataan. Ini adalah satu tanggungjawab yang berat oleh Menteri Luar Negeri bagaimana kita boleh menjawab (counter-attack) segala tuduhan yang dilemparkan oleh dunia luar baik di bidang ekonomi atau di bidang hak asasi kemanusiaan.

Betul atau tidak betul, benar atau tidak benar adalah terserah kepada Kerajaan untuk menunjukkan kepada dunia dengan angka-angka dan data-data bahawa ini adalah satu laporan yang tidak benar. Kalau kita hanya mendiamkan diri sahaja atau cuba mengharamkan laporan itu, umpamanya, *Asia Week*, ini bukan satu jalan yang biiaksana untuk membeli imej Malaysia mengenai hak asasi kemanusiaan.

Di sini saya tidak tahu apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Duta-duta Malaysia di luar negeri untuk menjelaskan

keadaan hak asasi kemanusiaan di Malaysia hari ini. Kalau kita tidak cukup peruntukan untuk menjalankan kempen ini, maka tambahlah peruntukan dan perbelanjaan supaya imej Malaysia boleh diperlindungi daripada dicemar sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dicemar oleh satu golongan atau kumpulan yang tertentu. Kalau kita hanya menafikan dengan mengatakan berita itu tidak berasas dan lain-lainnya—tidak guna, kecuali Malaysia boleh memberikan secara kenyataan yang boleh dicabar oleh mana-mana satu pihak mengenai kebenarannya. Inilah kerja dan tugas yang perlu dijalankan oleh Menteri Luar Negeri.

Inilah ucapan saya dan saya harap beberapa perkara yang saya sebutkan khasnya mengenai lawatan Menteri Luar Negeri ke Vietnam ini boleh mendapat penjelasan dan jawapan yang memuaskan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri kerana rakyat sangat khuatir tentang reaksinya terhadap Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.55 ptg.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat—minta maaf, dua orang Ahli Yang Berhormat; seorang baru keluar; yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan Kementerian saya.

Sebagai penerangan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh yang telah menyentuh tentang peranan Bahagian Penerangan Luar Negeri di bawah Kementerian Luar Negeri dan begitu juga perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, saya mengucapkan banyak terima kasih atas pandangan dan teguran yang benar serta membina bagi membolehkan Bahagian ini memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi kerana saya sendiri tidak menafikan bahawa ada keadaan-keadaan yang mungkin dalam mana Bahagian ini belum dapat menjalankan tugasnya dengan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun inginlah saya menegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai yang berkenaan di Kementerian khususnya di Bahagian Penerangan Luar Negeri ini senantiasa berikhtiar mencari jalan sama ada di kalangan pegawai-pegawai di dalam Kementerian ini sendiri ataupun dengan kerjasama pegawai-pegawai daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi mencari jalan untuk mengatasi sebarang masalah yang dihadapi termasuklah perkara-perkara yang telah disebutkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu usaha sedang dijalankan bagi kita mencari jalan bagaimanakah Bahagian Penerangan Luar Negeri ini dapat menjalankan peranannya dengan lebih berkesan. Salah satu daripadanya ialah kemungkinan diadakan beberapa perjumpaan dan rundingan dengan Kementerian Pelajaran dan juga pihak Kementerian Penerangan untuk melengkapkan Bahagian Penerangan Luar Negeri di bawah Kementerian Luar Negeri ini.

Tentang perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti iaitu ada satu tulisan di dalam sebuah majalah di Banghazy yang menuduh kita menembak pendatang haram dan sehingga dalam tempoh Yang Berhormat itu berada di Libya tidak ada sebarang penafian dibuat; saya sendiri akan siasat perkara ini. Walau bagaimanapun ingin saya terangkan pada masa-masa yang telah sudah ada beberapa keadaan yang serupa timbul dan apabila kita cuba membuat sebarang penerangan ataupun penjelasan pihak akhbar ataupun majalah yang berkenaan itu jarang sekali mahu memberi kerjasama untuk menyiarkan penerangan yang telah kita berikan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyentuh tentang kerjasama serantau dalam bidang ekonomi. Perkara ini sedang kita tingkatkan dengan rupa sama ada mengadakan dialog ASEAN yang terdiri dari kalangan negara-negara anggota ASEAN dengan negara-negara yang lain seperti Jepun, EEC, Australia, Canada dan Amerika, juga beberapa perundingan mesyuarat diadakan di antara negara-negara ahli ASEAN ini di peringkat Menteri-menteri ataupun pegawai-pegawai Kementerian dan

Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mencari jalan meningkatkan lagi kerjasama di kalangan anggota ASEAN.

Berhubung dengan kerjasama dengan negara-negara Islam, ini juga kita tidak ketinggalan dengan adanya beberapa perjanjian sama ada yang telahpun diwujudkan ataupun yang sedang diusahakan dalam mana kita berharap dengan adanya perjanjian seperti ini, kita akan dapat memudahkan lagi sebarang hubungan dua-hala sama ada dalam soal ekonomi ataupun hubungan secara am.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyebut tentang masalah-masalah pelajar dan isu-isu yang sedang dihadapi oleh pelajar-pelajar akibat daripada penerangan-penerangan yang telah disampaikan oleh golongan-golongan yang mempunyai maksud masing-masing yang akan bertentangan dengan kepentingan Kerajaan ataupun Barisan Nasional sendiri.

Kementerian Luar Negeri seperti yang saya sebutkan tadi sedang mencari jalan bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini kerana tidak dapat dinafikan keadaan-keadaan ataupun susunan pentadbiran terhadap pelajar-pelajar ini banyak memerlukan penyusunan semula, ingin saya ulangi dalam hal ini Kementerian Luar Negeri sedang mengadakan beberapa perundingan dengan pihak Kementerian Pelajaran untuk menentukan bahawa jikalau kita memerlukan perhubungan dengan pelajar-pelajar atau golongan-golongan pelajar ini, akan dapat dibuat dengan mudah sama ada oleh pegawai-pegawai daripada Kedutaan kita, jikalau tidak terdapat pegawai-pegawai pelajaran ataupun Education Attache di negara-negara yang berkenaan ataupun hubungan itu dibuat sendiri oleh pegawai-pegawai yang terdiri daripada anggota Education Attache kita. Di samping itu adalah menjadi amalan sekarang apabila terdapat pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan sama ada Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen melawat mana-mana negara ini, mereka diminta untuk bertemu dan berjumpa dengan pelajar-pelajar kita di negara-negara berkenaan

semoga dengan adanya perjumpaan ini beberapa perkara yang menjadi masalah kepada pelajar-pelajar ini atau perkara-perkara yang kita fikirkan patut mereka mengetahui dapat disampaikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—yang sengaja meninggalkan Dewan ini kerana tidak mahu mendengar jawapannya—telah menimbulkan beberapa kata-kata yang sendirinya mengelirukan kita semua. Jikalau ada mereka di kalangan kita sanggup berkata demikian yang akibat kata-kata mereka itu mengelirukan kita, kita tidak perlukan adanya mereka di negara-negara yang lain yang cuba mengelirukan pandangan mata dunia keseluruhannya. Sebagai contoh Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang kegunaan perkataan “pendatang haram”. Kata beliau hanya kita di Malaysia menggunakan perkataan pendatang haram ini sedangkan di sidang-sidang Bangsa-bangsa Bersatu kita tidak menggunakan perkataan pendatang-pendatang haram malah istilah yang lain digunakan. Perkara ini telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan ingin saya terangkan sekali lagi iaitu kita tidak ketinggalan menggunakan perkataan pendatang haram walau di dalam negeri atau di tempat-tempat yang lain atau di peringkat antarabangsa. Tetapi perkataan yang kerap kali digunakan oleh pihak-pihak antarabangsa ialah “orang-orang pelarian” (displaced person). Ini adalah kerana mereka tidak melibatkan dengan undang-undang mana-mana negeri yang berkenaan. Pendatang haram ini adalah satu istilah akibat daripada undang-undang yang ada di dalam negara kita ini di mana kita menganggap orang-orang yang dikatakan displaced person ataupun pelarian ini, termasuk mereka ini ke dalam negara kita menentang atau tertakluk kepada undang-undang Imigresen yang sesuai yang boleh membenarkan mereka masuk dalam keadaan mereka yang lari itu maka wajarlah perkataan “pendatang haram” ini digunakan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka masih tidak faham keadaan ini dan tidak pula menimbulkan perbincangan seorang demi seorang umpamanya mempersoalkan istilah ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu menggunakan forum yang lain untuk menimbulkan kekeliruan malah mungkin kecurigaan atas keikhlasan Malaysia menghadapi masalah pendatang-pendatang haram ini.

Begitu juga apabila Ahli Yang Berhormat itu menimbulkan soal hak asasi, beliau telah mempersoalkan setakat manakah usaha-usaha Malaysia menerangkan ataupun mempertahankan pendirian kita dalam soal hak asasi manusia ini. Katanya, ada tuduhan yang dilemparkan kepada Malaysia. Sebelum adanya tuduhan ini ingin saya menimbulkan pertanyaan balik—malangnya Ahli Yang Berhormat telah keluar daripada Dewan ini. Siapakah agaknya orang yang memulakan atau dimanakah puncanya timbulnya sebarang kekeliruan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu jikalau mungkin tidak daripada pihak DAP sendiri (*Tepuk*) dan di sini pihak DAP cuba menjadi champion dengan mengatakan bahawa mereka berkehendakkan pihak Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri bersungguh-sungguh mempertahankan pendirian kita. Merekalah saya percaya di antara mereka yang telah menimbulkan ini di peringkat antarabangsa, apabila mereka mendapati bahawa sebarang hujah tuduhan mereka sama ada di dalam Dewan in ataupun di dalam negara ini tidak mendapat begitu banyak sambutan, kerana rakyat di negara ini faham atas perlunya beberapa perundangan bagi mengetatkan kawalan bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman di dalam negara kita ini.

Mungkin Ahli Yang Berhormat dari DAP itu apakah beliau masih menjadi Pembangkang boleh berkata dengan kata-kata bebas seperti burung (as free as a bird) dan sebagainya. Ingin saya tegaskan di sini walau ada sekalipun perbilangan seperti itu, burung sendiri pun tidak sebebaskan seperti mana Ahli Yang Berhormat itu sangkakan, kerana burung pun kalau waktu musim sejuk (winter) di negara temperate terpaksa pindah beribu-ribu batu mencari tempat yang agak panas, kalau helang sekalipun ada had yang ia boleh terbang, enggang pun begitu juga tidak boleh terbang tinggi sehingga boleh diserang oleh helang.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang keadaan keselamatan dan kestabilan rantau ini, saya ingin menyeru kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya beliau tidak payah menjadi "hero" sekali lagi dengan berkata bahawa pihak DAP mencadangkan sebelum Menteri Luar melawat Vietnam elok diadakan rundingan dengan rakan-rakan di dalam ASEAN. Ini menjadi amalan kita. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba hendak menyedut perkara yang baik yang sesuai, kerjasama

yang rapat yang diamalkan oleh pihak Malaysia dengan rakan-rakan kita dalam ASEAN ini, saya ingin menyeru kepada Ahli Yang Berhormat itu pilihan dan carilah keadaan dan masa yang lain.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin menentuhkan dengan mendalam tentang pakatan keselamatan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu kerana semestinya mana-mana Kerajaan mempunyai sefer dan catuan ukuran butir masing-masing dan memadai untuk saya mengulangi di sini bahawa kita mempunyai satu persefahaman di kalangan anggota-anggota ASEAN dalam mana tiap-tiap ahli anggota ASEAN menghormati sesuatu pendirian yang dibuat oleh negara itu.

ASEAN sendiri seperti yang kerap kali diulangi tidak akan merupakan satu pakatan tentera. Walau bagaimanapun jikalau diperlukan dan apabila diperlukan, ASEAN tidak menyekat mana-mana dua negara ataupun negara-negara yang ingin, bukan atas nama ASEAN membuat sebarang perhitungan dan tindakan masing-masing.

Tuan Pengerusi, itulah penerangan ringkas saya terhadap perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, Panti dan Kota Melaka dan jikalau ada apa-apa perkara yang tidak saya jawab secara langsung, perkara ini adalah dalam ingatan dan catitan saya untuk tindakan seterusnya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$68,558,000 untuk Maksud B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$3,288,000 untuk Maksud P. 30 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B. 31 hingga B. 35 dan Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67. Sila.

Maksud B. 31, B. 32, B. 33, B. 34 dan B. 35 (Jadual)—

Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

7.12 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 1980 di bawah Maksud B. 31 hingga B. 35 dan Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 bagi Anggaran Jabatan-jabatan di bawah Potfolio Kementerian Kewangan dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

A. Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1980

Maksud B. 31 Perbendaharaan ...	\$ 34,161,900
Maksud B. 32 Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	431,411,900
Maksud B. 33 Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	1,613,000,000
Maksud B. 34 Kastam dan Eksais Di Raja ...	60,574,500
Maksud B. 35 Jabatan Hasil Dalam Negeri ...	46,396,400
	<hr/>
	\$2,185,544,700

B. Anggaran Pembangunan Tahun 1980

Maksud P. 31 Perbendaharaan ...	\$ 816,900,030
Maksud P. 34 Kastam dan Eksais Di Raja ...	35,471,633
Maksud P. 67 Simpanan Luar Jangka	400,000,000
	<hr/>
	\$1,252,371,663
Jumlah besar ...	<hr/>
	\$3,437,916,363

Anggaran Belanja Mengurus 1980, Maksud B. 31—Perbendaharaan

Pada tahun 1980 Perbendaharaan Malaysia memerlukan peruntukan berjumlah \$34.16 juta iaitu bertambah lebih kurang 9% jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1979.

Peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1980 adalah bagi tujuan-tujuan emolumen perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal dan pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan

Peruntukan bagi Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang dianggarkan ialah sebanyak \$431.41 juta. Sebahagian besar dari perbelanjaan ialah untuk berbagai bayaran sebanyak \$335 juta iaitu merupakan 77.65% daripada peruntukan tahun 1980.

Selain daripada itu peruntukan juga adalah dikehendaki untuk pemberian jalanraya kepada Perbandaran dan Majlis Perbandaran bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut.

Peruntukan sebanyak \$15 juta yang dikehendaki di bawah Maksud ini adalah untuk tujuan perbelanjaan 5% kos perkhidmatan yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan Persekutuan.

Maksud B. 33—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun

Di bawah Maksud ini peruntukan yang dikehendaki ialah sebanyak \$1,613 juta bagi tujuan Kumpulanwang Cadangan untuk Negeri (State Reserve Fund), Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan Kumpulanwang Pembangunan.

Maksud B. 34—Kastam dan Eksais di Raja

Jabatan Kastam dan Eksais di Raja memerlukan sebanyak \$60.57 juta untuk Belanja Mengurus bagi tahun 1980 berbanding dengan \$56.8 juta pada tahun 1979 iaitu berbeza sebanyak 6.5%.

Bagi maksud B. 31, Peruntukan di bawah Maksud ini adalah untuk emolumen perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal, pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

Maksud B. 35—Jabatan Hasil Dalam Negeri

Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri kesemuanya sebanyak \$46.4 juta yang mana peruntukan bagi tahun 1979 ialah \$45.8 juta.

Peruntukan di bawah Maksud ini untuk tahun 1980 juga adalah untuk emolumen perkhidmatan dan bekalan dan pemilikan harta modal.

Anggaran Pembangunan 1980, Maksud P. 31—Perbendaharaan

Peruntukan yang dipinda berjumlah \$816.9 juta. Ini adalah bagi melaksanakan rancangan Kerajaan berkaitan dengan membeli tanah, pelaburan, pinjaman perumahan dan bantuan-bantuan kewangan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Maksud P. 34—Kastam dan Eksais di Raja

Di bawah peruntukan ini yang berjumlah \$35.47 juta adalah bertujuan bagi pembinaan pejabat-pejabat dan rumah-rumah kediaman Kastam sebanyak \$12.75 juta akan dilaksanakan dan juga mendapatkan kenderaan lanci dan kelengkapan sebanyak \$22.72 juta.

Maksud P. 67—Luar Jangka (Contingencies)

Peruntukan berjumlah \$400,000,000 ini adalah sama jua jumlahnya dengan peruntukan pada tahun 1979 yang sesuai digunakan bagi mendahulukan perbelanjaan untuk projek-projek yang mana peruntukannya tidak mencukupi atau tidak disediakan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan untuk Maksud B. 31 hingga B. 35 dan Anggaran Pembangunan di bawah Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 di bawah Kementerian Kewangan sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

7.28 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk kepada Maksud B. 31, muka surat 266, Aktiviti (3) (d)—Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, atas perkara Pinjaman Perumahan, saya suka sentuh sedikit tentang Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. Saya telah diberitahu oleh pegawai-pegawai Kerajaan bahawa mereka telah membuat permohonan untuk mendapatkan rumah-rumah yang dibina oleh syarikat

itu di Sea Port, Sungai Way, Subang dalam tahun 1972 akan tetapi malangnya sehingga hari ini mereka tidak tahu akan kedudukan permohonan mereka itu. Apabila mereka membuat pertanyaan, mereka diberi tahu bahawa rumah-rumah tersebut akan dibina tahun hadapan dan apabila tahun depannya itu telah tiba, mereka dapati rumah-rumah yang berharga murah itu masih belum dibina. Perkara ini telah berulang tahun demi tahun dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyiasat perkara ini, oleh kerana saya diberi tahu bahawa ada lebih kurang 1,000 orang kakitangan-kakitangan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan rumah di sekim itu.

Perkara yang kedua, saya ingin sentuh di sini ialah mengenai Maksud B. 35 dalam muka 290, Aktiviti (3)—Pungutan Cukai. Bersabit dengan perkara ini, saya suka membangkitkan perkara Cukai Pembangunan sebanyak 5% yang perlu dibayar oleh penjaja-penjaja dan perniaga-perniaga kecil jika pendapatan perniagaan tahunan mereka melebihi \$3,000.

Dalam ucapan Belanjawan saya yang baharu lalu, saya telah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada kesusahan yang dialami oleh penjaja-penjaja dan perniaga-perniaga kecil oleh kerana mereka dikehendaki membayar Cukai Pembangunan sebanyak 5% meskipun mereka telah diberikan penambahan pelepasan Cukai Pendapatan yang tinggi yang baharu diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya, tetapi segala wang diselamatkan daripada Cukai Pendapatan itu wang itu masih dikehendaki untuk membuat pembayaran Cukai Pembangunan atau lain-lain bentuk cukai. Jadi, apakah ertinya pelepasan Cukai Pendapatan yang tinggi itu kalau mereka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah masih dikehendaki membayar Cukai Pembangunan.

Saya suka menjelaskan seperti berikut. Misalnya untuk taksiran tahun 1980 pendapatan orang perseorangan dan pasangan yang berkahwin yang masing-masing tidak melebihi \$500 dan \$700 adalah terkecuali daripada membayar Cukai Pendapatan. Bagi orang perseorangan dan pasangan yang juga merupakan penjaja dan perniaga kecil itu

jika pendapatan mereka melebihi \$3,000 setahun maka Cukai Pembangunan adalah dikenakan ke atas mereka.

Saya beri satu contoh, Tuan Pengerusi, misalnya pendapatan perniagaan setiap bulan ialah \$500 pendapatan setahun bernilai \$6,000. Amaun dikecualikan untuk membayar Cukai Pembangunan ialah \$3,000 dan dikenakan Cukai Pembangunan 5% ke atas bakinya iaitu \$3,000 ertinya Cukai Pembangunan yang hendak dibayar oleh peniaga kecil atau penjaja yang dikenakan ialah \$150. Memandangkan kepada perkara ini, saya kira Kerajaan boleh berkorban untuk menghapuskan Cukai Pembangunan untuk penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil atau sekurang-kurangnya menaikkan kadar pengecualian cukai itu daripada \$3,000 kepada \$6,000. Oleh sebab perkara ini ialah satu perkara yang boleh dianggap sebagai satu perkara yang penting yang dialami oleh penjaja-penjaja kecil, saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan dapatlah memberi pertimbangan yang wajar terhadap permintaan saya ini.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud P. 31—Pembangunan muka surat 279, Butiran 11—Sekim Wang Pinjaman Perumahan.

Saya suka menyentuh Sekim Pinjaman Membeli Rumah Harga Murah yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB). Sekim itu telah diumumkan

oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 13hb Disember, 1976 sebagai satu langkah positif untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Sekim ini dikendalikan secara Tabung Wang Pusingan berjumlah \$400 juta dalam bentuk pinjaman (package deal) yang dibiayai oleh Bank Negara Malaysia dan Kumpulanwang Simpanan Pekerja (EPF).

Dalam hubungan ini, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berapa buah projek yang telah diluluskan untuk dibiayai di bawah sekim ini sejak ianya dilancarkan sehingga penghujung bulan Oktober 1979. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adalah penting supaya kita dapat mengetahui tentang kemajuan yang dicapai sejak sekim itu dilancarkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak bercakap lagi?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, saya akan menyambung lagi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 hari esok, 28hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.